



2018
**LAPORAN
TAHUNAN**

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
MEREKAYASA USM SEBAGAI UNIVERSITI PILIHAN

ISI KANDUNGAN

2-27

Maklumat AM

Visi, Misi & 9 Teras APEX	4
Garis Masa	5
Penaung Diraja Universiti	7
Canselor	9
Pro-Canselor	10
Ahli Lembaga Gabenor Universiti	11
Jawatankuasa Audit Universiti	11
Pengurusan Tertinggi Universiti	12
Carta Organisasi USM 2018	13
Pegawai Utama Universiti & Ketua Jabatan	14
USM Dalam Angka 2018	18
Pencapaian Kelestarian	21
Bidang Tumpuan Utama (<i>Key Focus Areas</i>) 2018	26
Pemboleh Jaya (<i>Enablers</i>)	27
Sinopsis Pencapaian USM 2018	28

Menggapai Kejayaan Global (*Achieving Global Prominence*)

1.0 Pengiktirafan Institusi (<i>Institutional Recognition</i>)	43
1.1 The Most Entrepreneurial University	43
1.2 Memposisikan USM Sebagai Universiti Pilihan: Penarafan Global	44
1.3 Menjuarai Penarafan Kebangsaan	48
1.4 Pengiktirafan Pensyarah & Penyelidik	51
1.5 Pengiktirafan Penerbitan	64
1.6 Pengiktirafan Pelajar	68
1.7 Pengiktirafan Sukan & Kebudayaan	74
1.8 Pengiktirafan Kumpulan Inovasi	75
2.0 Program Akademik (<i>Academic Programmes</i>)	77
2.1 Agenda Transformasi Akademik	77
2.2 Pengantarabangsaan	80
2.3 MICROCREDENTIAL@USM	81
2.4 Program Akademik Baharu & Inovatif	83
2.5 Program Ijazah Pertama	83
2.6 Rancangan Ijazah Tinggi	84
2.7 Graduan Sulung Senaman Klinikal	85
2.8 Kebolehpasaran Graduan	86
3.0 Pengalaman Pelajar (<i>Students' Experience</i>)	87
3.1 Pelajar H.E.B.A.T	87
3.2 Pimpin Siswa Lestari	88
3.3 Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (Pilihan Raya Kampus)	88
3.4 Dewan Perundingan Pelajar (Parlimen Mahasiswa)	89
3.5 Ekspo Konvokesyen (CONVEX)	89
3.6 Program Pembangunan Kebudayaan Pelajar	90
3.7 Pembangunan Sukan & Rekreasi	91
3.8 Anugerah Tokoh Siswa USM 2018	93
3.9 Pengurusan Acara	95
3.10 Latihan Industri	95
3.11 Program Sangkutan Pra-Klinikal (Pre-Clinical Attachment)	97
3.12 Penempatan Latihan Pegawai Perubatan Siswazah	97
3.13 Program University Community Internship (UCI)	98
3.14 Program Keusahawanan Sosial	98
3.15 Program Final Project Branding Exhibition	99
3.16 Program Mobiliti Pelajar	99

4.0	Penyelidikan & Perkongsian Industri (<i>Research & Industry Partnership</i>)	102
4.1	Geran Penyelidikan	102
4.2	Geran Penyelidikan Agensi Kerajaan	102
4.3	Geran Penyelidikan Agensi Swasta	105
4.4	Geran Agensi Antarabangsa	105
4.5	Cabaran & Halatuju Ekosistem Penyelidikan USM 2019	106
4.6	Perkongsian Kepakaran Pengurusan Data Penyelidikan	106
4.7	Kemudahan Penyelidikan HUSM	107
5.0	Libatsama Komuniti (<i>Community Engagement</i>)	108
5.1	Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN)	108
5.2	Pusat Kebudayaan Jepun Kyoto University of Foreign Studies (KUFS-USM)	109
5.3	Program AKEPT Competency and Enhancement Programme (ACEP): Perkongsian Amalan Terbaik Libatsama Universiti-Komuniti	110
5.4	Projek Libatsama Komuniti	111
5.5	Program Sukarelawan Pelajar	111
5.6	USM Prihatin	112
5.7	Anugerah Kepemimpinan Masyarakat (AKM)	113
5.8	Perpustakaan USM & Masyarakat	113
5.9	Kerusi Roda Modifikasi Khas USM-RICD	114
5.10	Latihan Pekerjaan Kepada Golongan OKU	115
5.11	Yayasan 'Healing Little Hearts'	115
5.12	Sembang Sihat	116
5.13	Sistem 'Physico Photo-Oxidation' (PPO) Untuk Rawatan Efluen Tekstil	117
5.14	Penapisan Air Kolam Tadahan	117
5.15	Program STEM	117
5.16	Program Kelestarian Alam Sekitar	118
6.0	Rangkaian & Hubungan (<i>Networking & Linkages</i>)	119
6.1	Kolaborasi Global (MoU/MoA)	119
6.2	The Upscaling of Coal and Biomass Cementless Concrete for Implementation in the Concrete Manufacturing Sector	122
6.3	Kerjasama Dengan Osaka University	122
6.4	Kolaborasi Akademia-Industri	122
6.5	Semarak Kasih Syahbandar Village	125
6.6	Health for Kadoli	126
6.7	Sukan Orang Kurang Upaya (SUKOKU)	126
6.8	Penubuhan Ronald McDonald House Charities Di USM	127
6.9	Program Rakyat Sejahtera	127
6.10	Program Merakyatkan Perkhidmatan HUSM	129
6.11	Program 'Plogging' Riadah Sihat Sambil Menjaga Kebersihan	130
6.12	Kempen Kesedaran Penyusuan 'Breastfeeding Walk'	131
6.13	Program 'Walk For Heart' Sempena Hari Jantung Sedunia	131
7.0	Perkhidmatan (<i>Services</i>)	132
7.1	Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik (CDAE)	132
7.2	Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HiCOE)	132
7.3	Pusat Sukan & Rekreasi	133
7.4	Perkhidmatan & Kebajikan Pelajar	135
7.5	Pinjaman, Tajaan & Biasiswa Pelajar	137
7.6	Dana Sangkutan Penyelidikan Pelajar Ijazah Tinggi (PGRA)	139
7.7	Pengurusan Kebajikan Pelajar OKU	139
7.8	Penginapan Pelajar	140
7.9	Pusat Inovasi Komuniti (CIC)	141
7.10	Penerbit USM	143
7.11	Perpustakaan USM	147
7.12	Hospital USM (HUSM)	150
7.13	Perkhidmatan Radioterapi & Brakiterapi di IPPT	154


Pemboleh Jaya (<i>Enablers</i>)	156
1.0 Bakat (<i>Talents</i>)	159
1.1 Kerangka Kompetensi (<i>Competency Framework</i>)	159
1.2 Ekosistem bagi Kesejahteraan Mental & Fizikal	160
1.2.1 Pengesahan Dalam Jawatan	160
1.2.2 Kemajuan Kerjaya	161
1.2.3 Kebajikan Staf	163
1.2.4 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018	164
1.2.5 Perkhidmatan Kaunseling Unit Perhubungan Staf	164
1.2.6 Perkhidmatan Bimbingan Nasihat Akrab Care@USM	164
2.0 Sumber (<i>Resources</i>)	165
2.1 Penjenamaan & Pemasaran (<i>Branding & Marketing</i>)	165
2.1.1 Felo Pengajar	165
2.1.2 CEO Faculty Programme 2.0	165
2.2 Infrastruktur & Infostruktur (<i>Infrastructure & Infostructure</i>)	166
2.2.1 Aplikasi Baharu	166
2.2.2 Ruang Pembelajaran (<i>Learning Space</i>)	175
2.2.3 Bilik Laktasi	176
2.3 Kewangan (<i>Finance</i>)	177
2.3.1 Prestasi & Laporan Kewangan	177
2.3.2 Strategi Belanjawan	177
2.3.3 Strategi Kemamanan Kewangan USM	177
2.3.4 Kampus Tanpa Tunai	178
2.3.5 Pencapaian Penyata Kewangan 2018	178
2.3.6 Laporan Ketua Audit Negara	184
3.0 Governan (<i>Governance</i>)	221
3.1 Bidang Tujahan USM	221
3.2 Geran Komputer Staf Akademik	222
3.3 Geran Akademik	222
3.4 Sisa Biologi Patuh Syariah	222
3.5 Jawatan Timbalan Pengarah (Infrastruktur & Aset) HUSM	222
4.0 Budaya Organisasi (<i>Organisational Culture</i>)	223
4.1 Rukun Nilai USM	223
4.2 Budaya Hijau & Lestari	223
4.2.1 UI GreenMetric World University Ranking on Sustainability (UIGM) 2018	223
4.2.2 Minda Kelestarian Kewangan	225
4.3 Pembangunan Keusahawanan Siswa	226
4.4 #USMFIT	227
Rangkuman	232
Sidang Pengarang	233




MAKLUMAT AM

Visi, Misi & 9 Teras APEX
Garis Masa
Penaung Diraja Universiti
Canselor
Pro-Canselor
Ahli Lembaga Gabenor Universiti
Jawatankuasa Audit Universiti
Pengurusan Tertinggi Universiti
Carta Organisasi USM 2018
Pegawai Utama Universiti & Ketua Jabatan
USM Dalam Angka
Pencapaian Kelestarian
Bidang Tumpuan Utama (*Key Focus Areas*) 2018
Pemboleh Jaya (*Enablers*)

VISI, MISI & 9 TERAS APEX



GARIS MASA





24 Disember 2018

Penemuan meriam berkembar berusia kira-kira 200 tahun dan artifak bersejarah di Fort Cornwallis oleh Penyelidik Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, USM



30 November 2018

USM diiktiraf Universiti Keusahawanan Terbaik 2018 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)



21 Februari 2018

USM memulakan inisiatif Kampus Tanpa Tunai dengan pelaksanaan USMartPay



21 Februari 2018

USM lancarkan Massive Open Online Courses (MOOCs) & Microcredential bagi penuhi permintaan pembelajaran fleksibel



20 Januari 2018

USM Lancarkan Perkhidmatan Kesihatan Eksekutif (EH5) 2018 di Hospital USM Kubang Kerian, Kelantan



17 Disember 2017

Pesta Hoki USM-Penang International yang mula diperkenalkan pada tahun 1973 memasuki edisi ke-44 penganjuran dan menjadi kejohanan terbesar di dunia yang dikelolakan sepenuhnya oleh pelajar



3 November 2017

Mantan Naib Canselor USM, Tan Sri Datuk Dzulkifli Abdul Razak menjadi penerima anugerah berprestij Anugerah Tokoh Akademik Negara



20 Mei 2017

Pengerusi Lembaga Gabenor Universiti, Tan Sri Dato' Dr. Zulkefli A. Hassan dilantik Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan USM



USM selaku perintis Asia-Pacific University-Community Engagement Network telah memainkan peranan penting dalam mengeratkan jaringan dengan 97 institusi dari 19 negara.

PELANTIKAN CANSELOR



PELANTIKAN PRO-CANSELOR



PELANTIKAN NAIB CANSELOR



PELANTIKAN Pengerusi Majlis / Lembaga Pengarah Universiti / Lembaga Gabenor Universiti



PENAUNG DIRAJA UNIVERSITI



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG XV SULTAN MUHAMMAD V

D.K., D.K.M., D.M.N., D.K. (Selangor), D.K. (Negeri Sembilan),
D.K. (Johor), D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Kedah), D.K. (Terengganu), S.P.M.K.,
S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K.

CANSELOR




**DYMM Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum
Tuanku Syed Putra Jamalullail**

D.K.P., D.K., S.S.P.J., D.K.M., D.M.N., D.K. (Perak), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Kedah), D.K. (Kelantan), D.K.M.B. (Brunei), D.K. (Selangor), D.K. (Pahang), D.K. II (Terengganu), S.P.M.J., S.P.C.M., S.S.M.T., Grand Order of King Tomislav (Croatia), Grand Collier De L'Independence (Grand Medal of the Independence) - Cambodia, Grand Croix De L'Ordre (Royal Sash) - Cambodia, Cavaliere Di Gran Croce Decorato Di Gran Cordone (Italy), Qiladah Badr Al-Kubra (Arab Saudi), Decoration of Omayad - The Finest Decoration (Syria), Knight of the Royal Order of the Seraphim (Sweden), Grand Cordon of the Order of the Sacred Treasure (Japan)

PRO-CANSELOR



Tan Sri Razali Ismail



**Tan Sri Dato' Dr.
Jegathesan Manikavasagam**



Tan Sri Datuk Mustafa Mansur

AHLI LEMBAGA GABENOR UNIVERSITI

1(a) Pengerusi
Tan Sri Datuk Dr. Zulkefli A. Hassan
(1/4/2012 - 31/03/2018)

1(b) Pengerusi
Dr. Hari Narayanan P. Ondiveeran
(1/10/2018 - 30/9/2021)

2. Ahli
Profesor Datuk Dr. Asma Ismail FASc.
(4/10/2016 - 03/10/2019)

3. Ahli
Profesor Dr. Raha Abdul Rahim
(2/10/2018 - 1/11/2020)

4. Ahli
Mohd Nasir Mohamad Mazlan
(2/1/2018 - 1/11/2020)

5. Ahli
Dato' Sri Syed Saleh Syed Abdul Rahman
(1/10/2018 - 30/9/2021)

6(a) Ahli
Dato' Ahmad Ibnihajar
(1/10/2016 - 30/9/2019)

6(b) Ahli
Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor
(1/10/2018 - 30/9/2021)

7. Ahli
Profesor Dato' Dr. Ahmad Shukri Mustapa Kamal
(16/8/2017 - 14/8/2020)

8. Ahli
Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak
(16/8/2017 - 14/8/2020)

9. Ahli
YM Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel Tengku Arif
(15/1/2018 - 14/1/2020)

10(a) Ahli
Datuk Redza Rafiq Abdul Razak
(1/6/2015 - 31/5/2018)

10(b) Ahli
Johan Mahmood Marican
(15/8/2018 - 14/8/2021)

11. Ahli
Dato' Patahiyah Ismail
(1/2/2018 - 31/01/2021)

12. Ahli
Profesor Dr. Syed Farid Al-Attas
(1/2/2018 - 30/01/2021)

13. Setiausaha
Dr. Hj. Musa Ali
(1/1/2018 - 31/12/2020)



Ex-Officio

- Timbalan-timbalan Naib Canselor
- Pengarah Kampus Kesihatan
- Pengarah Kampus Kejuruteraan
- Pendaftar
- Bendahari
- Penasihat Undang-Undang

JAWATANKUASA AUDIT



1. Pengerusi
Profesor Dr. Ir. Raha Abdul Rahim
(11/1/2014 - 30/9/2017)

2. Ahli
Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd Noor
(1/10/2018 - 30/9/2021)

3. Setiausaha
'Ubaidillah Ozmin
(1/1/2018 - 31/12/2020)

PENGURUSAN TERTINGGI



1. Naib Canselor

Profesor Datuk Dr. Asma Ismail, FASc.
(4/10/2016 – 3/10/2019)

2. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Profesor Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah
(15/3/2017 - 14/3/2020)

3. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Profesor Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, FASc.
(1/5/2018 – 30/4/2021)

4. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni)

Profesor Dato' Dr. Adnan Hussein
(1/12/2014 – 30/11/2018)

5. Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Profesor Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, FASc.
(1/5/2016 – 30/4/2018)

6. Pengarah Kampus Kesihatan

Profesor Dato' Paduka Dr. Ahmad Sukari Halim
(15/11/16 – 31/12/2021)

7. Pengarah Kampus Kejuruteraan

Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria
(15/3/2017 – 31/12/2021)

8. Pendaftar

Dr. Musa Ali
(1/1/2018 - 31/12/2020)

9. Bendahari

Dr. Rohayati Mohd. Isa
(1/1/2016 – 31/12/2021)

10. Penasihat Undang-undang

Dr. Khairul Anuar Che Azmi
(1/1/2016 – 31/12/2021)

11. Ketua Pustakawan

Engku Razifah Engku Chik
(27/10/17 – 31/12/2018)
Bertugas sehingga 31/10/2018

12. Ketua Pustakawan

Rugayah Ali
(1/11/2018 - 31/10/2021)


13. Ombudsman

Profesor Dato' Seri Dr. Md. Salleh Yaapar
(1/1/2017 – 31/12/2021)

14. Ketua Audit Dalam

'Ubaidillah Ozmin
(1/1/2015 – 31/12/2021)

CARTA ORGANISASI USM 2018



PP : Pusat Pengajian
 PPS : Pusat Pengajian Sains
 PPK : Pusat Pengajian Kejuruteraan

PEGAWAI UTAMA UNIVERSITI & KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB

PUSAT PENGAJIAN

Pusat Pengajian Sains Fizik (1969; dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Ilmu Fizik & Ilmu Hisab)

School of Physics

Profesor Dr. Azlan Abdul Aziz

Pusat Pengajian Sains Kajihayat (1969)

School of Biological Sciences

Profesor Dr. Amirul Al-Ashraf Abdullah

Pusat Pengajian Sains Kimia (1969)

School of Chemical Sciences

Profesor Dr. Afidah Abdul Rahim

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (1970; dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Ilmu Kebudayaan & Kemanusiaan)

School of Humanities

Profesor Dr. Narimah Samat

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (1970)

School of Educational Studies

Profesor Dr. Hairul Nizam Ismail

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan (1970)

School of Social Sciences

Profesor Dr. Azlinda Azman

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan (1972; dahulunya dikenali sebagai Pusat Pengajian Sains Bangunan & Perancangan)

School of Housing, Building & Planning

Profesor Dr. Aldrin Abdullah

Pusat Pengajian Sains Farmasi (1972)

School of Pharmaceutical Sciences

Prof. Madya Dr. Nurzalina Abdul Karim Khan

Pusat Pengajian Sains Matematik (1974)

School of Mathematical Sciences

Profesor Dr. Hailiza Kamarulhaili

Pusat Pengajian Sains Perubatan (1979)

School of Medical Sciences

Profesor Dr. Hj Shaiful Bahari Ismail

Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral (1986)

School of Materials & Mineral Resources Engineering

Profesor Dr. Zuhailawati Hussain

Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (1986)

School of Electrical & Electronic Engineering

Profesor Ir. Dr. Mohd Rizal Arshad

Pusat Pengajian Teknologi Industri (1986)

School of Industrial Technology

Profesor Dato' Dr. Azhar Mat Easa

Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam (1989)

School of Civil Engineering

Profesor Dr. Taksiah A. Majid

Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik (1989)

School of Mechanical Engineering

Profesor Dr. Zainal Alimuddin Zainal Alauddin

Pusat Pengajian Pengurusan (1989)

School of Management

Profesor Dr. Fauziah Md. Taib

Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia (1992)

School of Chemical Engineering

Profesor Dr. Azlina Harun @ Kamaruddin

Pusat Pengajian Komunikasi (1995)

School of Communication

Dr. Shuhaida Mohd. Noor

Pusat Pengajian Sains Komputer (1995)

School of Computer Sciences

Profesor Dr. Ahamad Tajudin Khader

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh (1998; Rancangan Pengajian Luar Kampus mula ditawarkan pada tahun 1971)

School of Distance Education

Prof. Madya Dr. Mustafa Fadzil Farid Wajidi

Pusat Pengajian Sains Pergigian (1998)

School of Dental Sciences

Profesor Dr. Adam Husein

Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa (1999)

School of Aerospace Engineering

Profesor Ir. Dr. Mohd Zulkifly Abdullah

Pusat Pengajian Sains Kesihatan (1999)

School of Health Sciences

Profesor Dr. Norazmi Mohd Nor

Pusat Pengajian Seni (1999; dinaiktaraf daripada Pusat Seni yang ditubuhkan pada tahun 1984)

School of the Arts

Prof. Madya Dr. A.S. Hardy Shafii

Pusat Pengajian Bahasa, Literasi & Terjemahan (2008; dinaiktaraf daripada Pusat Bahasa & Terjemahan yang ditubuhkan pada tahun 1972)

School of Languages, Literacies & Translation

Profesor Dr. Tengku Sepora Tengku Mahadi

Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (2009)

Graduate School of Business

Profesor Dr. Azlan Amran

Institut Pengajian Siswazah (1991)

Institute of Postgraduate Studies

Profesor Dr. Rozman Hj. Din

PUSAT KECEMERLANGAN PENDIDIKAN TINGGI

Institut Penyelidikan & Perubatan Molekul

Institute for Research & Molecular Medicine

Profesor Dr. Rahmah Noordin

Pusat Penyelidikan Dadah & Ubat-ubatan

Centre for Drug Research

Profesor Dr. Vicknasingam Balasingam Kasinather

Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai & Saliran Bandar

River Engineering & Urban Drainage Research Centre

Profesor Dr. Nor Azazi Zakaria

PUSAT KECEMERLANGAN

Institut Penyelidikan & Teknologi Nano-Optoelektronik

Institute of Nano-Optoelectronics Research & Technology

Profesor Dr. Haslan Abu Hassan - Pemangku

Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara

National Higher Education Research Institute

Prof. Madya Dr. Hazri Jamil

Institut Perubatan & Pergigian Termaju

Advanced Medical & Dental Institute

Dr. Norehan Mokhtar

Pusat Biologi Kimia

Centre for Chemical Biology

Profesor Dr. Alexander Chong Shu Chien

Pusat IPv6 Termaju Negara

National Advanced IPv6 Centre

Profesor Dr. Rosni Abdullah @ Mustafa

Pusat Kajian Kelestarian Global

Centre for Global Sustainability Studies

Dr. Suzyrman Sibly

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam

Centre for Islamic Development Management Studies

Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari

Pusat Kajian Samudera & Pantai

Centre for Marine & Coastal Studies

Profesor Dato' Dr. Aileen Tan Shau Hwai

Pusat Penyelidikan Arkeologi Global

Centre for Global Archaeological Research

Profesor Dato' Dr. Mohd Mokhtar Saidin

Pusat Penyelidikan Biokimia Analisis

Analytical Biochemistry Research Centre

Profesor Dr. Zafarina Zainuddin

Pusat Penyelidikan Dasar & Kajian Antarabangsa

Centre for Policy Research & International Studies

Prof. Madya Dr. Azeem Fazwan Ahmad Farouk

Pusat Penyelidikan Wanita & Gender

Centre for Research on Women & Gender

Profesor Dr. Noraida Endut

Pusat Racun Negara

National Poison Centre

Profesor Dato' Dr. Mohamed Isa Abd. Majid

Pusat Teknologi Pengajaran & Multimedia

Centre for Instructional Technology & Multimedia

Prof. Madya Dr. Wan Ahmad Jaafar Wan Yahaya

Pusat Usahasama Kecemerlangan Rekabentuk Mikroelektronik

Collaborative Microelectronic Design Excellence Centre

Profesor Dr. Mohd. Zaid Abdullah

PUSAT PERKHIDMATAN

Bahagian Pembangunan Institusi

Institutional Development Division

Profesor Dr. Phua Kia Kien

Dewan Budaya USM

USM Cultural Hall

Prof. Madya Dr. A.S. Hardy Shafii

Hospital Universiti Sains Malaysia

Universiti Sains Malaysia Hospital

Profesor Dato' Paduka Dr. Ahmad Sukari Halim

Jabatan Keselamatan

Security Department

Prof. Madya Dr. Sundramoorthy M. Pathmanathan

Jabatan Pembangunan

Department of Development

Arman Abdul Razak

Muzium & Galeri Tuanku Fauziah

Tuanku Fauziah Museum & Gallery

Zolkurnian Hassan

Nexus Kejuruteraan

Nexus Engineering

Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad

Nexus Perubatan & Sains Kesihatan

Nexus Medical & Health Sciences

Profesor Dr. Nik Soriani Yaacob

Nexus Sains

Nexus Science

Profesor Dr. Mohd Nazalan Mohd Najimudin

Pejabat APUCEN

APUCEN Office

Profesor Dato' Dr. Tan Shau Hwai

Pejabat Aset & Operasi Universiti

University Operation & Asset Office

Abd Hadi Ahmad

Pejabat Inovasi & Pengkomersilan

Innovation & Commercialisation Office

Profesor Dr. Hanafi Ismail

Pejabat Jaringan Industri

Office of Industrial Relations

Prof. Madya Dr. Yeoh Fei Yee

Pejabat Jaringan Komuniti

Office of Community Network

Syed Yusof Syed Kechik

Pejabat Kolaborasi Antarabangsa Universiti

University International Collaborations Office

Profesor Dr. Lee Keat Teong

Pejabat Pengurusan & Kreativiti Penyelidikan

Research Creativity & Management Office

Profesor Dr. Lee Keat Teong

Pejabat Zakat, Waqaf & Infaq

Zakat, Waqaf & Infaq Office

Rohayati Daud

Penerbit USM

USM Press

Akhiar Salleh

Pusat Inkubasi Universiti

University Incubation Centre

Profesor Dr. Zafarina Zainuddin

Pusat Inovasi & Produktiviti Pentadbiran Awam

Centre for Innovation & Productivity of Public

Administration

Dr. Musa Ali

Pusat Islam

Islamic Centre

Prof. Madya Dr. Sofri Yahya

(Hingga 30 Jun 2018)

Mohammad Shukri Osman

(1 Julai 2018 - 31 Disember 2018) - Pemangku

Pusat Kebudayaan Jepun KUFS-USM

KUFS-USM Japanese Cultural Centre

Masatoshi Soeda

Pusat Keusahawanan Universiti

University Entrepreneurship Centre

Profesor Dr. Mahmud Sabri Haron

Pusat Kualiti Universiti

University Quality Centre

Prof. Madya Dr. Ahmad Mohamad

Pusat Media & Perhubungan Awam

Media & Public Relations Centre

Tiada Pelantikan

Pusat Mobiliti & Kolaborasi Antarabangsa

International Mobility & Career Centre

Dr. Muhizam Mustafa

Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik

Centre for Development of Academic Excellence

Profesor Dr. Abd Karim Alias

Pusat Pembangunan Perniagaan Universiti*Centre for Business Development*

Profesor Datuk Dr. Abdul Khalil Shawkataly

Pusat Pembangunan Sahsiah Pelajar*Student Development Centre*

Dr. Nazarudin Zainun

Pusat Pemindahan Ilmu*Knowledge Transfer Centre*

Profesor Dr. Haslan Abu Hassan

Pusat Pendidikan & Latihan Tenaga Boleh Baharu, Kecekapan Tenaga & Teknologi Hijau*Centre for Education & Training in Renewable Energy, Energy Efficiency & Green Technology*

Prof. Madya Dr. Mohd Wira Mohd Shafiei

Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi*Centre for Knowledge, Communication & Technology*

Zulham Hamdan

Pusat Penyelidikan & Perkhidmatan Haiwan*Animal Research & Service Centre*

Dr. Saidi Jaafar

Pusat Penyelidikan Sains & Kejuruteraan*Science & Engineering Research Centre*

Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak

Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya & Kebolehpasaran Graduan*Centre for Alumni Liaison, Career & Graduate Employability*

Dr. Norazharuddin Shah Abdullah

Pusat Rancangan Kokurikulum (Kampus Induk)*Centre for Co-Curriculum Programmes (Main Campus)*

Prof. Madya Dr. Ahmad Tajuddin Othman

Pusat Sejahtera*Sejahtera Centre*

Dr. Normala Abdul Wahid

Pusat Seni Reka Kreatif*Creative Design House*

Profesor Dr. Azizi Bahauddin

Pusat Standardisasi Herba*Centre for Herbal Standardization*

Profesor Dr. Sabariah Ismail

Pusat Sukan & Rekreasi*Sports & Recreation Centre*

Muhamad Mohd Hanif

Pusat Transformasi Insan*Human Transformation Centre*

Tiada Pelantikan

Sains@USM*Sains@USM*

Profesor Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, FASc.

Yayasan USM*USM Foundation*

Profesor Dato' Ir. Dr. Mahyuddin Ramli

PENYELARAS / KETUA UNIT BAHAGIAN / PUSAT

**Bahagian Kualiti Akademik & Akreditasi
(Kampus Kejuruteraan)**
*Academic Quality & Accreditation Division
(Engineering Campus)*
Prof. Madya Sr. Dr. Mohd Sanusi S. Ahamad

Pusat Kepakaran Serantau
Regional Centre
Profesor Dr. Munirah Ghazali

**Pusat Rancangan Kokurikulum
(Kampus Kejuruteraan)**
*Centre for Co-Curriculum Programmes
(Engineering Campus)*
Dr. Mohd Salman Abu Mansor

**Pusat Rancangan Kokurikulum
(Kampus Kesihatan)**
*Centre for Co-Curriculum Programmes
(Health Campus)*
Dr. Mohd Ismail Ibrahim

Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
Occupational Safety & Health Unit
Mohammad Zaip Ahmad

PENGGAWA DESASISWA

Desasiswa Aman Damai & Fajar Harapan
*Aman Damai & Fajar Harapan Students'
Residence*
Mohd Zain Dollah

Desasiswa Bakti Permai & Cahaya Gemilang
*Bakti Permai & Cahaya Gemilang Students'
Residence*
Mohd Shafie Ariffin

Desasiswa Indah Kembara
Indah Kembara Students' Residence
Dr. Darlina Md Naim

Desasiswa Jaya Utama & Lembaran
Jaya Utama & Lembaran Students' Residence
Dr. Mohd Hazizan Mohd Hashim

Desasiswa Murni & Nurani
Murni & Nurani Students' Residence
Prof. Madya Dr. Raja Azman Raja Awang

Desasiswa Restu
Restu Students' Residence
Dr. Husaini Yaacob


Desasiswa Saujana
Saujana Students' Residence
Dr. Norhaida Mohd Kaus

Desasiswa Tekun
Tekun Students' Residence
Dr. Nazarudin Zainun


PETAS (Pelajar Tanpa Asrama)
(Student Without Hostel)
Prof. Madya Dr. Anees Jane Ali

USM DALAM ANGKA 2018

(Data sehingga 31 Disember 2018)




Nota:
 Statistik staf pada 31 Disember 2018
 (termasuk staf HUSM, kontrak yang dibayar
 di bawah PKDK Vot 29000 dan Geran)



Nota:

- Statistik kemasukan pelajar dalam tempoh Januari - Disember 2018
- Statistik enrolmen pelajar Diploma dan Ijazah Pertama pada 31 Oktober 2018, Pengajian tanpa Ijazah dan Ijazah Tinggi dalam tempoh Januari - Disember 2018
- Statistik graduan bagi konvokesyen Oktober 2018




Nota:


- Enrolmen Pelajar Antarabangsa merangkumi 78 buah negara
- Enrolmen Pelajar Antarabangsa dalam tempoh Januari - Disember 2018

PENCAPAIAN KELESTARIAN

[Sumber: Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS) - Laporan UI GreenMetric World University Ranking 2018]









**Pencapaian Kelestarian
USM (Pengangkutan)**
*USM Sustainability
Achievements
(Transportation)*



**Perkhidmatan bas di
sekitar kampus**
*Bus service is
available around the
campus*



**Laluan pejalan kaki
bagi keselamatan
pejalan kaki**
*Pedestrian way is
available for
pedestrian's safety*



**Pengurangan 30%
penggunaan kawasan
parkir di kampus**
*30% decrease use of
parking area on
campus*



**Sistem Kunci Tayar
dilaksanakan untuk
mengurangkan bilangan
kenderaan yang
memasuki kampus**
*Clamping System is
implemented to reduce
the number of vehicle
entering the campus*



Bidang Tumpuan Utama (Key Focus Areas) 2018



Pemboleh Jaya (Enablers)





**SINOPSIS
PENCAPAIAN
USM 2018**

“

Usaha memantapkan
USM sebagai universiti
pilihan digembleng melalui
kecemerlangan yang dicapai
dalam aspek akademik,
penyelidikan, jaringan industri
dan masyarakat, hal ehwal
pelajar dan alumni serta
pengurusan institusi”



DR. HARI NARAYANAN P ONDIVEERAN
PENGERUSI, LEMBAGA GABENOR UNIVERSITI

SINOPSIS PENCAPAIAN USM 2018

USM Bakal Menyambut Ulang Tahun ke-50



Tahun 2018 ialah tahun kritikal bagi USM kerana universiti bakal menyambut ulang tahun yang ke-50 pada tahun 2019. Dalam usia 49 tahun pada 2018, tahun ini juga ialah tahun terakhir USM dikategorikan sebagai Universiti 'Under 50'. Hal ini memberikan makna penting kepada USM untuk terus bergerak ke hadapan memimpin pengajian tinggi negara. Pengalaman dan pencapaian USM dalam tempoh 49 tahun menjadi penentu kepada keupayaan universiti mengenal pasti dan bertindak pantas terhadap perubahan yang berlaku di dalam dan di luar sektor pengajian tinggi.

Justeru, seluruh warga USM telah bersama-sama memberikan komitmen/iltizam yang terbaik untuk memastikan USM terus menjadi Universiti Pilihan kepada pelbagai pihak. Universiti telah bertindak secara inovatif dan memimpin pengajian tinggi negara melalui pemerkasaan aktiviti utama yang dapat mentransformasikan Sistem Pendidikan Tinggi Malaysia demi memastikan universiti menjadi relevan, dihormati dan dirujuk dalam menghadapi cabaran kini dan akan datang. Dengan slogan "Merekayasa USM sebagai sebuah Universiti Pilihan (*Making USM The Preferred University By Design*)", USM telah melaksanakan strategi untuk menjadi universiti terkemuka dan pilihan utama pemegang taruh.

Pencapaian cemerlang USM sepanjang tahun 2018 membuktikan bahawa universiti ini telah menjadi Universiti Pilihan oleh pelbagai pemegang taruh.



**PROFESOR DATUK DR.
ASMA ISMAIL, FASc.**
Naib Canselor USM

Keunggulan Sebagai The Most Entrepreneurial University of The Year



USM menerima Anugerah The Most Entrepreneurial University of The Year pada tahun 2018 dalam Ministry of Education Entrepreneurial Award (MEA), berdasarkan rekod pencapaian pada tahun 2017. Anugerah ini ialah pengiktirafan terhadap inisiatif dan prestasi USM yang cemerlang dalam pengukuhan ekosistem sebuah universiti keusahawanan. Pencapaian kali ini mengatasi pencapaian sebagai peserta peringkat akhir semasa MEA pada tahun 2017. Anugerah ini telah mengambil kira pencapaian cemerlang USM dalam memperkasakan ekosistem keusahawanan yang merangkumi Hal Ehwal Pelajar, Akademik, Penyelidikan serta Jaringan Komuniti dan Industri. Anugerah bernilai RM300,000 telah disampaikan kepada USM oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik.

Lonjakan Dalam Penarafan

Sepanjang tahun 2018, USM menetapkan sasaran menjadi Universiti Pilihan utama oleh semua pemegang taruh, 'Quadruple Helix' serta sebagai 'Global Player' yang Dihormati (*Respected*), Dirujuk (*Referred*) dan Relevan (*Relevant*) dalam melonjakkan USM ke tahap yang lebih tinggi secara 'by design and not by chance'.

Quacquarelli Symonds (QS)

Berdasarkan pencapaian tahun 2018, keunggulan USM sebagai sebuah universiti

telah berjaya meningkatkan kedudukannya dalam QS World University Rankings 2019 sebanyak 57 tangga berbanding tahun sebelumnya. USM juga telah menunjukkan pencapaian yang baik menerusi QS Asian University Rankings, #43, 2019 (berdasarkan pencapaian tahun 2018) berbanding #46, dalam penarafan tahun 2018. Dalam QS World University Rankings 2018 by Subject, Mineral & Mining Engineering berada pada #43 iaitu dalam kedudukan 50 teratas.

Dalam kalangan universiti yang berusia di bawah 50 tahun, USM berada pada kedudukan ke-14 terbaik dunia. Pencapaian ini ialah petunjuk positif terhadap keupayaan USM untuk terus bersaing dengan universiti lain di seluruh dunia.

Pengiktirafan kecemerlangan USM turut dicapai melalui pencapaian Lima (5) Bintang bagi Penarafan QS Stars Rated for Excellence 2016-2019. QS Stars Rating ialah instrumen penarafan mengikut bintang untuk membuat perbandingan dengan standard global meliputi pelbagai elemen termasuk elemen pengajaran, penyelidikan, pengantarabangsaan, kebolehpasaran graduan dan sebagainya menerusi kelompok kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Terkini, pencapaian USM dalam Malaysian Universities in Times Higher Education Emerging Economies University Ranking 2019 terus mara ke hadapan dengan menempatkan USM pada kedudukan #105 berbanding #135 pada tahun 2018.

Times Higher Education (THE)

USM berada pada kedudukan ke-162 dalam THE Asian Universities Rankings (AUR) pada tahun 2018. Lebih 350 buah universiti daripada 25 negara di Asia telah menyertai penarafan ini. Bagi THE World Universities Rankings (WUR) pula, USM telah menerima kedudukan ke-601-800 dunia. Sebanyak 1,258 universiti daripada 86 negara telah mengambil bahagian dalam penarafan tersebut.

Kedudukan baik dalam penarafan adalah penting untuk memastikan USM terus unggul sebagai sebuah Universiti Pilihan kepada semua pemegang taruh. Penarafan USM pada peringkat antarabangsa menjadi penanda aras untuk menilai kedudukan USM berbanding universiti lain di seluruh dunia. Keberadaan universiti dalam *ranking* berpotensi menarik lebih ramai pelajar dan rakan strategik dari seluruh dunia untuk menjadikan USM sebagai universiti pilihan mereka.

Malaysia Research Assessment (MyRA®)

USM telah berjaya mengekalkan status sebagai sebuah Universiti Penyelidikan melalui pengauditan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 18 dan 19 April 2018 dengan memperoleh penarafan Enam (6) Bintang. USM mencapai kecemerlangan dalam Kriteria Kuantiti dan Kualiti Pengajian Siswazah, Jaringan dan Perhubungan, Sokongan dan Fasiliti serta Penjanaan Kewangan.

Tokoh Srikandi Negara

Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail telah dianugerahi Tokoh Srikandi 2018 (Kategori Pendidikan) dalam Majlis Malam Semarak Perjuangan bersempena ulang tahun ke-70 Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan merupakan penerima kedua bagi anugerah ini. Kali pertama majlis penganugerahan seperti ini diadakan pada tahun 2014. Anugerah Tokoh Srikandi Negara mengiktiraf jasa dan sumbangan golongan wanita terhadap pembangunan Malaysia dalam pelbagai lapangan sama ada di dalam mahupun di luar negara.

Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan

Sebagai sebuah Universiti Penyelidikan, USM turut mencipta keunggulan dalam aspek penyelidikan dan penerbitan.

Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN), telah diiktiraf sebagai satu daripada sepuluh institut di dunia yang telah dianugerahi Pertubuhan Pelatihan ATLAS.ti (CATO). Pengiktirafan ini dicapai selepas Dr. Majid Ghasemy disahkan sebagai Pelatih Kanan



Profesional CATO serta memenuhi keperluan lain seperti menjalankan bengkel ATLAS.ti yang berjaya dan kerjasama yang erat dengan syarikat ATLAS.ti di Jerman. ATLAS.ti ialah salah satu pakej perisian terkemuka untuk Analisis Data Kualitatif (QDA) yang digunakan secara meluas oleh Penyelidik Sains Sosial.

Pusat Penyelidikan Arkeologi Global ialah Pusat Rujukan Dunia bagi Penyelidikan Arkeologi. Antara kerjasama yang telah dilaksanakan dengan rakan strategik global pada tahun 2018 adalah Geogenetic Lab, University of Copenhagen dalam bidang Prehistory DNA; Radiocarbon Lab, Florida dalam bidang pentarikhan 'radiocarbon'; University of Peshawar, Pakistan dalam bidang inskripsi; Korea Basic Science Lab dalam bidang pentarikhan Optically Stimulated Luminescence (OSL) & Thermoluminescence (TL); Hiruzen Lab, Okayama University Japan dalam bidang pentarikhan 'fission track'; Sophia University Japan dan Institute Prehistory of Korea dalam bidang Prasejarah.

Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan telah dianugerahi geran bernilai RM5.3 juta oleh National Institute of Health dan Yale University untuk mencari, mengkaji serta merawat mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah di Malaysia. Penyelidikan ini memberikan manfaat kepada rakyat di negara ini dan komuniti antarabangsa yang diancam oleh isu global ini.

Pusat Racun Negara (PRN) USM mendapat pengiktirafan semula sebagai Pusat Kerjasama Serantau bagi Rantau Asia Pasifik, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organisation – WHO) bagi Maklumat Ubat-ubatan bermula pada 14 Disember 2018 hingga 14 Disember 2020. Kali ini, PRN telah dipertanggungjawabkan dengan dua (2) terma rujukan baharu iaitu (i) Menyokong WHO dalam membangunkan modul latihan dan *toolkits* untuk mengimplementasikan strategi AWaRe (*Access, Watch and Reserve*) bagi *antibiotic stewardship* dan (ii) Menyokong WHO dalam pembangunan polisi dan kempen kepada masyarakat umum dalam hal berkaitan penggunaan antibiotik secara rasional.

Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS) diberikan hak mutlak melalui kerjasama dengan University of London untuk memiliki dan mengkaji koleksi surat digital yang ditulis oleh pengasas Pulau Pinang, Kapten Francis Light. Terdapat banyak maklumat yang akan memberikan pencerahan kepada sejarah Pulau Pinang dan Malaysia. Hak mutlak ini bakal menjadi daya penarik kepada USM untuk menjadi Pusat Rujukan kepada pengkaji tempatan dan antarabangsa.

Melalui projek Pendigitalan dan Pendokumentasian Surat-surat Light, satu perjanjian telah ditandatangani antara School of Oriental and African Studies (SOAS), London dengan USM melalui CenPRIS serta Perpustakaan USM yang bertujuan memberikan akses kepada Surat-surat Light melalui hak-hak yang dikawalinya untuk pengkatalogan dan pencarian transkripsi dan transliterasi yang dihasilkan. Surat-surat Light yang telah didigitalkan menghasilkan 2,400 imej. Pengkatalogan bahan digital Surat-surat Light akan dilaksanakan oleh Perpustakaan USM. Transliterasi dan transkripsi bahan akan dihasilkan oleh CenPRIS. Pencarian transkripsi dan metadata deskriptif bahan dapat diakses melalui sistem perisian terbuka yang diuruskan oleh Perpustakaan USM.

Kecemerlangan Penyelidik USM

USM memiliki barisan penyelidik yang hebat dan cemerlang berdasarkan pelbagai pengiktirafan yang diperoleh pada peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Antaranya adalah:



Dr. Siti Khayriyyah Mohd Hanafiah dari Pusat Pengajian Sains Kajihayat yang telah dinobatkan sebagai JUARA DUNIA dalam pertandingan FameLab International 2018 melalui pembentangan beliau berkenaan Penggunaan Pasangan

Antibodi-antigen untuk diagnosis Penyakit Tibi. Beliau telah mendahului 11 peserta akhir dari pelbagai negara seperti Australia, Itali, Ireland, Qatar, Korea dan Portugal. Kejayaan ini memberikan inspirasi kepada pensyarah muda di seluruh dunia untuk menguasai kemahiran komunikasi lisan untuk menarik minat orang ramai terhadap sains dan teknologi yang sering dianggap sebagai topik yang rumit dan tidak menyeronokkan.



Prof. Madya Dr. Oon Chern Ein telah dinobatkan sebagai Saintis Muda Negara 2018; Anugerah Wanita Masa Hadapan – Asia Tenggara (Kategori Sains, Teknologi dan Digital) bagi kecemerlangan kerja beliau mengenai terapeutik baharu untuk merawat kanser.

Penyelidikan beliau memberikan tumpuan kepada perencatan sirtuin, molekul yang memainkan peranan penting dalam kanser, penyakit metabolik dan neurodegeneratif. Selain beliau, terdapat 14 ahli sains / penyelidik dari USM telah dipilih untuk menerima Anugerah Saintis Muda Negara dari tempoh tahun 1991 hingga 2018. Anugerah ini mengiktiraf kecemerlangan, kreativiti dan sumbangan ahli sains muda tempatan dalam bidang Sains dan Teknologi, yang secara tidak langsung, merupakan sumbangan kepada kemajuan sains dan teknologi, sosioekonomi atau perindustrian negara.



Selain itu, Prof. Madya Dr. Oon Chern Ein yang juga penyelidik di Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM) ialah seorang daripada sembilan (9) wanita di bawah usia 35 tahun dari Asia Tenggara yang telah dianugerahi dengan gelaran Woman of the Future – South East Asia pada tahun 2018. Anugerah ini diasaskan oleh Pinky Lilani dari United Kingdom dan mendapat sokongan Pesuruhjaya British Malaysia. Beliau terpilih menerima anugerah ini dalam kategori Sains Teknologi dan Digital. Kategori ini mengiktiraf wanita muda yang benar-benar luar biasa, memupuk asas baharu dalam usaha saintifik, serta menunjukkan pencapaian dalam dunia digital dan teknologi.

Penyelidik USM telah berjaya bekerjasama dengan rakan penyelidik dari pelbagai negara untuk menghasilkan penerbitan penyelidikan secara bersama. Kolaborasi penerbitan bersama 15 buah negara utama dalam tempoh lima (5) tahun meliputi 746 penerbitan

merangkumi bidang Sains Kimia, Sains Bahan, Sains Perubatan dan Sains Fizik.

Anugerah Malaysia's Research Star Award (MRSA) ialah pengiktirafan dan penghargaan kepada penyelidik tempatan yang telah berjaya menerbitkan hasil penyelidikan dan penulisan ilmiah berkualiti yang diterbitkan serta diindeks dalam pangkalan data antarabangsa terkemuka. Enam (6) orang pensyarah USM telah menerima anugerah ini pada tahun 2018 mengikut kategori berikut: Highly Cited Researcher 2018; High Impact Paper; Prominent Topics in Research.

Dua (2) penyelidik USM iaitu Dr. Nethia Mohana Kumaran dari Pusat Pengajian Sains Kajihayat dan Dr. Lee Hooi Ling dari Pusat Pengajian Sains Kimia adalah antara sebelas (11) penerima dari Malaysia yang tersenarai sebagai pemenang Anugerah Felo dan Biasiswa Berprestij yang dibiayai oleh Kerajaan Australia iaitu Endeavour Research Fellowship. Penerima telah ke Australia untuk

ACADEMIC JOURNALS ACCORDED CREAM STATUS 2018

				
<p>HIGH PERFORMANCE JOURNALS INDEXED IN WEB OF SCIENCE</p> <p>Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society Professor Dato' Indera Dr. Rosihan M. Ali</p>	<p>HIGH PERFORMANCE JOURNALS INDEXED IN SCOPUS</p> <p>Journal of Physical Science Professor Dr. Abdul Latif Ahmad</p>	<p>HIGH PERFORMANCE JOURNALS INDEXED IN SCOPUS</p> <p>Tropical Life Sciences Research Professor Dr. Alexander Chong</p>	<p>HIGH PERFORMANCE JOURNALS INDEXED IN SCOPUS</p> <p>Journal of Construction in Developing Countries Professor Sr. Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz</p>	<p>HIGH PERFORMANCE JOURNALS INDEXED IN SCOPUS</p> <p>Asian Academy of Management Journal Associate Professor Dr. Zamri Ahmad</p>

menjalankan penyelidikan merentasi pelbagai disiplin di universiti terkemuka dan institut penyelidikan di Australia. Dr. Nethia Mohana Kumaran telah melaksanakan program untuk meningkatkan rawatan pilihan bagi pesakit yang menderita akibat Karsinoma Nasofaring di Pusat Kanser Peter MacCallum, manakala Dr. Lee Hooi Ling telah ke Universiti Sydney untuk penyelidikan berkenaan Titanium Nanopartikel Oxynitride sebagai bahan yang berpotensi untuk rawatan air sisa.

Prof. Madya Ir. Dr. Leo Choe Peng, dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia telah menerima anugerah Women in Science Award pada Majlis Penghargaan Ton Duc Thang University Scientific Prize yang diadakan di Ho Chi Minh City, Vietnam. Penerima tunggal dari Malaysia yang mempertaruhkan hasil penyelidikannya berkaitan teknologi membran dan rawatan air sisa yang memberikan sumbangan ketara kepada masyarakat, merupakan antara 62 ahli sains dari 20 buah negara di seluruh dunia termasuk Kanada, Perancis, Itali, Rusia, Belgium, Estonia, Amerika Syarikat, Iran, Nigeria, Jepun, Taiwan, China, India, Hong Kong dan Vietnam. Beliau telah bersaing untuk merebut tiga (3) anugerah yang dipertandingkan dalam Ton Duc Thang University Scientific Prize (Women in Science Award, Lifetime Achievement Award & Rising Star Award).

USM meneruskan kecemerlangan inovasi penyelidikan apabila berjaya merangkul sebelas (11) Emas, lapan (8) Perak dan satu (1) Gangsa di Pameran Rekacipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX 2018) ke-29 yang berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) pada 11 Mei 2018. USM telah memperoleh 100 peratus kemenangan kerana semua 20 produk penyelidikan yang dipertandingkan telah berjaya menerima pingat. Sebanyak 80 peratus daripada mereka adalah daripada kalangan penyelidik muda yang berpotensi besar melangkah lebih jauh dalam penyelidikan rentas antarabangsa.

Tiga (3) projek penyelidikan USM yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Suzylawati Ismail adalah antara 250 projek yang menyertai SIRIM Invention, Innovation & Technology Expo Si2TE 2018 yang telah diadakan di Pusat Penyelidikan Bahan Lanjutan (AMREC), SIRIM Berhad dari 17 dan 18 April

2018. Hasil penyelidikan bertajuk “Membrane Adsorptive untuk Pemulihan Quercetin” untuk perumusan dan fungsi khasnya dalam pemulihan bahan sasaran yang bernilai dari efluen farmaseutikal telah dianugerahi Pingat Emas. Pingat Perak telah dianugerahkan kepada projek inovatif bertajuk “Water Smart Control Gellant” yang menggunakan penyelesaian khusus untuk mengawal aliran air dari takungan minyak yang dapat menyebabkan kerugian kepada pengeluar minyak, manakala penyelidikan bertajuk “Nature-Inspired Membrane Coating” ialah projek penyelidikan ketiga yang menerima Pingat Gangsa. Projek Salutan Membran *Biomimicry* dari Kaki Kerang (*Mussel's Foot*) berfungsi sebagai penyelesaian bagi rawatan air sisa berminyak.

Anugerah Penerbitan USM

Penerbit USM telah menggondol enam (6) daripada 11 anugerah yang dipertandingkan dalam enam (6) kategori di Majlis Anugerah MAPIM-KPT 2017 yang diadakan pada 29 April 2018. Hadiah Utama bagi kategori Anugerah Makalah Jurnal Terbaik (Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial) disandang oleh pensyarah Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Dr. Low Choo Chin bagi makalah bertajuk “A Malaysia of Citizens: Ethnicity, Membership and Politics of Merger” dalam *The Asian Journal of Humanities*, Jil. 24, No. 2, 2017. USM juga menerima lima (5) lagi hadiah penghargaan melalui penerbitan-penerbitan berikut: Kategori Anugerah Buku Ilmiah Terbaik (Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial); Kategori Anugerah Buku Ilmiah Terbaik (Bidang Sains, Teknologi dan Perubatan); Kategori Anugerah Makalah Jurnal Terbaik (Bidang Sains, Teknologi dan Perubatan); Kategori Anugerah Editor Naskhah Buku Terbaik (Bidang Kemanusiaan & Sains Sosial) dan Kategori Anugerah Editor Naskhah Buku Terbaik (Bidang Sains, Teknologi dan Perubatan). USM turut meraih Anugerah Buku Negara 2018 dalam Kategori Industri (Editor Terbaik), Kategori Buku Umum Terbaik (Sains Kesihatan, Sejarah dan Seni Bina). Semua pencapaian ini membuktikan kecemerlangan Penerbit USM sebagai sebuah entiti penerbitan. Di samping itu, Profesor Dr. Nik Hazlina Nik Hussain dari Pusat Pengajian Sains Perubatan telah menerima Anugerah Buku Perubatan Terbaik dalam majlis yang sama bagi Kategori Pendidikan Tinggi.

Pada tahun 2018 Buku berjudul “Analisis Data Menggunakan Borang Soal Selidik” yang ditulis oleh Wan Muhamad Amir Wan Ahmad, Ruhaya Hasan dan Nor Affendy Nor Azmi telah menerima Anugerah Hadiah Sanjungan (Kategori Karya Asli) dalam Majlis Anugerah PERSAMA 2018.

Program Pemberian Taraf CREAM oleh KPM ialah insentif untuk menggalakkan penerbitan jurnal tempatan yang berwibawa, berpengaruh dan terkemuka di persada antarabangsa. Sejak diperkenalkan pada tahun 2015 sehingga 2018, USM telah menerima pengiktirafan Jurnal CREAM seperti berikut: 2015 – 3 Jurnal; 2016 – 6 Jurnal; 2017 – 5 Jurnal; 2018 – 5 Jurnal. Jurnal berprestasi tinggi seperti Bulletin of The Malaysian Mathematical Sciences Society berjaya mengekalkan taraf CREAM sejak diperkenalkan.

Kecemerlangan Akademik

USM terus memperkasa bakat akademik dengan memberikan pengiktirafan tertinggi kepada pensyarah yang mencapai kecemerlangan dalam bidang masing-masing. Justeru, seramai 17 orang Profesor USM telah menyampaikan Syarahan Profesor untuk berkongsi kepakaran mereka kepada umum.

USM berjaya bekerjasama dengan universiti antarabangsa dalam menawarkan Program Kerjasama Akademik. USM dipilih oleh Centre for The Advancement of Research and Education Exchange Network in Asia (CAREN) dan Osaka University sebagai sebahagian daripada inisiatif GLOBAL CAMPUS melalui kerjasama dalam Program Kedoktoran Ijazah Berkembar dan melalui Penyelidik Sangkutan. Osaka University, Jepun yang berada pada tangga #63 (2018) dalam QS World University Rankings ini turut mengiktiraf USM sebagai kampus pesisirnya yang utama.

Kecemerlangan USM dalam e-Pembelajaran telah diiktiraf dalam IUCEL (International University Carnival on e-Learning 2018) melalui lima (5) Pingat Emas yang dimenangi. Karnival tahunan ini dianjurkan dengan kerjasama Majlis e-Pembelajaran Malaysia untuk Universiti Awam Malaysia (MEIPTA), Malaysian Centre for e-Learning (MyCEL) dan KPM. Lima (5) pensyarah USM telah menggondol Pingat Emas dalam Kategori e-Learning.

USM mengambil inisiatif meluaskan penawaran kursus akademik kepada umum melalui pendidikan fleksibel selaras dengan Industri 4.0. Inisiatif ini dicapai melalui MOOC dan Microcredential. Dua belas (12) modul telah dibangunkan dan ditawarkan kepada orang ramai sebagai kursus MOOC dan 30 Sumber Pendidikan Terbuka (OER) telah dimuat naik. Seterusnya 16 kursus Microcredential telah dapat diakses.



Prof. Madya Dr. Azidah Abu Ziden menerima Anugerah Emas The Learn X Impact Awards 2018 bagi Best Learning Model (Blended), di Melbourne, Australia. Anugerah antarabangsa ini mengiktiraf pelbagai bidang dalam pengurusan bakat dalam sektor pendidikan dan korporat. Kategori anugerah termasuk Pembelajaran, Prestasi dan Keupayaan, Model Pembelajaran dan Reka Bentuk e-Pembelajaran.

Raja Rebab terkemuka negara, Saudara Che Mat Jusoh telah menerima Anugerah Khas Gamelan Tradisional Melayu 2018 daripada Kerajaan Negeri Terengganu. Beliau ialah Karyawan Tamu di Pusat Pengajian Seni, USM dan telah berjaya membuat perubahan terhadap Sistem Penjarian Rebab menggunakan nota muzik serta mencipta Rebab menggunakan kaedah baharu. Beliau berperanan penting dalam membantu mengekalkan dan menyuburkan seni warisan tanah air.

Kehebatan Pelajar USM

Dalam misi melahirkan pelajar HEBAT, USM telah menyempurnakan pelbagai aktiviti merangkumi pembangunan sahsiah, kesukarelawanan, kebudayaan, keusahawanan dan sukan. HEBAT [*Holistic, Entrepreneurial, Balanced, Articulate, Thinking*] ialah agenda USM untuk melahirkan graduan yang menjadi rebutan pemegang taruh. Senarai anugerah yang dimenangi pelajar USM menunjukkan keberkesanan Agenda HEBAT iaitu satu usaha terancang pihak universiti untuk menyerlahkan bakat pelajar USM. Antara anugerah berprestij yang telah diterima oleh pelajar USM dalam tahun 2018 adalah:

Xu Yang yang dikenali sebagai 'Izzah' di USM ialah pelajar dari Guangdong Foreign Studies University. Beliau yang mengikuti Program Pindahan Kredit Bahasa Melayu di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM telah memenangi JOHAN Kategori Antarabangsa dalam Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2018. Pertandingan ini telah disertai oleh 50 peserta dari 31 buah negara. Izzah memenangi kategori Pelajar Antarabangsa dan membawa pulang Piala Perdana Menteri serta hadiah wang tunai bernilai RM10,000. Izzah ialah epitome yang mengantarabangsakan Bahasa Melayu pada mata dunia.



Teng Teck Jin, pelajar pascasiswazah Sarjana Sains di bawah seliaan Dr. Lee Hooi Ling dari Pusat Pengajian Sains Kimia telah menjulang nama USM apabila beliau merupakan rakyat Malaysia pertama yang telah memenangi Ron Cockcroft Award 2018 bersama-sama 12 penerima lain dari negara-negara Eropah seperti Norway, Australia, Switzerland, Poland, Belgium, Austria, Slovenia, Belanda, Portugal, Jerman, Itali dan Kanada. Penyelidikan beliau adalah dalam perlindungan kayu.

Pelajar Doktor Falsafah dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, Nurul Azrin Zubri telah memenangi The Best Team Presentation Award yang telah diadakan sempena The 10th Hope Meeting with Nobel Laureates yang telah diadakan di Yokohama Bay Hotel Tokyu, Jepun dari 12 hingga 15 Mac 2018. Penyelidikan beliau adalah berkaitan proses pengurangan tahap CO₂ di atmosfera dengan menggunakan teknik baharu pada suhu tinggi.

Kumpulan kesenian unik, Adikarma yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan disiplin pengajian dinobatkan sebagai pemenang tempat ke-3 dalam Kategori Outstanding Student Social Entrepreneurship Award di MEA 2018, dengan menerima hadiah wang tunai RM10,000. Kumpulan kesenian ini mengaplikasikan konsep keusahawanan sosial dalam memperjuangkan isu seni tari yang terancam. Kumpulan ini turut melatih komuniti dalam seni tari untuk melestarikan kesenian dalam masyarakat.

UNIMAKER 2018 bertujuan mengetengahkan hasil kerja inovasi pereka dan pelajar dari universiti untuk mendepani cabaran Industri 4.0. Dua (2) pasukan dari Pusat Pengajian Sains Komputer telah menjadi Juara melalui pasukan *Whatever* dengan inovasi bertajuk "Farmlogy: Precision Farming with IoT and AI". Inovasi ini dapat membantu petani mengenal pasti permasalahan tanaman melalui aplikasi teknologi yang lebih sistematik, cekap dan tepat serta turut membantu petani menguruskan hasil tanaman dengan lebih efisien, sifar



pembaziran dan berkualiti tinggi. Seterusnya, Pasukan 4Dynamo menjadi Naib Juara melalui projek bertajuk "Intelligent and Responsive Imaging System (IRIS)". Projek ini memberikan manfaat kepada para pengguna jalan raya melalui inovasi sistem berintegrasi untuk menyelesaikan punca utama kemalangan dengan memberikan amaran secara *real time* kepada pemandu. Kedua-dua pasukan memenangi hadiah berjumlah RM130,000.

Lima (5) pelajar Pusat Pengajian Komunikasi telah merangkul tiga (3) anugerah dalam The 11th International Kuala Lumpur Eco Film Fest (KLEFF) 2018. Anugerah yang diterima adalah bagi Anugerah Skrip Terbaik, Anugerah Khas Juri dan tempat kedua Filem Pendek berjudul "REUNION". Filem ini juga telah tersenarai untuk pemilihan ke Cefalu Film Festival, Itali dan Pakistan International Film Festival serta semi finalis dalam San Mauro International Film Festival, Italy.

Dalam tempoh lima (5) tahun, buat kali ketiga USM memenangi anugerah berprestij dalam Pertandingan Idea Terbuka (OIC) MSSA-CIDB 2018 anjuran bersama Lembaga Pembangunan Industri Persatuan Struktur Bangunan Malaysia (MSSA) dan Lembaga

Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) 2018 (MSSA-CIDB OIC 2018). MSSA-CIDB OIC 2018 ialah satu-satunya pertandingan reka bentuk di Malaysia yang menggabungkan pelajar Arkitek dan Kejuruteraan Awam. Hasil reka bentuk cemerlang pelajar USM yang mereka bentuk Stesen MRT di Malaysia telah menobatkan mereka sebagai tiga (3) pemenang teratas. Kemenangan bersih delegasi USM ini dicapai setelah mendahului para peserta lain iaitu seramai 218 pelajar dan 18 penyelia (Arkitek & Kejuruteraan Awam) dari universiti di seluruh negara.

Pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) penglihatan iaitu Noorilham Ismail yang berasal dari Felda Lok Heng Selatan, Johor telah menerima Anugerah Pingat Emas Persatuan Sejarah Malaysia Tahun 2018. Anugerah ini bertujuan meningkatkan minat dan menggalakkan kajian yang bermutu tentang sejarah dan dianugerahkan kepada siswazah terbaik dalam kursus Sejarah Malaysia, di universiti.

USM melalui Emma Firyana Saroji yang mewakili negara dalam Skuad Boling Padang Negara telah meraih Pingat Emas Acara Wanita Berpasangan The Gold Coast 2018 Commonwealth Games (GC2018). Selain itu, Atlet USM telah memenangi dua (2) Pingat Emas, tiga (3) Pingat Perak dan 2 Pingat Gangsa di The 19th ASEAN University Games (AUG) 2018 yang telah berlangsung di Naypyitaw, Myanmar.

Selain pencapaian sukan oleh atlet pelajar, atlet staf USM turut menunjukkan prestasi cemerlang. Pada tahun 2018, Dr. George Teoh Boon Sai telah memenangi sembilan (9) pingat (empat (4) Pingat Emas, tiga (3) Pingat Perak dan dua (2) Pingat Gangsa) dalam tiga (3) kejohanan seni mempertahankan diri peringkat antarabangsa iaitu The 15th World Chin Woo Martial Arts & Cultural Carnival di Yuyao, China, World Chin Woo Martial Arts Championship & Cultural Festival di Tianjin, China dan The 7th Xiamen International Wushu Competition di Xiamen, China.

Rangkaian dan Hubungan

USM terus mempergiatkan jaringan kerjasama dengan industri tempatan dan antarabangsa. Pada tahun 2018, sejumlah 281 dokumen

perjanjian telah dimeterai oleh USM dengan pelbagai institusi. Sebanyak 59 peratus daripada dokumen yang dimeterai adalah dengan kolaborator antarabangsa termasuk University of Cambridge, Princeton University, Imperial College London dan beberapa industri terkemuka seperti Intel, Motorola, Silterra dan Huawei. Jaringan ini menunjukkan USM terus menjadi Universiti Pilihan bagi institusi dari seluruh dunia menjalinkan kerjasama. Jaringan kerjasama dilaksanakan bersama-sama 174 rakan universiti dan 240 rakan industri di seluruh dunia untuk membolehkan USM memainkan peranan lebih besar pada peringkat antarabangsa.

USM mengetuai APUCEN iaitu rangkaian yang telah diiktiraf sebagai hab bagi Knowledge for Change (K4C), sebuah konsortium untuk menjalankan latihan Penyelidikan Berasaskan Komuniti UNESCO menggunakan pembelajaran sosial melalui pengalaman. Dr. Rajesh Tandon, Pengerusi Penyelidikan Berasaskan Komuniti UNESCO dan Penyelidikan berasaskan Komuniti UNESCO dan Tanggungjawab Sosial telah mengiktiraf USM sebagai UNIVERSITI PILIHAN untuk Penglibatan Komuniti. Pengiktirafan ini menyerlahkan potensi USM dalam memimpin aktiviti perkongsian ilmu untuk perubahan komuniti.

Seterusnya, kerjasama USM dengan Persatuan Kebajikan Ronald McDonald dimeterai untuk membina sebuah Rumah Ronald McDonald di Kampus Kesihatan USM Kelantan. Rumah ini dibina bertujuan menyediakan satu ruang penginapan yang bersesuaian bagi ahli keluarga kanak-kanak yang sedang mendapatkan rawatan perubatan jangka panjang di HUSM dan hospital-hospital berhampiran. Sasaran utama ialah golongan berpendapatan rendah yang memerlukan penginapan dalam tempoh rawatan ahli keluarga mereka. Projek ini membolehkan pelanggan HUSM menikmati pengalaman perkhidmatan yang mesra dan berkualiti.

Kecemerlangan Perkhidmatan

USM terus komited untuk mencapai tahap tertinggi dalam kecemerlangan perkhidmatan dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif. Inisiatif ini merangkumi pembangunan bakat, infrastruktur dan inovasi perkhidmatan.

Program Kecemerlangan Bakat

Untuk menjadikan USM sebagai sebuah institusi yang cemerlang dalam penyampaian perkhidmatan, USM terus memberikan fokus kepada pembangunan bakat staf supaya semua staf sentiasa mempunyai tahap kompetensi yang tertinggi. Buat kali pertama, USM memperkenalkan Kerangka Kompetensi dalam pengurusan bakat staf. Sehubungan itu, Sistem 'MyTalent' telah diwujudkan untuk mengenal pasti jurang kompetensi, panduan pembangunan berasaskan kompetensi dan modul latihan ke arah penilaian prestasi staf yang bersepadu. Program Kecemerlangan Bakat pada tahun ini melibatkan staf akademik dan staf bukan akademik seramai 300 orang.

#USMFIT

Kesihatan dan kesejahteraan menjadi komponen penting dalam membangunkan bakat USM dalam menyampaikan perkhidmatan USM kepada pelanggan. Program #USMFIT telah dilancarkan oleh Naib Canselor pada tahun 2018 untuk menggerakkan komuniti USM ke arah amalan gaya hidup aktif dan sihat. Seramai 5,000 warga staf USM telah disaring dan 10 peratus telah menyertai #USMFIT Weight Challenge. Program #USMFIT dilaksanakan melalui aplikasi #USMFIT V2.0, #USMFIT Trail, #USMFIT Nutritional Tips dan #USMFIT Active Campus supaya pelaksanaan dan impak program ini dapat dinilai secara sistematik.

Kampus Tanpa Tunai

Untuk meningkatkan pengalaman pelanggan dalam 'berurusniaga', USM melalui Jabatan Bendahari dan Pusat Pembangunan Perniagaan telah memulakan pelaksanaan USMartPay sejajar dengan Industri 4.0 dan hasrat menjadikan Universiti sebagai *Smart (Digital) Campus*. Inisiatif ini membolehkan transaksi perniagaan dalam kampus dilakukan dengan lebih selamat, bijak dan pantas. Inisiatif ini termasuk penggunaan kod 'Quick Response' (QR) dan kad Touch 'n Go yang dilaksanakan dengan sokongan Maybank dan Touch 'n Go.

Perkhidmatan Hospital USM (HUSM)

HUSM terus memainkan peranan besar dalam menawarkan perkhidmatan perubatan kepada masyarakat Malaysia. Pada tahun 2018, HUSM telah memberikan perkhidmatan kepada

431,528 pesakit luar dan 43,533 pesakit dalam. Kecemerlangan perkhidmatan HUSM dicapai melalui 28 program merakyatkan perkhidmatan hospital serta inovasi kualiti yang telah memenangi Anugerah Emas pada Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Tengah dan Award for Zubaidah Trophy.

Rangkuman Pencapaian USM Tahun 2018

Tahun 2018 telah berjaya menyerlahkan USM sebagai universiti pilihan kepada pemegang taruh. Usaha memantapkan USM sebagai Universiti Pilihan digembleng melalui kecemerlangan yang dicapai dalam aspek akademik, penyelidikan, jaringan industri dan masyarakat, hal ehwal pelajar dan alumni serta pengurusan institusi. Justeru, USM telah kekal menjadi universiti pilihan bagi pelajar menyambung pengajian, pilihan untuk bakat terbaik menyumbang bakti dan pilihan untuk rakan institusi dari dalam dan luar negara menjalinkan jaringan akademik, penyelidikan dan masyarakat. Pelbagai kejayaan besar sepanjang tahun 2018 telah menjadi pendorong bagi universiti ini mencapai kejayaan yang lebih besar pada tahun 2019, iaitu sempena ulang tahun ke-50 penubuhan USM.





**MENGGAPAI
KEJAYAAN
GLOBAL
(*ACHIEVING
GLOBAL
PROMINENCE*)**

- 1.0 PENGIKTIRAFAN INSTITUSI
(INSTITUTIONAL RECOGNITION)
- 2.0 PROGRAM AKADEMIK
(ACADEMIC PROGRAMMES)
- 3.0 PENGALAMAN PELAJAR
(STUDENTS' EXPERIENCE)
- 4.0 PENYELIDIKAN & PERKONGSIAN INDUSTRI
(RESEARCH & INDUSTRY PARTNERSHIP)
- 5.0 LIBATSAMA KOMUNITI
(COMMUNITY ENGAGEMENT)
- 6.0 RANGKAIAN & HUBUNGAN
(NETWORKING & LINKAGES)
- 7.0 PERKHIDMATAN
(SERVICES)



MENGGAJAI KEJAYAAN GLOBAL (ACHIEVING GLOBAL PROMINENCE)

Pada tahun 2018, Universiti Sains Malaysia (USM) telah menetapkan tujuh (7) fokus utama untuk mencapai keunggulan global melalui Pengiktirafan Institusi (*Institutional Recognition*), Program Akademik (*Academic Programmes*), Pengalaman Pelajar (*Students' Experience*), Penyelidikan dan Perkongsian Industri (*Research & Industry Partnership*), Libatsama Komuniti (*Community Engagement*), Rangkaian dan Hubungan (*Networking and Linkages*) dan Perkhidmatan (*Services*). Tujuh (7) fokus utama ini dapat merekayasa USM sebagai

universiti pilihan kepada komuniti antarabangsa dan tempatan untuk melanjutkan pengajian, bekerja, membuat penyelidikan, dan menjadi rakan strategik dalam agenda mentransformasi pengajian tinggi untuk kelestarian hari esok.

Seluruh sumber USM digembelngkan ke arah kecemerlangan dengan menghayati semangat 'Sulong Selalu'

Seluruh sumber USM digembelngkan ke arah kecemerlangan dengan menghayati semangat 'Sulong Selalu' untuk menterjemahkan Moto USM – Kami Memimpin. Kekuatan USM dalam mengharungi cabaran perubahan persekitaran diperkukuh melalui semangat kemandirian dalam pengurusan sumber secara pengoptimuman (*optimisation*), penjimatan kos (*cost saving*) dan penjana pendapatan (*income generation*).

Keupayaan USM untuk kekal sebagai universiti yang relevan, dirujuk dan dihormati refleksi kesungguhan seluruh warga USM mengantarabangsakan universiti ini dengan berlandaskan #USMSTYLE. Anugerah The Most Entrepreneurial University yang dianugerahkan kepada USM pada tahun 2018 merupakan satu pengiktirafan kepada pencapaian USM dalam pemerkasaan ekosistem keusahawanan.

1.0 PENGIKTIRAFAN INSTITUSI (INSTITUTIONAL RECOGNITION)

1.1 The Most Entrepreneurial University



Recipient of
Ministry of Education Entrepreneurial Awards (MEA) 2018
MOST ENTREPRENEURIAL UNIVERSITY OF THE YEAR

 **WE LEAD**
Transforming Higher Education
for a Sustainable Tomorrow

207th WORLD RANKING

8th BEST IN ASEAN

14th TOP 50 UNDER 50

43rd ASIA RANKING



Buat julung-julung kali, USM telah menerima anugerah The Most Entrepreneurial University of The Year pada tahun 2018 dalam Ministry of Education Entrepreneurial Award (MEA). Anugerah ini mengiktiraf kecemerlangan USM dalam membangunkan ekosistem keusahawanan yang bersifat komprehensif dan inklusif kepada seluruh warga kampus. Pencapaian ini ialah hasil komitmen padu kepimpinan pengurusan tertinggi yang berjaya menerapkan minda keusahawanan dalam kalangan warga USM dari aspek pengajaran,

penyelidikan, khidmat komuniti dan aktiviti pelajar. Bagi merencanakan aktiviti penjanaan pendapatan, USM mewujudkan Manual Perniagaan bagi menyediakan panduan kepada setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ). Penyelidikan di USM juga turut memberikan penekanan kepada aspek pengkomersialan hasil penyelidikan manakala pelajar USM telah menyerlah dari aspek keupayaan mereka menggerakkan aktiviti dengan menggunakan model perniagaan yang baik.



1.2 Memposisi USM Sebagai Universiti Pilihan: Penarafan Global

Pencapaian USM dalam penarafan global merupakan satu pengukur relatif daya saing USM berbanding universiti seluruh dunia. Kedudukan penarafan USM adalah penting kepada pemegang taruh tempatan dan antarabangsa seperti pelajar, ahli akademik, komuniti, dan industri dalam menjadikan USM sebagai universiti pilihan. Hasil komitmen seluruh warga USM, prestasi

penarafan USM dalam sistem penarafan utama telah menunjukkan peningkatan secara konsisten. Pencapaian ini membuktikan kekuatan dan kecemerlangan USM pada peringkat global sekali gus menjadikan USM sebagai universiti pilihan untuk kerjasama dalam penyelidikan dan akademik, serta sebagai daya penarik kepada pelajar antarabangsa. Dua sistem penarafan utama dunia yang telah menyerlahkan kedudukan USM ialah Quacquarelli Symond (QS) dan Times Higher Education (THE).

Quacquarelli Symonds (QS)



Menurut QS World Universities Rankings (QS-WUR) 2018, USM berada pada kedudukan 207 dalam dunia iaitu peningkatan sebanyak 57 anak tangga berbanding tahun 2017. Sebanyak 1,233 universiti daripada 151 negara telah menyertai penilaian penarafan ini. Pada peringkat Asia, USM berada di kedudukan ke-

43 pada tahun 2018 iaitu peningkatan 3 anak tangga berbanding tahun 2017. Kedudukan ini adalah daripada senarai 505 universiti di Asia yang menyertai penilaian penarafan ini. Jadual di bawah menunjukkan kedudukan USM dalam sistem penarafan QS.

	2017	2018	Kedudukan di Malaysia 2018
01 QS World University Rankings	#264	#207 ▲	#4/13
02 QS Asian University Rankings	#46	#43 ▲	#4/28
03 QS Top 50 Under 50 Rankings	#23	#14 ▲	#3/10
04 QS Graduate Employability Ranking (GER) Rankings	Tidak tersenarai dalam top 500	#301-500 ▲	#3/7

Jadual Kedudukan QS Ranking USM Tahun 2017 dan 2018



Pencapaian QS Rankings Mengikut 'Subject Areas' Tahun 2017 dan 2018




Pencapaian QS Ranking Mengikut 'Subject Areas' Tahun 2017 dan 2018

Times Higher Education (THE)

Pada tahun 2018, USM telah menerima kedudukan ke-162 dalam THE Asian Universities Rankings (AUR). Lebih 350 universiti daripada 25 negara di Asia telah menyertai penarafan ini. Bagi THE World Universities Rankings (WUR) pula, USM telah menerima kedudukan ke 601-800 dunia (kedudukan ke-3 di Malaysia). Sebanyak 1,258 universiti daripada 86 negara telah mengambil bahagian dalam penarafan tersebut. Pencapaian USM secara

keseluruhan menunjukkan konsistensi dari aspek tangga kedudukan. Namun demikian, skor pemarkahan menunjukkan peningkatan yang baik seperti graf yang berikut:



Jadual Kedudukan THE Ranking USM Tahun 2017 dan 2018



	2017	2018
1 THE World University Rankings	#601-800	#601-800
2 THE Asian University Rankings	#151-160	#162
3 THE Young University Rankings	#151-200	#151-200
4 THE Asia-Pacific University Rankings	#147	#151-160
5 THE Emerging Economies Rankings	#114	#135




Selain diberi kedudukan dalam dua sistem penilaian utama penarafan global seperti di atas, USM juga telah diberi kedudukan dalam sistem penilaian penarafan global yang lain seperti:

- Shanghai Ranking’s Academic Ranking of World Universities (ARWU), #401 - 500 daripada 800 institusi seluruh dunia .
- Center for World University Rankings (CWUR), #566 daripada 1,000 Universiti seluruh dunia.
- National Taiwan University Ranking (NTU), #601 - 650 daripada 837 Institusi global.

Reputasi USM Dari Perspektif Academic Peer Review & Employer Reputation (Reputasi Majikan)

Sebagai sebuah Universiti Pilihan, USM tidak boleh lari daripada mendapatkan pandangan dan penilaian daripada pihak luar terutama ahli akademik seluruh dunia serta majikan yang menilai tahap kualiti graduan yang dihasilkan. Dengan berdasarkan penilaian menerusi QS Intelligent Unit, pandangan ahli akademik dan majikan terhadap USM adalah seperti yang terpapar pada rajah-rajah di sebelah:

USM mendapat kedudukan yang baik dalam sistem penarafan sebagai hasil inisiatif yang telah digerakkan oleh seluruh warga USM melalui pendekatan 'By Design'. Cabaran utama dalam melaksanakan inisiatif tersebut ialah perubahan dalam persekitaran luaran yang memberikan impak kepada keberadaan sumber yang boleh digarapkan oleh USM. Keterbatasan sumber daripada pihak luar yang sedia ada memerlukan USM mengenal pasti potensi sumber-sumber baharu supaya USM dapat memanfaatkan sepenuhnya potensi 2,331 orang penyedidik yang ada.



Pencapaian Skor USM Reputasi Majikan dan Reputasi Akademik Dalam Konteks Global

USM - ACADEMIC REPUTATION RESPONSES BY LOCATION 2019 | DOMESTIC RESPONSES INCLUDED



Maklumbalas Reputasi Akademik oleh Ahli Akademia Seluruh Dunia

USM - EMPLOYER REPNSES BY LOCATION 2019 | OVERALL



Maklumbalas Reputasi Majikan oleh Ahli Syarikat/Majikan Seluruh Dunia


1.3 Menjuarai Penarafan Kebangsaan

Sistem penarafan dalam negara melalui Ministry Key Performance Indicators, Pengauditan Universiti Penyelidikan (MyRA) dan Penarafan MyMoheS telah mengiktiraf USM sebagai salah satu universiti yang terbaik dengan berlandaskan kriteria yang ditetapkan. Pencapaian ini meletakkan USM sebagai universiti pilihan rakyat Malaysia untuk melanjutkan pengajian, serta menjalin kerjasama penyelidikan, industri dan komuniti.

Ministry Key Performance Indicators

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggunakan Ministry Key Performance Indicators (MKPI) sebagai pengukur untuk menilai prestasi Universiti Awam. Pemantauan prestasi MKPI peringkat USM yang dikenali sebagai USM Headline KPIs dilakukan secara dalam talian melalui, <https://www.kpims.usm.my/v3> yang telah dibangunkan secara dalaman oleh USM. Pencapaian USM Headline KPI 2018 adalah seperti yang ditunjukkan melalui *Dash Board* seperti rajah di sebelah:

Daripada lima belas (15) indikator prestasi yang ditetapkan, tujuh indikator telah mencapai sekurang-kurangnya 90 peratus berbanding sasaran penuh setiap daripada indikator tersebut.



T = Target, A = Actual

Pengauditan Universiti Penyelidikan (MyRA®) USM

Pengauditan MyRA USM telah dijalankan oleh Panel Audit Bebas yang dilantik oleh pihak KPM. Panel yang dilantik terdiri daripada tokoh ahli akademik yang berpengalaman, berwibawa dan dihormati dalam dunia akademik dan penyelidikan. Proses-proses yang dilalui USM adalah seperti yang berikut:

- Penilaian Kendiri (30 Mac 2018)
- Audit Dalam (8 hingga 9 Mac 2018)
- Audit Dokumen (9 hingga 11 April 2018)
- Audit Tapak (18 hingga 19 April 2018)

Penilaian pengauditan universiti penyelidikan, MyRA 2018 untuk data 2017 telah memperakukan USM untuk status Enam (6) Bintang dengan markah melebihi 100 bagi MyRA I. Pencapaian status Enam (6) Bintang ini mengekalkan pencapaian tahun sebelumnya. Kejayaan melepasi markah 100 ini bermaksud USM telah mencapai status penyelidikan bertaraf antarabangsa.



Penarafan MyMoheS


Dalam penilaian MyMoheS pada 2018, USM telah berjaya mendapat penarafan 5 Bintang (Tahap Tertinggi Penarafan MyMoheS) berbanding pencapaian pada tahun 2017 iaitu 4.5 Bintang. Pencapaian ini didorong oleh tindakan proaktif berterusan oleh USM dalam meningkatkan kualiti pengurusan data. Antara inisiatif yang telah diambil oleh pihak USM adalah seperti yang berikut:

- Semakan kualiti data MyMoheS melalui Sistem 'Microstrategy' yang disediakan oleh KPM dan diaplikasikan untuk semua pemegang taruh di USM.

- Bengkel Kesedaran Kepentingan Data MyMoheS kepada Pemegang Taruh pada 29 Jun 2018.
- Bengkel Dalaman Pembentukan Governan MyMoheS 2018 pada 21-22 September 2018.

Pencapaian penarafan pada tahun 2018 ialah yang terbaik dicapai oleh USM dalam tempoh tiga (3) tahun terakhir:

- 2018 : 5.0 Bintang
- 2017 : 4.5 Bintang
- 2016 : 4.0 Bintang



Markah Penarafan Bintang MyMoheS 2018 bagi Universiti Penyelidikan di Malaysia

1.4 Pengiktirafan Pensyarah & Penyelidikan

Tokoh Srikandi Negara

Naib Canselor USM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail, FASc. dianugerahi Tokoh Srikandi 2018 (Kategori Pendidikan) dalam majlis Malam Semarak Perjuangan bersempena ulang tahun ke-70 Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung

(GPMS). Kali ini merupakan kali kedua ia dianjurkan selepas kali pertama pada 2014. Anugerah Tokoh Srikandi Negara mengiktiraf jasa dan sumbangan golongan wanita terhadap pembangunan Malaysia dalam pelbagai lapangan di dalam mahupun di luar negara.

Asma dipilih Tokoh Srikandi Negara

Oleh **MARZIANA MOHAMED ALIAS**
pengarang@utusan.com.my

■ PULAU PINANG 24 JULAI

NAIB Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Dr. Asma Ismail dipilih sebagai penerima Anugerah Tokoh Srikandi Negara atas ketokohan dan karisma beliau dalam dunia pendidikan.

Menurut Asma, anugerah itu diharapkan dapat mendorong dan memberi semangat kepada setiap wanita untuk berani menonjolkan kemampuan mereka dan sentiasa melakukan sesuatu dengan komited.

"Golongan wanita boleh menyerlahkan kemampuan luar biasa mereka dalam apa jua perkara yang mereka lakukan mahupun ceburi, baik jika bekerjaya mahupun sebagai suri rumah," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas menerima anugerah itu dalam majlis yang berlangsung di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Anugerah Tokoh Srikandi Negara mengiktiraf jasa dan sum-

bangun golongan wanita terhadap pembangunan Malaysia dalam pelbagai lapangan dalam mahupun di luar negara, dianjurkan oleh Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung Malaysia (GPMS).

Ini merupakan kali kedua ia dianjurkan selepas kali pertama pada 2014.

Majlis berprestij bergelar Malam Semarak Perjuangan bersempena sambutan ulang tahun ke-70 GPMS itu dimeriahkan dengan keberangkatan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bersama Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; isteri Perdana Menteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali yang juga antara pengasas GPMS dan Presiden GPMS, Zambri Mohd. Isa.

Selain Asma, tokoh termasuk pengasas organisasi kemanusiaan Mercy Malaysia, Tan Sri Dr. Jemilah Mahmood; pakar motivasi, Prof. Datuk Dr. Muhaya Mohamad dan ratu boling negara, Shalin Zulkifli turut mendapat pengiktirafan sama mengikut bidang masing-masing.



SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH menyampaikan sijil Anugerah Tokoh Srikandi Negara kepada Asma Ismail di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

(Utusan, 25 Julai 2018, Ms 22, Ruangan Utara)

Sanjungan Akademik Antarabangsa

Dua orang staf akademik USM telah diiktiraf sebagai penilai program akademik pada peringkat antarabangsa. Pengiktirafan ini memberikan impak kepada penjenamaan dan kedudukan USM pada peringkat global. Pelantikan ini membolehkan USM dan Malaysia memainkan peranan yang lebih besar dalam aspek kualiti akademik pada peringkat global. Mereka ialah:

- i. Profesor Dr. Irfan Naufal Umar (Timbalan Pengarah Pusat Kualiti Akademik Universiti) telah dilantik sebagai Penilai Program Akademik bagi universiti-universiti di bawah Asean University Network (AUN).
- ii. Prof. Madya Dr. Ahmad Hj. Mohamad (Pengarah Pusat Kualiti Akademik Universiti) telah dilantik sebagai Penilai Program Akademik bagi universiti-universiti di bawah European Association for Quality Assurance in Higher Education (ENQA).

ATLAS.ti

Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN), diiktiraf sebagai satu (1) daripada sepuluh (10) pusat di seluruh dunia yang dianugerahi Pertubuhan Pelatihan ATLAS.ti (CATO). Pengiktirafan ini dicapai selepas Dr. Majid Ghasemy disahkan sebagai Pelatih Kanan Profesional CATO serta memenuhi keperluan lain seperti menjalankan bengkel ATLAS.ti yang berjaya dan kerjasama yang erat dengan syarikat ATLAS.ti di Jerman. ATLAS.ti merupakan satu pakej perisian terkemuka untuk analisis data kualitatif yang digunakan secara meluas oleh Penyelidik Sains Sosial.



Warisan Dunia

Penyelidikan Arkeologi melalui Pusat Penyelidikan Arkeologi Global (PPAG) berpotensi memberikan impak besar kepada pembangunan komuniti dan ekonomi negara melalui pakej arkeopelancongan. Penerokaan industri baharu ini melayakkan USM sebagai pemimpin dalam arkeopelancongan.



Proses ekskavasi

Arkeopelancongan ialah aktiviti pelancongan arkeologi yang membolehkan pengunjung melawat tapak tinggalan warisan tamadun manusia yang sedang dikaji dan melihat aktiviti mencari gali atau yang dikenali sebagai ekskavasi. Pengunjung berpeluang menyaksi ekskavasi yang dilakukan oleh pengkaji. Arkeopelancongan ialah medan untuk USM menawarkan pembelajaran melalui pengalaman (*experiential learning*) dalam bidang arkeologi kepada pelancong tempatan dan luar negara.



Ruang Pameran Zaman Logam di Galeri Arkeologi USM



Lawatan berpandu di Laman Arkeologi USM



Tapak Arkeologi Lembah Lenggong, Perak



Kanak-kanak di aktiviti *hands-on* ekskavasi di Laman Arkeologi USM



Sijil Pengiktirafan Tapak Warisan Dunia UNESCO Lenggong



Tapak 'ritual' di Tapak Arkeologi Sungai Batu



Tapak Peleburan Besi



Tapak pelabuhan jeti



Tapak Syahbandar

Bulan	LAMARAN ARKEOLOGI					SUNGAI BATU					LEMBAH LENGGONG					JUMLAH
	ANTARABANGSA		TEMPATAN			ANTARABANGSA		TEMPATAN			ANTARABANGSA		TEMPATAN			
	DEWASA	PELAJAR	DEWASA	PELAJAR	WARGA EMAS	DEWASA	PELAJAR	DEWASA	PELAJAR	WARGA EMAS	DEWASA	PELAJAR	DEWASA	PELAJAR	WARGA EMAS	
JANUARI	-	-	-	1	-	-	-	2	2	-	-	-	-	-	-	5
FEBRUARI	-	-	-	5	-	-	-	3	53	-	-	-	-	-	-	61
MAR	2	-	1	46	-	-	-	6	42	-	-	-	-	-	-	97
APRIL	1	-	-	150	-	-	-	3	143	-	-	-	-	-	-	297
MEI	-	-	-	40	-	-	-	-	44	-	-	-	-	5	-	89
JUN	-	-	-	4	-	-	-	2	1	1	-	-	-	-	-	8
JULAI	-	-	-	34	-	-	-	4	26	-	-	-	-	-	-	66
OGOS	-	-	20	78	-	-	16	35	193	-	-	-	-	-	-	342
SEPTEMBER	-	-	12	-	-	-	-	16	131	23	-	-	-	-	-	182
OKTOBER	-	-	13	-	-	-	-	4	67	-	-	-	-	85	-	169
NOVEMBER	-	-	1	117	14	-	-	8	388	-	-	-	-	-	-	528
DISEMBER	2	19	7	-	-	-	-	9	8	-	-	-	-	-	-	45
JUMLAH	5	19	54	475	14	-	16	92	1,100	24	-	-	-	90	-	1,889

Statistik kategori pelawat Laman Arkeologi (USM Penang), Sungai Batu (Kedah) dan Lembah Lenggong (Perak) sepanjang tahun 2018

Arkeologi Lembah Lenggong. Antara elemen yang ditawarkan melalui pakej ini adalah aktiviti lawatan berpandu, ekskavasi, eksperimen pembuatan bata, eksperimen peleburan besi, pembuatan alat batu, dan penghasilan replika artifak.

USM ialah satu-satunya universiti yang mempunyai Galeri Arkeologi sendiri bertujuan mempamerkan kajian dan penemuan pelbagai artifak dari zaman prasejarah di rantau ini di samping menjadi tempat bukti terawal manusia dari zaman Paleolitik, Neolitik dan tamadun awal selepas Logam serta data masyarakat orang asli melalui kajian yang dijalankan PPAG.

Tapak Arkeologi Lembah Lenggong ialah tapak prasejarah Warisan Dunia UNESCO yang mendedahkan turutan petempatan manusia awal yang terpanjang di dunia bermula 1.83 juta sehingga 1,000 tahun dahulu di Lembah Lenggong. Terdapat dua Tapak Arkeologi untuk dilawati iaitu tapak terbuka dan tapak gua.

Pakej Arkeopelancongan di Kompleks Arkeologi Sungai Batu, Merbok, Kedah membawa pelancong menyingkap sejarah Kerajaan Kedah Tua, iaitu sebuah kerajaan yang wujud sejak 2,600 tahun dahulu dan tamadun yang tertua di Asia Tenggara. Sungai Batu adalah antara tapak arkeologi yang mempunyai data yang agak lengkap dengan penemuan tapak peleburan besi, tapak ritual, pelabuhan, dan shahbandarnya yang mampu menjadikannya sebagai tapak warisan dunia.

Projek ini memberikan ilmu pengetahuan mengenai sejarah tua negara kepada rakyat Malaysia yang mungkin tidak diketahui selama ini. Projek ini turut berpotensi menjadikan Malaysia sebagai tempat rujukan penyelidikan, serta tarikan pelancong luar negara yang boleh menjana ekonomi kepada negara dan penduduk tempatan. Projek ini dapat meletakkan arkeologi Malaysia di peta dunia.

Pengiktirafan WHO kepada Pusat Racun Negara

Pusat Racun Negara (PRN) USM mendapat pengiktirafan semula sebagai Pusat Kerjasama Serantau bagi Rantau Asia Pasifik, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (World Health Organization – WHO) bagi Maklumat Ubat-ubatan bermula 14 Disember 2018 sehingga 14 Disember 2020. Pada kali ini, PRN telah dipertanggungjawabkan dengan dua (2) terma rujukan baharu iaitu:

- Menyokong WHO dalam membangunkan modul latihan dan *toolkits* bagi mengimplementasikan strategi AWaRe (*Access, Watch and Reserve*) untuk *antibiotic stewardship*
- Menyokong WHO dalam pembangunan polisi dan kempen kepada masyarakat umum dalam hal berkaitan penggunaan antibiotik secara rasional.

PRN buat pertama kalinya mendapat pengiktirafan sebagai Pusat Kerjasama Serantau bagi Maklumat Ubat-ubatan pada tahun 1998. Semenjak itu, pengiktirafan yang dinilai semula setiap empat tahun sekali ini telah disandang oleh PRN hingga kini. Pada awal pengiktirafan, PRN berperanan menyediakan latihan dan bimbingan kepada negara-negara di bawah Western Pacific Region (WEPRO) untuk mewujudkan Pusat Racun mereka sendiri, antaranya Indonesia, Filipina, Vietnam, Fiji, Mongolia, Laos dan beberapa negara lain.

Pengiktirafan ini telah memperkukuh sumbangan USM pada peringkat serantau dalam kegiatan kesihatan yang merupakan salah satu teras Sustainable Development Goal (SDG) pada peringkat global. Hal ini juga selari dengan iltizam USM menumpukan aktiviti untuk golongan terke bawah (*bottom billion*) memandangkan kebanyakan negara ahli WEPRO adalah negara membangun.



Penyelidik USM telah diiktiraf dalam Anugerah Malaysia's Research Star Award (MRSA) 2018. Pengiktirafan peringkat nasional ini diberikan kepada penyelidik yang menghasilkan penyelidikan dan penulisan ilmiah yang berkualiti tinggi serta bertaraf antarabangsa. Enam (6) orang penyelidik USM yang telah menerima anugerah mengikut kategori adalah seperti yang berikut:

• Highly Cited Researcher

- Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad (Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia)
- Profesor Dr. Bassim H. Hameed (Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia)
- Profesor Dr. Abd Karim Alias (Pusat Pengajian Teknologi Industri)

• High Impact Paper

- Profesor Datuk Dr. Abdul Khalil Shawkataly (Pusat Pengajian Teknologi Industri)
- Dr. Izzal Asnira Zolkepli (Pusat Pengajian Komunikasi)

• Prominent Topics in Research

- Profesor Dr. Megat Azmi Megat Johari (Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam)

Kejayaan Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad sebagai Highly Cited Researcher 2018 membuktikan artikel-artikel penyelidikan beliau telah mendapat jumlah sitasi 1 peratus tertinggi di peringkat dunia. Ini boleh memberi impak dalam penyebaran ilmu pada peringkat global kerana hasil penyelidikan tersebut telah mendapat rujukan meluas oleh penyelidik di seluruh dunia. Dari segi kumulatif, sitasi beliau melebihi 13,000 dengan Indeks-H 53. Penyelidikan beliau berfokuskan Teknologi Membran yang diaplikasikan dalam merawat air sisa untuk menjaga alam sekitar untuk menjamin kelangsungan dan keamanan alam sekitar. Ia juga sejajar dengan SDG ke-6 iaitu *Clean Water and Sanitation*.

Profesor Dr. Bassim H. Hameed daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, telah dinobatkan sebagai Clarivate Analytics Highly Cited Researcher in Engineering selama lima tahun berturut-turut dari 2014 hingga 2018. Berdasarkan pangkalan data Scopus, sitasi kumulatif beliau melebihi 24,000 dengan Indeks-H 80.

Anugerah bagi kategori High Impact Paper yang diterima oleh Profesor Datuk Dr. Abdul Khalil Shawkataly ialah hasil penyelidikan dan penerbitan beliau yang menjadi rujukan dan dimanfaatkan oleh masyarakat akademik di serata dunia. Sehingga hari ini, beliau telah menghasilkan lebih daripada 250 artikel saintifik dan menerbitkan 50 Bab Dalam Buku (Chapter in Books) dan empat buah buku komuniti dan 'Coffee Table Books'. Hal ini dapat dibukti dari segi kumulatif sitasi beliau yang melebihi 6,500 dan Indeks-H 40 (Scopus).

Anugerah ini turut diterima oleh Dr. Izzal Asnira Zolkepli dari Pusat Pengajian Komunikasi. Anugerah ini merupakan pengiktirafan terhadap penyelidikan dan penerbitan beliau dalam bidang Sains Sosial dan kemanusiaan

melalui jurnal berimpak tinggi seperti *Computer of Human Behaviour*, *Journal of Marketing Theory and Practice* dan *Journal of Marketing Communication*. Penyelidikan beliau berupaya mencari solusi untuk golongan terkebawah (*bottom billion*) (B40) memulakan perusahaan mikro dalam talian dengan hanya berbekalkan peruntukan yang minimum menggunakan konstruk nilai cipta-bersama (*value co-creation*) dan *crowdsourcing*.

Profesor Dr. Megat Azmi Megat Johari daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, USM telah dianugerahi Malaysia's Research Star Award 2018 di bawah kategori Topik Menonjol dalam Penyelidikan oleh KPM dengan kerjasama Scopus. Anugerah ini diberikan dengan berdasarkan penerbitan hasil penyelidikan beliau yang memberikan tumpuan kepada topik Geopolimer; Polimer Bukan Organik; *Fly Ash* dan Kekuatan Mampatan mengikut pangkalan data Scopus. Penerbitan beliau telah menerima lebih daripada 300 sitasi pada tahun 2018 dengan jumlah sitasi melebihi 1,500 dan Indeks-H 21.



Scientific Recognition Award

Profesor Dr. Hanafi Ismail yang merupakan Pengarah Pejabat Inovasi USM dan penyelidik daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral mengharumkan nama negara setelah dinobatkan sebagai penerima tunggal anugerah Scientific Recognition

Award dalam European Exhibition of Creativity and Innovation (EUROINVENT) ke-10 yang berlangsung di Lasi, Romania pada 18 Mei 2018. Anugerah yang diterimanya itu mengambil kira sumbangan beliau yang cemerlang dalam bidang penerbitan, penyelidikan dan inovasi Sains Polimer dan Teknologi pada peringkat antarabangsa.

Dr Hanafi diiktiraf dunia

BUKIT MERTAJAM- Pengarah Pejabat Inovasi Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr Hanafi Ismail, 57 mengharumkan nama negara selepas dianugerahkan 'Scientific Recognition Award' ketika dijemput ke 'European Exhibition of Creativity and Innovation' (EUROINVENT) ke-10 di Lasi, Romania, baru-baru ini.

Lebih membanggakan, Dr Hanafi dipilih sebagai penerima tunggal yang memperoleh anugerah itu sekali gus mencatatkan prestasi yang memberangsangkan sepanjang kariernya dalam bidang akademik.

Dr Hanafi berkata, beliau tidak menyangka menerima anugerah berkenaan kerana pada mulanya beliau hanya dijemput bagi menyampaikan ucapan dalam pameran yang dihadiri sekumpulan penyelidik dan pakar inovasi di seluruh dunia itu.

Menurutnya, anugerah yang diterimanya itu mengambil kira sumbangannya yang cemerlang dalam bidang penerbitan, penyelidikan dan inovasi di peringkat



Dr Hanafi ketika menerima anugerah 'Scientific Recognition Award' di Romania baru-baru ini.

antarabangsa.

"Walaupun sebelum ini saya banyak meraih pelbagai anugerah di peringkat dunia tetapi anugerah yang diperoleh pada EUROINVENT amat bermakna kerana menjadi satu-satunya individu yang menerimanya.

"Ia kenangan yang sangat berharga dan menjadi pencetus kepada saya untuk terus maju dalam bidang diceburi," katanya.

Antara anugerah berprestij yang diperoleh Dr Hanafi sebelum ini adalah

'Khwarizmi International Award', 'Asia Pacific International Award', 'ISESCO Prize in Science and Technology', memenangi pingat emas dan anugerah khas di London, Nuremberg, Brussel dan Seoul, Korea Selatan.

Dr Hanafi juga tersenarai sebagai 'The Most Cited Researchers 2016' oleh Shanghai Academic Ranking of World Universities (ARWU), 'Top Malaysian Scientist 2012' dan Felo Akademi Sains Malaysia.

(Sinar Harian, 19 Julai 2018, Ms 35, Ruang Seberang Perai Tengah)

Women of the Future Award – South East Asia

Penang scientist wins Women of the Future award

UNIVERSITI Sains Malaysia scientist and academic, Dr Chern Ein Oon, 34, was announced the winner in the Science and Technology category at the inaugural Women of the Future Awards South East Asia in Singapore recently.

Dr Chern won the award for her research work on developing new anti-cancer drugs that will likely influence new strategies for scientists to approach the treatment of cancer.

Described during the award presentation as a "true leader, with tenacity by the bucket load and a determination to make a difference and inspire others", the young scientist from Penang credits her father with inspiring her to take an interest in science.

Dr Chern who was thrilled and excited to have won the Women of the Future Award in the Science and Technology category, said, "I would like to inspire the next generation of young scientists to believe in themselves. Age is just a number and they can achieve anything they want and dream of."

She was one of 12 Malaysians and 50 high-achieving young women from 10 countries in South-East Asia shortlisted for nine different categories in the Women of the Future Awards.

These 50 young women will now form the

Women of the Future South-East Asia Network and connect directly with their counterparts from Women of the Future Britain in celebrating and nurturing the pipeline of female talent.

"The Women of the Future programme opens up a network of brilliant young female leaders who are succeeding in their respective careers. It advocates peer to peer mentoring as well as fundamentally showing young women they can and should believe in themselves," said British High Commissioner to Malaysia H.E. Vicki Treadell.

"Every young woman should be able to follow in Dr Chern's footsteps and realise their full potential. Women are half the population and they deserve to take their seats in the boardroom. Fundamentally, nurturing female talent should be an economic priority for any country that wishes to compete on the global stage," she added.

The Women of the Future Awards aims to recognise the inspirational young female stars of today and tomorrow. They are open to women aged 35 or under and celebrate talent across nine different fields, ranging from business, entrepreneurship, to property, science and technology, the arts, and community service.



Dr Chern was recognised for her research work in cancer treatment. — British High Commission

Copyright © 1995-2017 Star Media Group Berhad (ROC 10994D)

(The Star, 23 Mac 2018, Page 2, Column Woman)



(NST, 18 April 2019, <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/03/347461/malaysian-scientist-bags-top-award>)

Prof. Madya Dr. Oon Chern Ein daripada Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM) telah menerima anugerah Woman of the Future – South East Asia dalam kategori sains teknologi dan digital. Kategori ini mengiktiraf wanita muda yang luar biasa, berjaya memupuk asas baharu dalam usaha saintifik serta pencapaian dalam dunia digital dan teknologi. Women of the Future Awards diasaskan oleh Pinky Lilani dari United Kingdom pada tahun 2006 bertujuan menyediakan platform untuk memperkasakan bakat-bakat wanita di United Kingdom. Anugerah ini diperkenalkan di Asia Tenggara pada tahun 2018 dengan tujuan yang sama. Seramai 50 calon telah tersenarai daripada 170 pencalonan dari 10 negara. Dr. Oon ialah seorang daripada sembilan penyelidik wanita berusia di bawah 35 tahun daripada Asia Tenggara yang menerima anugerah ini.

Anugerah Saintis Muda Negara

Prof. Madya Dr. Oon Chern Ein turut dinobatkan sebagai Saintis Muda Negara 2018 melalui penyelidikan beliau mengenai terapeutik novel dalam kanser. Penyelidikan beliau memfokuskan perencatan sirtuin, molekul yang memainkan peranan penting dalam kanser, penyakit metabolik dan neurodegeneratif. Anugerah Saintis Muda Negara ialah anugerah daripada Kerajaan Malaysia di bawah kelolaan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia kepada saintis muda Malaysia sebagai menghargai usaha dan pencapaian yang signifikan oleh para saintis dalam R&D sains dan teknologi. Ia menggalakkan kecemerlangan, kreativiti dan sumbangan terhadap sains dan teknologi dalam kalangan para saintis muda tempatan.



Endeavour Research Fellowship

Dua penyelidik USM iaitu Dr. Nethia Mohana Kumaran dan Dr. Lee Hooi Ling adalah antara 11 penerima daripada Malaysia yang tersenarai sebagai pemenang anugerah felo dan biasiswa berprestij yang dibiayai oleh Kerajaan Australia. Dr. Nethia Mohana Kumaran bertugas di Pusat Pengajian Sains Kajihayat, manakala Dr. Lee Hooi Ling daripada Pusat Pengajian Sains Kimia.

Anugerah ini telah membolehkan penerima menjalankan penyelidikan merentasi pelbagai disiplin di universiti terkemuka dan institut penyelidikan di Australia. Dr. Nethia Mohana Kumaran telah menjalankan program untuk meningkatkan rawatan pilihan untuk pesakit yang menderita sebagai akibat karsinoma nasofaring di Pusat Kanser Peter MacCallum, manakala Dr. Lee Hooi Ling menjalankan penyelidikan berkaitan titanium nanopartikel oxynotride sebagai bahan yang berpotensi rawatan air sisa di University of Sydney.



Women in Science Award

Prof. Madya Ir. Dr. Leo Choe Peng daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia telah dianugerahi *Women in Science Award* pada majlis penghargaan Ton Duc Thang University Scientific Prize di Ho Chi Minh City, Vietnam. Beliau ialah penerima tunggal daripada Malaysia yang dipilih dalam kalangan 62 saintis daripada 20 buah negara di seluruh dunia. Dr. Leo Choe Peng menyetujui penyelidikannya mengenai teknologi membran dan rawatan air sisa yang memberi sumbangan ketara kepada masyarakat. Beliau telah bersaing untuk merebut tiga anugerah yang dipertandingkan dalam Ton Duc Thang University Scientific Prize iaitu Women in Science Award; Lifetime Achievement Award dan Rising Star Award.



SIRIM Invention, Innovation & Technology Expo (Si2TE)

Tiga (3) projek penyelidikan USM yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Suzylawati Ismail telah berjaya meraih satu (1) Emas, satu (1) Perak dan satu (1) Gangsa di Si2TE yang berlangsung di SIRIM Berhad pada April 2018. Sebanyak 250 projek telah dipertandingkan dalam expo tersebut.

Pingat Emas dimenangi melalui penyelidikan bertajuk "Membrane Adsorptive Untuk Pemulihan Quercetin". Projek ini menyetengahkan perumusan dan fungsi khasnya dalam pemulihan bahan sasaran yang bernilai daripada efluen farmaseutikal.

Pingat perak diraih oleh projek inovatif bertajuk Water Smart Control Gellant yang menggunakan penyelesaian khusus untuk mengawal aliran air daripada takungan minyak yang boleh menyebabkan kerugian kepada pengeluaran minyak.

Pingat gangsa disandang oleh penyelidikan bertajuk Nature-Inspired Membrane Coating mengenai salutan membran *biomimicry* daripada kaki kerang (*mussel's foot*) berfungsi sebagai penyelesaian bagi rawatan air sisa berminyak.



Pameran Reka Cipta, Inovasi & Teknologi Antarabangsa (ITEX 2018)

USM meneruskan kecemerlangan inovasi penyelidikan apabila kesemua 20 produk yang dipertandingkan berjaya merangkul sebelas (11) Emas, lapan (8) Perak dan satu (1) Gangsa dalam Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX 2018) yang

berlangsung di Kuala Lumpur pada 11 Mei 2018. Sebanyak 80 peratus daripada penyelidik yang berjaya ini ialah pensyarah-pensyarah muda yang mencerminkan keberkesanan USM dalam membangunkan barisan pelapis untuk memastikan kesinambungan USM dalam penyelidikan bertaraf antarabangsa. Keputusan penuh kemenangan adalah seperti jadual di sebelah.



Keputusan penuh Rekacipta, Inovasi & Teknologi Antarabangsa (ITEX 2018)

Bil.	Pingat	Penyelidik	Tajuk Produk
1.	Emas	Dr. Al Hafiz Ibrahim	P-LOCK
2.		Dr. Faiz Bukhari Mohd Suaah	A Green Electrochemical Reactor for Total Recovery of Gold from an E-Waste
3.		Dr. Go Furusawa	Bioflocculant AuDC
4.		Prof. Madya Dr. Ir. Leo Choe Peng	SuperAsh Coating for Floodproofing
5.		Prof. Dr. Mani Maran Ratnam	Moire Cloud Application for High-Sensitivity Crack Measurement via Smartphone Interface
6.		Dr. Mohd Hazwan Hussin	PALMSIVE (Formaldehyde-Free Industrial Wood Adhesives and Preservatives)
7.		Dr. Muhammad Nasiruddin Mahyuddin	Automated Test System for Automative Instrument Cluster
8.		Prof. Madya Dr. Nor Shafrin Ahmad	Adolescent Anger Instrument (AAI): An Instrument to Measure Anger Expressions Quickly and Precisely
9.		Dr. Nur Faeza Abu Kassim	M-PAK TRAP (Mosquito Population Attract and Kill Baits)
10.		Prof. Madya Dr. Suzylawati Ismail	ZwitAd: Zwitterionic Adsorbent Coating for Effluent Treatment
11.		Dr. Yanti Johari	D-Hybridfil Flow
12.	Perak	Prof. Ir. Dr. Srimala Sreekantan	Enviro Shield: The Smart Self-Clean & Anti-Stick POFA Coat
13.		Prof. Madya Dr. Dasmawati Mohamad	3D – Craniofacial Polyimide Composite Customised Implant
14.		Dr. Foo Keng Yuen	Eco-environmental Clay
15.		Prof. Madya Dr. Ahmad Munir Che Muhamed	cE-Gel: Coconut Water-Based Energy Gel
16.		Prof. Madya Dr. Maizurah Omar	USM Tobacco Quitline System
17.		Dr. Norilmi Amilia Ismail	CanSat Kit for Education (CAKED)
18.		Prof. Dr. Widad Ismail	Energy Harvester for Human Crowd Density Estimation
19.		Dr. Yam Mun Fei	ABBT as an Effective Anti-Hypertensive Agent
20.		Gangsa	Dr. Raa Khimi Shuib

Anugerah World's Best Science Communicator

Dr. Siti Khayriyyah Mohd Hanafiah dari Pusat Pengajian Sains Kajihayat telah mengharumkan nama Malaysia apabila dinobatkan sebagai juara dunia pada pertandingan FameLab International 2018. Beliau berjaya menawan hati panel juri dan memukau beratus-ratus penonton di The Arena, Cheltenham melalui pembentangan beliau berkenaan penggunaan


pasangan antibodi-antigen untuk diagnosis penyakit tibi. Beliau telah bersaing dengan 11 finalis daripada pelbagai negara seperti Australia, Itali, Ireland, Qatar, Korea dan Portugal sebelum muncul sebagai juara akhir. Kemahiran penyampaian secara lisan ini adalah antara cabang dalam komunikasi sains yang bertujuan menarik minat umum dengan topik sains dan teknologi yang sering dianggap sebagai sesuatu yang rumit dan tidak menyeronokkan dalam kalangan orang awam.



(NST, 1 Julai 2018, <https://www.nst.com.my/news/nation/2018/07/386004/worlds-best-science-communicator>)

Anugerah Standard Kebangsaan

Anugerah yang telah disampaikan dalam tahun 2018 telah diterima oleh Profesor Dr. Badorul Hisham Abu Bakar daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam atas usaha dan sumbangan beliau dalam memajukan bidang standardisasi dan akreditasi Malaysia oleh Jabatan Standard Malaysia. Anugerah berprestij tersebut telah disampaikan oleh Presiden ISO, John Walter dan Setiausaha Agung ISO, Sergio Mujica di KLCC Convention Centre, Kuala Lumpur pada 25 Mac 2018. Melalui beliau, USM mewakili Lembaga Industri Perakayuan Malaysia (MTIB) dan juga Kerajaan Malaysia dalam Jawatankuasa ISO untuk menjaga kepentingan Malaysia dalam Industri Perakayuan.



The LearnX Impact Awards

Prof. Madya Dr. Azidah Abu Ziden dari Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan telah menerima Anugerah Emas The LearnX Impact Awards 2018 bagi Best Learning Model (Blended) di Melbourne Convention & Exhibition Centre, Melbourne, Australia. The LearnX Impact Awards merupakan anugerah antarabangsa yang mengiktiraf pelbagai bidang daripada pengurusan bakat dalam sektor pendidikan dan korporat. Kategori untuk anugerah 2018 termasuk Pembelajaran, Prestasi dan Keupayaan, Model Pembelajaran dan Reka Bentuk E-Pembelajaran.



Anugerah International University Carnival on E-Learning (IUCEL) 2018

IUCEL 2018 adalah Karnival E-Pembelajaran antarabangsa tahunan yang dianjurkan dengan kerjasama Majlis E-Pembelajaran Malaysia untuk Universiti Awam Malaysia (MEIPTA), Malaysian Centre for E-Learning

(MyCEL) dan KPM. IUCEL bertindak sebagai pentas untuk mempromosi, menerokai, dan berkongsi amalan terbaik dan kepakaran global dalam aplikasi E-Pembelajaran pada semua peringkat institusi pengajian dari seluruh dunia. USM melalui lima (5) orang pensyarah telah menggondol Pingat Emas dalam kategori E-Learning.

1.5 Pengiktirafan Penerbitan

Anugerah MAPIM-KPT 2017


Pada tahun 2018, Anugerah MAPIM-KPT 2017 telah menawarkan sembilan (9) kategori anugerah. Daripada sejumlah sebelas (11) hadiah Anugerah Utama dan Anugerah Penghargaan yang diberikan, Penerbit USM telah menerima enam (6) hadiah iaitu satu (1) hadiah Anugerah Utama dan lima (5) hadiah Anugerah Penghargaan. Butiran kategori anugerah adalah seperti yang berikut:



Anugerah Utama

(i) Anugerah Makalah Jurnal Terbaik (Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial)

Judul	:	A Malaysia of Citizens: Ethnicity, Membership and Politics of Merger
Nama Penulis	:	Low Choo Chin (Pensyarah di Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh)
Jurnal	:	KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities, Jil. 24, No. 2, 2017
Penerbit	:	Penerbit Universiti Sains Malaysia
Hadiah	:	Sijil, trofi dan wang tunai RM3,500



Anugerah Penghargaan

(ii) Anugerah Buku Ilmiah Terbaik (Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial)

Judul	:	British dan Perang Enam Hari 1967 Arab-Israel
Nama Penulis	:	Muhamad Hasrul Zakariah (Pensyarah Sejarah di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan)
Penerbit	:	Penerbit Universiti Sains Malaysia
Hadiah	:	Sijil, trofi dan wang tunai RM2,500




(iii) Anugerah Buku Ilmiah Terbaik (Bidang Sains, Teknologi dan Perubatan)

Judul	:	Pemodelan Hakisan Tanah Menggunakan Teknik ¹³⁷ Cs
Nama Penulis	:	Wan Ruslan Ismail dan Zainudin Othman (Profesor Dr. Wan Ruslan Ismail ialah Pensyarah di Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, manakala Profesor Dr. Zainudin Othman ialah




Pensyarah di Universiti Pendidikan Sultan Idris)
Penerbit : Penerbit Universiti Sains Malaysia
Hadiah : Sijil, trofi dan wang tunai RM2,500



**(iv) Anugerah Makalah Jurnal Terbaik
(Bidang Sains, Teknologi dan Perubatan)**

Judul : The Effects of Minocycline on Spinal Root Avulsion Injury in Rat Model
Nama Penulis : Tan Yew Chin, Sim Sze Kiat, Hizal Ghazali Faizul, Wutian Wu dan Jafri Malin Abdullah (Dr. Tan Yew Chin ialah Pensyarah Perubatan di Pusat Pengajian Sains Perubatan, Dr. Sim Sze Kiat ialah Pensyarah Perubatan di Universiti Malaysia Sarawak; Dr. Faizul Hizal Ghazali kini bertugas sebagai Doktor Perubatan di Hospital Seremban; Profesor Wutian Wu ialah Profesor Kehormat di Hong Kong University, Hong Kong; dan Profesor Dato' Dr. Jafri Malin Abdullah ialah Pengarah dan Pensyarah Perubatan di Pusat Perkhidmatan dan Penyelidikan Neurosains, USM)
Jurnal : Malaysians Journal of Medical Sciences, Jil. 24, No.1, 2017
Penerbit : Penerbit Universiti Sains Malaysia
Hadiah : Sijil, trofi dan wang tunai RM1,500



**(v) Anugerah Editor Naskhah Buku Terbaik
(Bidang Kemanusiaan dan Sains Sosial)**

Editor : Noor Sheela Suratman (Pegawai Penerbitan Kanan di Penerbit USM)
Judul : Amalan Tebus Guna Tanah, Reka Bentuk Bandar dan Seni Bina di Malaysia
Penerbit : Penerbit Universiti Sains Malaysia
Hadiah : Sijil, trofi dan wang tunai RM1,500



**(vi) Anugerah Editor Naskhah Buku Terbaik
(Bidang Sains, Teknologi dan Perubatan)**

Editor : Marina Azmi (Ketua Pegawai Penerbitan di Penerbit USM)
Judul : Pemodelan Hakisan Tanah Menggunakan Teknik ¹³⁷Cs
Penerbit : Penerbit Universiti Sains Malaysia
Hadiah : Sijil, trofi dan wang tunai RM1,500

Anugerah Buku Negara 2018

Sejumlah tiga (3) judul buku terbitan Penerbit USM telah menerima Anugerah Buku Negara 2018. Manakala Cik Noor Sheela Suratman,

Editor Penerbit USM telah terpilih sebagai Editor Terbaik. Anugerah buku ini dianjurkan oleh Yayasan Pembangunan Buku Negara.

EDITOR TERBAIK

USM
ANTARA TERBAIK
DAN SERBA DINAMIK
2018

ANUGERAH
BUKU NEGARA
National Book Award
2018

KATEGORI INDUSTRI

daripada
AHLI LEMBAGA GABENOR,
NAIB CANSOLOR DAN SELURUH WARGA
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

KAMI MEMIMPIN

BUKU UMUM TERBAIK

(Kategori Seni Bina)
Ahmad Sanusi Hassan

(Kategori Sains Kesihatan)
Noor Aini Hessein &
Mohamed Rusli Abdullah

(Kategori Sejarah)
Jelani Harun

Anugerah PERSAMA 2018

Majlis Anugerah PERSAMA 2018 telah diadakan serentak dengan Majlis Perasmian Simposium Kebangsaan Sains Matematik Ke-26 (SKSM26) pada 29 November 2018 di TH Hotel, Kota Kinabalu, Sabah. Anugerah PERSAMA ini diadakan sebagai penghargaan dan pemangkin kepada para penulis dan penerbit untuk terus menghasilkan karya-karya yang bertahap tinggi serta menjadi rujukan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Pada tahun 2018 buku berjudul Analisis Data Menggunakan Borang Soal Selidik yang ditulis oleh Wan Muhamad Amir Wan Ahmad, Ruhaya Hasan dan Nor Affendy Nor Azmi telah menerima Anugerah Hadiah Sanjungan (Kategori Karya Asli). Selain kemenangan kali ini, buku Penerbit USM telah beberapa kali menerima pengiktirafan Anugerah PERSAMA, antaranya tahun 2001, 2002, 2009, 2012 dan 2014.



Majlis Penyampaian Anugerah PERSAMA 2018

Pengiktirafan Taraf CREAM Kementerian Pendidikan Malaysia

Sejumlah lima (5) jurnal terbitan Penerbit USM telah menerima pengiktirafan dalam Program Pemberian Taraf CREAM oleh KPM. Pengiktirafan ini bertujuan membantu usaha untuk meningkatkan kualiti penyelidikan dan

penerbitan jurnal ilmiah di Malaysia. Jurnal-jurnal ini telah dipilih daripada pelbagai penerbit jurnal di Malaysia. Jurnal yang dipilih menerima Taraf CREAM adalah seperti di bawah. Asian Academy of Management Journal menerima anugerah ini buat kali pertama.




(i) Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society

Kategori : Jurnal Berprestasi Tinggi Diindeks dalam Web of Science
 Nilai anugerah : RM10,000
 Ketua Sidang Pengarang : Dato' Indera Profesor Dr. Rosihan Ali



(ii) Journal of Physical Sciences

Kategori : Jurnal Berprestasi Tinggi Diindeks dalam Scopus
 Nilai anugerah : RM8,000
 Ketua Sidang Pengarang : Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad



(iii) Tropical Life Sciences Research

Kategori : Jurnal Berprestasi Tinggi Diindeks dalam Scopus
 Nilai anugerah : RM8,000
 Ketua Sidang Pengarang : Profesor Dr. Alexander Chong Shu Chien



(iv) Journal of Construction in Developing Countries

Kategori : Jurnal Berprestasi Tinggi Diindeks dalam Scopus
 Nilai anugerah : RM8,000
 Ketua Sidang Pengarang : Profesor Sr. Dr. Abdul Rashid Abdul Aziz



(v) Asian Academy Journal of Management

Kategori : Jurnal Berprestasi Tinggi Diindeks dalam Scopus
 Nilai anugerah : RM8,000
 Ketua Sidang Pengarang : Profesor Madya Dr. Zamri Ahmad

Pemberian taraf CREAM merupakan pengiktirafan terhadap kecemerlangan Penerbit USM dalam memastikan kualiti jurnal-jurnal terbitannya memenuhi standard penerbitan antarabangsa bagi menggalakkan dan meningkatkan sitasi penerbitan makalah-makalah yang diterbitkan. Pada masa sekarang, terdapat satu (1) jurnal terbitan Penerbit USM, iaitu Bulletin of Malaysian Mathematical Sciences Society (BMMSS) telah diindekskan dalam pangkalan data Science Citation Index Expanded (SCIE Web of Science), manakala sebanyak 12 jurnal telah diindekskan dalam Scopus, dan lapan (8) dalam Emerging Sources Citation Index (ESCI Web of Science). Jurnal-jurnal yang telah diindekskan dalam pangkalan data Scopus akan dimantapkan untuk diindekskan dalam pangkalan data Web of Science. Projek penerbitan bersama dengan penerbit antarabangsa seperti Springer untuk jurnal BMMSS berpotensi menaikkan imej dan prestasi jurnal di samping meningkatkan sitasi. Penerbitan bersama ini juga akan diusahakan untuk jurnal-jurnal sedia ada.

1.6 Pengiktirafan Pelajar

Bakat pelajar USM telah diiktiraf dalam pelbagai pertandingan pada sepanjang tahun 2018. Pencapaian cemerlang ini ialah hasil inisiatif USM yang mengerakkan agenda H.E.B.A.T (*Holistic, Entrepreneurial, Balance, Articulate & Thinking*) kepada para pelajar.

Outstanding Student Social Entrepreneurship Project

Dalam pertandingan MEA (Ministry of Education Entrepreneurial Awards), kumpulan Adikarma telah mendapat tempat ke-3 bagi kategori 'Outstanding Student Social Entrepreneurship Project'. Projek tersebut merupakan usaha sekumpulan pelajar dalam menangani isu peminggiran seni tari dengan menggunakan model keusahawanan sosial. Kumpulan pelajar terdiri daripada pelbagai latarbelakang akademik dan etnik yang boleh menjadi model keharmonian kaum melalui seni budaya.




Kumpulan Kesenian Adikarma 'Second Runner Up For Outstanding Student Social Entrepreneurial Awards' MOE Entrepreneurial Awards di Royale Chulan Hotel, Kuala Lumpur

Asean Student Entrepreneurship Network Convention (ASENet) 2018

Pada peringkat antarabangsa, pelajar USM telah menerima pengiktirafan tempat pertama dan kedua dalam program Asean Student Entrepreneurship Network Convention (ASENet) 2018 Banda Aceh, Indonesia bagi kategori 'Best Booth' dan 'Business Plan Competition'.

Ron Cockcroft Award 2018

Selain bergiat dalam program keusahawanan, pelajar USM juga bergiat dalam penyelidikan di persada antarabangsa. Teng Teck Jin, pelajar pascasiswazah Sarjana Sains di bawah seliaan Dr. Lee Hooi Ling dari Pusat Pengajian Sains Kimia telah menjulang nama USM apabila beliau merupakan rakyat Malaysia pertama telah memenangi Ron Cockcroft Award 2018 bersama-sama 12 penerima lain dari negara-negara Eropah seperti Norway, Australia, Switzerland, Poland, Belgium, Austria, Slovenia, Belanda, Portugal, Jerman, Itali dan juga Kanada. Penyelidikan beliau tentang perlindungan kayu.



Teng Teck Jin penerima Ron Cockcroft

The Best Team Presentation Award

Selain itu, Pelajar PhD daripada Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia, Nurul Azrin Zubri telah memenangi The Best Team Presentation Award yang telah diadakan bersempena The 10th Hope Meeting with Nobel Laureates yang telah diadakan di Yokohama Bay Hotel, Tokyu, Jepun dari 12 hingga 15 Mac 2018. Penyelidikan beliau berkaitan proses pengurangan tahap CO₂ di atmosfera dengan menggunakan teknik baharu pada suhu yang agak tinggi.



Sebahagian Peserta The 10th Hope Meeting with Nobel Laureates

Juara UNIMAKER Makeathon Competition 2018

USM telah berjaya mencungkil kreativiti dan pelakuan inovasi dalam kalangan pelajar melalui UNIMAKER Makeathon Competition 2018. Tambahan pula, USM telah menjadi hos untuk zon utara dengan kerjasama KPM serta Universiti Awam (UA) Malaysia. Program UNIMAKER ini bermatlamat mendidik pelajar untuk berfikir, berinovasi mencipta dan membangunkan penyelesaian inovatif yang bercirikan Revolusi Industri ke-4.0 (4IR).

Pada peringkat nasional, wakil USM dalam pertandingan UNIMAKER Makeathon Competition 2018 telah dinobatkan sebagai Juara (Whatever) dan Naib Juara (4dynamo) daripada lima (5) finalis (4dynamo, SMILometer, WyseTime, Whatever dan Bookklik). Hasil inovasi pelajar USM ini dipilih sebagai pemenang kerana potensi besar pengkomersilan produk tersebut untuk kegunaan industri. Produk inovasi yang muncul juara ini berpotensi menyumbang kepada sektor pertanian sekali gus membantu menangani isu *food safety* kepada negara. 31 pasukan daripada UA dan Universiti Swasta telah mengambil bahagian. Pertandingan ini dihakimi oleh Panel Hakim daripada 14 industri.



Juara & Naib Juara UNIMAKER



Johan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri 2018

Xu Yang yang dikenali sebagai 'Izzah' di USM merupakan pelajar daripada Guangdong Foreign Studies University. Beliau yang mengikuti Program Pemindahan Kredit Bahasa Melayu di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan USM telah memenangi Johan Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa

Melayu Piala Perdana Menteri 2018 bagi Kategori Antarabangsa. Pertandingan ini telah disertai oleh 50 peserta dari 31 buah negara. Izzah memenangi kategori Pelajar Antarabangsa dan membawa pulang Piala Perdana Menteri serta hadiah wang tunai bernilai RM10,000. Izzah merupakan contoh unggul yang mengantarabangsakan Bahasa Melayu di pentas dunia.



Izzah bersama YB Menteri Pendidikan Malaysia, Dr. Maszlee Malik

Anugerah Tokoh Siswa Kementerian Pendidikan Malaysia 2018



USM telah menghantar sebanyak 18 pencalonan yang disenarai pendekkan untuk dikemukakan kepada panel KPM. Dari jumlah tersebut tiga (3) orang pelajar USM telah dipilih untuk ditemuduga dan akhirnya dua (2) mahasiswa USM terpilih memenangi anugerah dalam kategori masing-masing. Dalam majlis penyampaian Anugerah Tokoh Siswa 2017 yang diadakan di UNIMAP pada 23 September 2018, pelajar USM dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Mohd Faiz Fateh Mohd Affandy, telah memenangi Anugerah Pemimpin Wacana Intelekt manakala pelajar daripada Pusat Pengajian Sains Kajihayat, Kee Zhen Xiang, telah memenangi Penghargaan Khas Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi.



Anugerah Pingat Emas Persatuan Sejarah Malaysia



Heartiest
Congratulations

Noorilham Ismail

B.A. (Hons.) USM, 2017 | USM's M.A. (History) Candidate

on being declared as the
Gold Medalist
of the **Malaysian Historical Society**



" Your success is the pride
to the USM Alumni family "



Pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) penglihatan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan iaitu Noorilham Ismail yang berasal dari Felda Lok Heng Selatan, Kota Tinggi, Johor telah mengharumkan nama USM setelah menerima Anugerah Pingat Emas Persatuan Sejarah Malaysia Tahun 2018. Pihak Persatuan Sejarah Malaysia mewujudkan anugerah ini sejak 1998 untuk meningkatkan minat dan menggalakkan kajian yang bermutu tentang sejarah. Ia dianugerahkan kepada siswazah terbaik dalam kursus Sejarah Malaysia, gabungan keputusan semua tahun pengajian.

The Malaysian Book of Records - Musical Performance Marathon

Pada 22 hingga 24 November 2018, Kelab Muzik USM telah berjaya mengadakan projek 'Musical Performance Marathon' di Dewan Utama USM Kampus Kesihatan dengan diketuai oleh Loe Pei Yu. Projek ini telah berjaya memecahkan The Malaysian Book of Records iaitu 'The Longest Non-Stop Musical Performance' selama 48 jam tanpa henti. Program ini dipimpin dan diselaraskan persembahan muziknya oleh Pensyarah Sains Sukan di Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Dr. Garry Kuan Pei Ern. Projek ini dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan. Objektif projek ini ialah mengukuhkan semangat perpaduan dan mengeratkan hubungan dalam kalangan pelajar berbilang kaum serta masyarakat serta mengharumkan nama USM di persada kebangsaan dengan mencipta rekod baharu.



Penyampaian Sijil Pengiktirafan dari
The Malaysia Book of Records

1.7 Pengiktirafan Sukan & Kebudayaan

Pada tahun 2018, Dr. George Teoh Boon Sai dari Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh telah mewakili Malaysia dan memenangi sembilan (9) pingat (empat (4) Pingat Emas, tiga (3) Pingat Perak dan dua (2) Pingat Gangsa) dalam tiga (3) kejohanan seni mempertahankan diri peringkat antarabangsa seperti berikut:

- i. The 15th World Chin Woo Martial Arts & Cultural Carnival di Yuyao, China.
- ii. World Chin Woo Martial Arts Championship & Cultural Festival di



Tianjin, China.

- iii. The 7th Xiamen International Wushu Competition di Xiamen, China.

Sepuluh (10) atlet yang terdiri daripada pelajar USM turut cemerlang dalam The 19th ASEAN University Games (AUG) 2018 yang telah berlangsung di Naypyitaw, Myanmar bermula pada 10 Disember 2018 dengan merangkul satu (1) Emas, lima (5) Perak dan satu (1) Gangsa untuk berada pada kedudukan ketiga secara keseluruhan. Pelajar Fatin Nurfatehah Mat Salleh telah mengharumkan nama USM setelah membawa pulang dua (2) emas dalam kejohanan memamah antarabangsa. Selain Saudari Fatin, lima (5) pelajar USM telah menyumbang pingat Emas melalui Sukan Malaysia 2018 melalui acara Renang, Petanque, Judo dan Karate-Do.



USM juga menerima pengiktirafan dari aspek kebudayaan melalui Che Mat Jusoh yang merupakan seorang Karyawan Tamu dari Pusat Pengajian Seni. Beliau telah menerima Anugerah Khas Gamelan Tradisional Melayu 2018 daripada Kerajaan Negeri Terengganu kerana berjaya membuat perubahan terhadap sistem

penjarian Rebab menggunakan nota muzik serta mencipta Rebab menggunakan kaedah baharu. Beliau menerima penghormatan daripada negeri Terengganu dalam Majlis Apresiasi Lambang Sari Gamelan Tradisional Melayu.



1.8 Pengiktirafan Kumpulan Inovasi

USM dinobatkan sebagai Johan Keseluruhan Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) peringkat Universiti Awam (UA) melalui Kumpulan Galaksi R3 dan Kumpulan Protech daripada Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT).

Kumpulan Galaksi R3 menghasilkan produk inovasi mereka Pro-Gait17 yang merupakan alat untuk membantu pesakit yang mengalami masalah dan kesukaran untuk berjalan. Menerusi penggunaan alat ini, masa rawatan berjaya dikurangkan dengan mengekalkan kualiti rawatan yang sama dan tempoh pemulihan menjadi lebih cepat. Alatan ini juga dapat membantu terutama warga emas yang sedang dalam tempoh pemulihan fizikal di setiap pusat penjagaan warga emas di seluruh negara.

Melalui produk ini Kumpulan Galaksi R3 telah berjaya memperoleh Anugerah Emas dalam International Convention on Quality Control Circles (ICQCC) yang diadakan di Resorts World Sentosa Convention Centre, Singapura pada 22 hingga 24 Oktober 2018. ICQCC kali ke-43 ini menghimpunkan 436 penyertaan dari seluruh dunia.

Selain itu, Kumpulan Protech yang mendapat Johan Kategori Pengurusan dan Anugerah Inovasi Terbaik pula mengetengahkan projek e-Method Verification (e-MEVA) yang berfungsi untuk menangani kesukaran mengurus data dan maklumat proses klarifikasi kaedah ujian makmal diagnosis perubatan. Antara kelebihan e-MEVA adalah menjimatkan masa dalam pencarian dokumen, mengurangkan kaedah dalam menjalankan aktiviti makmal, menjimatkan kos pembinaan sistem, keunikan



sistem yang dibangunkan berdasarkan rujukan tempatan dan standard antarabangsa dan memenuhi keperluan *International Standard Organisation* (ISO).

Sementara itu, Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) melalui Kumpulan Beyond Rehab telah memenangi Anugerah Emas pada Konvensyen Team Excellence Peringkat Wilayah Tengah yang telah diadakan pada 24 hingga 25 Julai 2018 bertempat di Hotel The Royale Chulan Damansara.

HUSM melalui kumpulan inovasi, iaitu Kumpulan Q-id, Kumpulan MaxCma dan Kumpulan Trauma Lean Healthcare telah menyertai Konvensyen Kebangsaan Peringkat Hospital Pengajar Universiti, pada 1 hingga 2 November 2018, di Putrajaya International Convention Centre. Di samping itu, melalui Persatuan Jururawat Malaysia Cawangan HUSM, Kejururawatan HUSM telah menerima Anugerah Award for Zubaidah Trophy.




2.0 PROGRAM AKADEMIK (ACADEMIC PROGRAMMES)



Bahagian Akademik & Antarabangsa merupakan PTJ di bawah seliaan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) yang berfungsi menerajui penggubalan dan perancangan dasar akademik untuk meningkatkan kecemerlangan akademik dan penyebaran ilmu kepada masyarakat. Matlamat ini menyokong sepenuhnya hasrat dan hala tuju Universiti untuk mentransformasikan pendidikan tinggi untuk kelestarian hari esok.

Terdapat enam (6) PTJ yang mendukung bagi merealisasikan matlamat di atas, iaitu Institut Pengajian Siswazah (IPS), Pusat Mobiliti dan Kolaborasi Antarabangsa (IMCC), Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik (CDAE), Pusat Kualiti Akademik Universiti (PKA), Pusat Rancangan Kokurikulum (PRK) dan Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) seperti gambarajah di bawah:



Secara umumnya Bahagian Akademik & Antarabangsa telah berjaya meningkatkan jumlah Pelajar Antarabangsa Ijazah Pertama sebanyak 44 peratus, Pelajar Ijazah Tinggi Antarabangsa sebanyak 6.5 peratus, Pelajar Mobiliti (Outbound) sebanyak 2 peratus, penawaran Program Inovasi sebanyak 7 peratus, menghasilkan 10 modul Micro-Credential Daftar MyIPO dan tiga (3) Modul MOOC sepanjang tahun 2018.

2.1 Agenda Transformasi Akademik


Bahagian Akademik & Antarabangsa USM bertanggungjawab dalam menerajui penggubalan dan perancangan dasar akademik di USM.

Pada tahun 2018, Bahagian Akademik & Antarabangsa telah melancarkan Agenda Transformasi Akademik bagi meningkatkan daya tarikan program akademik USM. Objektif utama agenda ini ialah:

- (i) Menilai semula syarat-syarat kemasukan sedia ada bagi menarik lebih ramai pelajar melanjutkan pengajian di USM.
- (ii) Mewujudkan pengalaman pembelajaran yang cemerlang.
- (iii) Meningkatkan keupayaan USM untuk menawarkan program akademik yang

- berdaya saing, inovatif dan relevan dengan keperluan semasa, badan akreditasi dan pemegang taruh.
- (iv) Memastikan semua program akademik mematuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
 - (v) Menambah baik sistem pengurusan akademik supaya lebih efisien dan efektif.
 - (vi) Menjadikan USM sebagai universiti pilihan pelajar.
 - (vii) Menjadikan program-program akademik yang ditawarkan di USM sebagai program akademik yang menjadi pilihan pelajar.

Agenda Transformasi Akademik ini membolehkan program akademik USM terus berdaya saing dan kekal relevan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Dalam hal ini juga, definisi pelajar telah disemak semula dengan mengambil kira pelajar sepenuh masa dan mereka yang belajar secara sambilan serta tidak boleh berada sepenuh masa di dalam kampus. USM secara aktif menilai kerangka penawaran rancangan akademik supaya dapat menyokong agenda pembelajaran sepanjang hayat dan pendidikan fleksibel.



Kerangka Program Akademik USM

Kerangka di sebelah dihasilkan bagi menyokong hasrat USM untuk merekayasa USM sebagai universiti pilihan. Di bawah kerangka ini, pencapaian akademik & antarabangsa sepanjang 2018 adalah seperti yang berikut:

- (i) Pengenalan inisiatif Pendidikan Anjal 'Flexible Education'.
- (ii) Pematuhan dan amalan Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE).
- (iii) Pengenalan program akademik baharu yang inovatif, kompetitif dan menjadi pilihan pelajar.
- (iv) Pelaksanaan inisiatif untuk mewujudkan pengalaman pembelajaran melalui 'Frivoducation'.
- (v) Pengenalan 'Microcredential' untuk memantapkan pembelajaran dalam talian.
- (vi) Pelancaran Geran Penyelidikan Akademik (Fasa 1).
- (vii) Pelaksanaan kajian rintis Instrumen Penilaian Pengajaran Untuk Staf Akademik terhadap 53 orang pensyarah dari Kampus Induk, Kesihatan, Kejuruteraan dan IPPT.
- (viii) Pelaksanaan kajian rintis Indeks Magnetik Global (GMI) ke atas 26 Pusat Pengajian di USM.
- (ix) Pelaksanaan audit fasiliti pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi mengenal pasti tahap kualiti dewan kuliah dan bilik tutorial di Kampus Induk dan Kampus Kesihatan.
- (x) Penubuhan lapan (8) pasukan petugas bagi memantapkan pencapaian agenda transformasi akademik iaitu:
 - Pasukan Petugas Penyediaan Buku Panduan Rancangan Pengajian.
 - Pasukan Petugas Flexible Education.
 - Pasukan Petugas Global Magnetic Index (GMI).
 - Pasukan Petugas Kajian Keperluan Bahasa (Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris untuk pelajar prasiswazah dan pascasiswazah).
 - Pasukan Petugas Projek FACELIFT (Funding for APEX Collaboration On Excellent Learning Infra-Structure and Technology).
 - Pasukan Petugas Pelaksanaan dan perancangan Way Forward

Kursi di USM.

- Pasukan Petugas Kutipan Hutang Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA).
- Pasukan Petugas Kos per Pelajar.

Dalam memastikan program akademik USM sentiasa kompetitif dan relevan, sebanyak 16 peratus daripada jumlah keseluruhan kursus ijazah pertama dan ijazah tinggi telah melalui proses penilaian semula. Inisiatif ini bertujuan untuk mewujudkan program-program akademik yang akan menjadi pilihan kepada pelajar dari dalam negara dan luar negara. Program-program akademik yang ditawarkan juga mematuhi dasar kualiti yang ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Di samping itu, USM juga turut mengkaji penawaran program akademik yang lebih anjal demi memberikan kelonggaran kepada pelajar yang sedang bekerja. Pembelajaran secara anjal juga memberikan ruang kepada pelajar untuk meningkatkan lagi kompetensi mereka di samping menambahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi menyiapkan diri sebagai tenaga kerja yang berpotensi tinggi dan memenuhi kehendak majikan. Penilaian yang telus terhadap elemen pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) akan memberikan kelebihan kepada potensi pelajar untuk menjadi seorang graduan yang lebih inovatif dan kompetitif serta dapat memenuhi keperluan pasaran.

Penggubalan kurikulum akademik dan bukan akademik yang mengandungi elemen H.E.B.A.T (*Holistic, Entrepreneurial, Balance, Articulate & Thinking*) dapat melahirkan graduan yang cemerlang. Pengubalan ini selari dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Elemen *Articulate & Thinking* ialah inisiatif tambahan kepada H.E.B dalam PSPTN yang diketengahkan oleh USM manakala program mobiliti, *internship*, pertukaran pelajar dan aktiviti kemasyarakatan, keusahawanan, kerohanian, sukan serta kesukarelawanan merupakan nilai tambah kepada kurikulum akademik yang sedia ada di USM.

Suasana persekitaran, kemudahan pembelajaran dan pengajaran serta penginapan pelajar yang kondusif turut memainkan peranan penting dalam menarik lebih ramai pelajar ke USM, iaitu universiti

ke-2 tertua di Malaysia. Kekangan yang dihadapi oleh USM ialah keperluan bajet yang besar bagi kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan dan naik taraf fasiliti yang sedia ada. Bagi mengatasi masalah kekurangan dana, USM telah melancarkan projek Funding For APEX Collaboration on Excellent Learning Infrastructure & Technology (FACELIFT) yang menggunakan konsep sumbangan dana daripada individu atau syarikat. Pendekatan ini merupakan satu kreativiti yang diperkenalkan oleh USM dalam model baharu pembangunan dan penyelenggaraan fasiliti universiti.

2.2 Pengantarabangsaan

Agenda pengantarabangsaan USM pada tahun 2018 terus dipergiat lagi melalui pengambilan pelajar ijazah pertama, ijazah tinggi dan program pertukaran pelajar. USM juga telah menggiatkan aktiviti promosi untuk menarik lebih ramai pelajar antarabangsa. Aktiviti-aktiviti tersebut termasuklah pemasaran melalui media sosial, penambahbaikan proses pengambilan pelajar dan pelantikan ejen di peringkat antarabangsa. Hasil daripada aktiviti promosi tersebut, seramai 169 orang pelajar baharu antarabangsa dari 36 buah negara telah mengikuti program ijazah pertama di USM sebagai universiti pilihan mereka. Antara negara tersebut adalah China, Mesir, Maldives, Kanada, Brunei, Pakistan, Yaman, Bangladesh, Bahrain, Thailand,

Indonesia, Nigeria, Tanzania, Arab Saudi, Jepun, Syria, Jordan dan Emiriah Arab Bersatu (UAE). Jumlah ini telah meningkat sebanyak 44 peratus berbanding tahun 2017 manakala bagi program ijazah tinggi, jumlah pelajar antarabangsa telah meningkat sebanyak 55 peratus berbanding tahun 2017.

Peningkatan bilangan pelajar antarabangsa telah menambah pendapatan USM melalui kutipan yuran pengajian serta yuran-yuran lain yang berkaitan. Kedatangan pelajar antarabangsa juga meningkatkan pendapatan negara melalui pengaliran kemasukan wang asing ke dalam negara. Di samping itu, perbelanjaan oleh pelajar-pelajar tersebut akan turut memberi kesan positif kepada sosioekonomi masyarakat setempat.

Kemasukan pelajar antarabangsa selari dengan matlamat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hub pendidikan yang tersohor di rantau ini. Dalam hal ini, KPM telah mensasarkan bahawa setiap universiti awam di negara ini perlu mempunyai sekurang-kurangnya 10 peratus pelajar antarabangsa daripada jumlah keseluruhan pelajar. Pada tahun 2018 pelajar antarabangsa USM berjumlah 3,329 pelajar (10.1 peratus) termasuk Skim Pertukaran Pelajar Pengajian Tanpa Ijazah.



Walau bagaimanapun, USM menghadapi cabaran dalam menarik lebih ramai pelajar antarabangsa atas faktor lokasi. Kedudukan lokasi USM di utara Semenanjung Malaysia perlu ditonjolkan kepada bakal pelajar antarabangsa bahawa Pulau Pinang juga merupakan satu lokasi pilihan yang menarik untuk pelajar antarabangsa.

USM berusaha untuk meningkatkan visibiliti melalui kaedah pengiklanan digital seperti Instagram, Twitter, Facebook dan Google Ads. Kaedah ini akan diteruskan pada masa hadapan dengan menerokai pasaran-pasaran negara baharu yang lebih berpotensi melalui analisis pasaran melalui media sosial.

2.3 MICROCREDENTIAL@USM



Pelancaran platform pembelajaran dalam talian baharu iaitu Microcredential@USM telah membuka era baharu dalam konteks pembelajaran atas talian secara mikro berasaskan kompetensi di Universiti ini. Tahun 2018 menyaksikan sejumlah sepuluh (10) modul Microcredential@USM telah didaftarkan sebagai harta intelek melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) seperti jadual yang berikut:

Bil.	Tajuk Modul Microcredential@USM
1	DIY Rapid Video Creation for Teaching
2	E-Book Publishing for Beginner
3	Essential Digital Tool for Student Engagement
4	Rapid Video Montage Creation for Teaching
5	Mengurus Disiplin Bilik Darjah Dengan Pendekatan Eklektik
6	PLC via appear.in
7	Celik Teknologi kepada Kanak-kanak
8	Schoology: Platform Pembelajaran Atas Talian
9	How Crude Oil Is Processed?
10	Pembinaan Litar Asas Skematik

Seramai 236 orang pengguna berdaftar yang terdiri daripada pelajar, pensyarah dan pengguna awam ini telah direkodkan dalam tahun 2018.

Selain itu, komitmen bagi membudayakan pembelajaran sepanjang hayat telah diteruskan dengan memantapkan pembangunan modul USM-Massive Open Online Course (MOOC) iaitu penyediaan kursus pembelajaran dalam talian (*online*) yang terbuka secara percuma. Komitmen ini seiring bagi mencapai Lonjakan 9: Pembelajaran Dalam Talian Tahap Global (*Globalised Online Learning*) di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Penetapan sasaran oleh KPM kepada setiap universiti awam ialah membangunkan lima belas (15) MOOC menjelang tahun 2020. Namun USM, dijangka dapat mencapai sasaran ini menjelang 2019. Sehingga penghujung tahun 2018, pengguna berdaftar MOOC adalah seramai 1,903 orang yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar. Sejak dibangunkan pada tahun 2015, sejumlah dua belas (12) MOOC dihasilkan oleh USM. Ini termasuklah tiga (3) MOOC yang telah berjaya dihasilkan pada tahun 2018 seperti berikut:

(i) 21st Century Teaching Strategies (Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan)

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada idea berkenaan Pembelajaran Abad ke-21 yang mengandungi ciri-ciri utama iaitu komunikasi, kolaborasi, kreativiti, dan pemikiran kritis. Kursus ini akan membantu pelajar memahami pelbagai strategi pembelajaran yang boleh diaplikasikan seiring dengan keperluan Pembelajaran Abad ke-21.

(ii) Teaching 'By Design' (Pusat Pengajian Sains Perubatan)

Kursus ini bertujuan memberi kemahiran kepada staf akademik untuk mereka bentuk pengajaran secara sistematik dan berkesan. Kursus ini termasuklah kemahiran mereka bentuk sesi pengajaran yang interaktif dan strategi menjadi pendidik yang inovatif.

(iii) Jom Cari Maklumat@Perpustakaan (Perpustakaan Hamzah Sendut)

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk mempelajari strategi pencarian maklumat bagi membantu proses menghasilkan projek atau kerja kursus yang berkualiti. Secara umumnya kemahiran yang diperolehi dapat menambahkan lagi pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada pelajar sendiri.

Secara keseluruhannya, pencapaian modul Microcredential dan MOOC bertambah baik pada tahun 2018 berikutan kesedaran tentang sokongan terhadap pembelajaran sepanjang hayat oleh individu dan tenaga kerja yang anjal dalam mana-mana organisasi atau industri untuk mengukuhkan kompetensi yang diperlukan berdasarkan keperluan Industri 4.0.


Antara cabaran yang dihadapi dalam membangunkan Microcredential dan

MOOC ialah kekurangan staf kumpulan teknikal yang berkepakaran tinggi bagi tujuan pembangunan modul.

Secara keseluruhan, USM telah meningkatkan kuantiti modul Microcredential dan MOOC yang ditawarkan. Hal ini membolehkan USM menawarkan kepakaran yang dimiliki kepada komuniti di luar USM termasuk masyarakat antarabangsa, sekali gus mengatasi limitasi sumber seperti ruang, kepakaran dan masa secara inovatif.

Bagi tujuan menambah bilangan bahan pengajaran dan pembelajaran dalam talian, mulai tahun 2019, program latihan yang berstruktur akan terus dilaksanakan. Selain itu, seramai sekurang-kurangnya 25 orang pelatih (*trainers*) baharu disasarkan melalui sesi *Train The Trainers* yang telah dirancang pada tahun 2019.

Features of USM Microcredential Program



2.4 Program Akademik Baharu & Inovatif

Pada tahun 2018, USM telah mengembangkan penawaran program akademik ke peringkat nasional dengan menawarkan Program Akademik Dwi Ijazah bagi Program Sarjana Neurosains Kognitif antara Pusat Pengajian Sains Perubatan USM dengan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Bagi program akademik ke peringkat antarabangsa, USM pada tahun 2018 telah menawarkan program Dwi Ijazah dan Dual Ijazah seperti disenaraikan di bawah. Program-program ini berjaya menarik seramai 26 orang pelajar.

- (i) Program Akademik Dwi Ijazah bagi Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan oleh Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, USM dan Sarjana Sains oleh Adam Smith Business School, University of Glasgow, Scotland.
- (ii) Program Akademik Dual Ijazah bagi Program Sarjana Pentadbiran Perniagaan oleh Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, USM dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dengan Pengkhususan ASEAN Business oleh School of Business and Management, Institut Teknologi Bandung, Indonesia.
- (iii) Program Sarjana Sains dan Doktor Falsafah dalam bidang Kejuruteraan Polimer Melalui Mod Penyelidikan dengan Kerjasama antara Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral,


USM dan Prince of Songkla University (PSU), Thailand.

- (iv) Program Akademik Dual Ijazah bagi Program Sarjana Sains (Fizik Keadaan Pepejal) antara Pusat Pengajian Sains Fizik dengan Eastern Bavarian University of Technology, Germany.
- (v) Program Akademik Dwi Ijazah bagi Program Sarjana Sains (Kejuruteraan Alam Sekitar) antara Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam dengan Toyohashi University of Technology, Jepun.

Kesediaan institusi pendidikan tinggi antarabangsa mewujudkan kerjasama akademik dengan USM membuktikan keupayaan USM menawarkan program akademik yang mencapai kualiti antarabangsa. Pada tahun 2019, USM berhasrat untuk mengadakan kolaborasi akademik bersama dengan lebih banyak universiti terkemuka di dunia.

2.5 Program Ijazah Pertama

Pelajar ialah pemegang taruh yang utama bagi USM. Setiap tahun, USM berusaha secara intensif untuk meningkatkan pengambilan pelajar sama ada bagi program ijazah pertama, ijazah tinggi ataupun program tanpa ijazah. USM meletakkan kepentingan yang sama rata sama ada mereka ialah pelajar sepenuh masa mahupun separuh masa. Sehingga penghujung tahun 2018, jumlah pelajar baharu USM mengikut Sidang Akademik (S.A) yang mendaftar adalah seperti carta yang berikut:



Pada tahun 2018, bilangan pelajar baharu bagi program ijazah pertama dan jarak jauh menunjukkan sedikit penurunan kerana tidak ramai pelajar aliran sains yang memohon kemasukan ke USM. Walau bagaimanapun, bilangan pelajar antarabangsa meningkat dengan ketaranya berbanding tahun 2017 iaitu sebanyak 44 peratus kerana pemantapan strategi pemasaran yang dilaksanakan oleh USM.

USM juga turut mengambil perhatian terhadap agenda *University Social Responsibility* (USR) di mana Universiti terus mengekalkan konsep pengambilan daripada golongan terkebahawah untuk memberikan ruang dan peluang kepada calon pelajar daripada golongan tercicir dan golongan kurang berkemampuan untuk melanjutkan pengajian di USM. Seramai 106 pelajar baharu daripada kelompok ini memenuhi syarat akademik dan kriteria khas sosioekonomi yang ditetapkan oleh USM iaitu pendapatan isi rumah RM3,000 dan ke bawah. Pelajar-pelajar ini membayar yuran pengajian dengan kadar penuh tetapi hanya perlu membayar 50 peratus daripada kadar yuran kesihatan dan perkhidmatan perpustakaan.


Selain itu USM turut prihatin dan memberikan peluang kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) untuk merealisasikan cita-cita menggengam ijazah USM dengan memberikan perhatian khusus dalam pengambilan pelajar berstatus OKU. Seramai sepuluh (10) pelajar daripada golongan ini mendaftar pada Sidang Akademik 2018/2019.

Bagi memperkasakan sukan negara, USM juga telah mengenal pasti calon-calon yang merupakan atlet yang mewakili negeri dan negara daripada pelbagai jenis bidang sukan untuk mengikuti program pengajian di USM melalui pengambilan pelajar baharu di bawah kemasukan Pendidikan Sepanjang Hayat di bawah kategori Warga Sukan. Pengambilan ini ialah usaha USM bagi melahirkan graduan holistik yang mampu merealisasikan agenda dan wawasan nasional. Seramai 19 pelajar baharu kategori Warga Sukan telah mendaftarkan diri pada Sidang Akademik 2018/2019.

Selain itu USM juga meneruskan pengambilan pelajar melalui program pesisir (*off-shore*) pada tahun 2018 ini untuk program kerjasama akademik dengan Politeknik Port Dickson (PPD) melalui KPM untuk Ijazah Sarjana Muda Sains [(Perumahan, Bangunan dan Perancangan) (Kepujian) (Senibina)]. Seramai 28 pelajar baharu telah mendaftarkan diri dalam program ini bagi tahun ketiga pengambilan. Program Antarabangsa Doktor Perubatan USM-KLE, dengan Karnataka Lingayat Education Society (KLES) di Belgaum, India juga diteruskan bagi tahun kelapan dan seramai 50 pelajar telah mendaftarkan diri dalam program ini.

2.6 Rancangan Ijazah Tinggi

Secara keseluruhannya, kemasukan pelajar Ijazah Tinggi pada tahun 2018 adalah sebanyak 2,664 orang, meningkat seramai 162 orang (6.5 peratus) berbanding pada tahun 2017 iaitu seramai 2,502 orang.



Perbandingan Kemasukan dan Enrolmen Pelajar Ijazah Tinggi Bagi Tahun 2017 dan 2018

Perkara ini dapat dilihat untuk kedua-dua program Sarjana dan Doktor Falsafah. Corak yang sama ditunjukkan untuk enrolmen pelajar ijazah tinggi. Pendekatan kepada pasaran bersepadu iaitu kaedah pemasaran melalui media sosial serta aktiviti-aktiviti promosi telah memberi kesan kepada peningkatan kemasukan dan enrolmen pelajar ijazah tinggi. Sehingga penghujung tahun 2018, enrolmen pelajar Ijazah Tinggi adalah sebanyak 10,715 orang berbanding 10,547 orang pada tahun 2017.

2.7 Graduan Sulung Senaman Klinikal

USM telah berjaya menghasilkan lapan (8) orang 'Graduan Sulung' dalam bidang Senaman Klinikal. Program Sarjana Sains (Sains Senaman Klinikal) merupakan program pertama yang ditawarkan di Malaysia bertujuan melahirkan tenaga profesional yang terlatih dalam melaksanakan Program Intervensi berkaitan gaya hidup sihat yang melibatkan senaman, pemakanan dan psikologi.

Penawaran program ini pada peringkat sarjana selaras dengan perkembangan di luar negara seperti di Amerika Syarikat dan di Eropah yang menawarkan program sarjana dalam bidang 'Clinical Exercise Science' atau juga diberikan nama program Sarjana 'Clinical Exercise

Physiology'. Di samping itu, graduan daripada program ini akan memenuhi keperluan tenaga profesional berkaitan sains senaman dan kesihatan seperti yang dikehendaki oleh Sektor Awam dan Swasta di Malaysia.

Keperluan tenaga profesional ini selari dengan hasrat Malaysia untuk mengurangkan kadar penyakit tidak berjangkit dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan. Kandungan kursus dalam program sarjana ini memenuhi ciri-ciri akreditasi yang ditetapkan oleh Exercise Sport Science Australia (ESSA). Ia dimantapkan lagi dengan memberikan penekanan kepada gabungan aspek teori dan praktikal dalam pengisian kursus-kursusnya. Pendekatan ini diambil bagi memastikan para pelajar akan mengaplikasikan unsur teori kepada praktikal untuk membantu mereka melaksanakan tugas mereka dengan lebih efektif.

Pelaksanaan program ini juga melibatkan penempatan klinikal selama sepuluh (10) minggu di Pantai Integrated Rehab Sdn. Bhd., Kuala Lumpur. Penempatan Klinikal ini dilaksanakan melalui *Memorandum of Agreement (MoA)* yang bertujuan meningkatkan keupayaan klinikal dan kemahiran mereka dalam latihan interprofesional.

KAMPUS UOLS SELASA 20 NOVEMBER 2018 • SINAR HARIAN
ZALMIMAZURA ZAHARI @www.kampusuols.com @kampusuols @kampusuols @Kampus Uols

Sains Senaman Klinikal

Lahirkan tenaga profesional intervensi

Program Sarjana Sains Senaman Klinikal merupakan program pertama yang ditawarkan di Malaysia bertujuan melahirkan tenaga profesional yang terlatih dalam melaksanakan program intervensi berkaitan gaya hidup sihat yang melibatkan senaman, pemakanan dan psikologi.

Menurut Timbalan Pengerah Penyelidikan & Jaringan Institut Perubatan dan Pergigian Termau (IPPT), Prof. Madya Dr. Ahmad Munir Che Muhammed merangkap Ketua Program Sains Senaman Klinikal, program ini mula ditawarkan pada sidang akademik 2017/2018 yang mana ia merupakan satu-satunya program sarjana di Universiti Sains Malaysia (USM) dalam membantu Malaysia menjadi negara yang sihat dan maju selaras dengan visi 2020.

"Pada masa yang sama, bidang pengajian ini adalah relevan dengan misi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mengawal kadar peningkatan penyakit tidak berjangkit (non-communicable disease) seperti diabetes dan obesiti dalam kalangan masyarakat tempatan melalui program intervensi gaya hidup sihat yang selamat dan efektif.

"Tempoh pengajian pula antara setahun (3 semester berturut-turut) sehingga 2 semester biasa dan 1 semester semasa cuti panjang. Sejak ini sejak pengimbitan sesi pertama, jumlah pelajar ialah seramai 24 pelajar," katanya.

Bagi pelajar yang berminat untuk mengikuti program sarjana ini, calon wajib mempunyai Ijazah Sarjana Muda yang berkaitan dengan Sains Kesihatan atau bidang sains lain yang bersesuaian dengan Sains Gaya Hidup atau setara. Antara bidang yang diberikan keutamaan adalah Sains Sukun, Fisioterapi, Bioperubatan, Pemakanan dan Dietetik.

Selain itu, antara kursus-kursus yang terdapat dalam program ini ialah epidemiologi, fisiologi senaman, ujian dan preskripsi senaman, farmakologi, nutrisi, psikologi dan rehabilitasi.

Menariknya, kandungan kursus di dalam program sarjana ini memenuhi ciri-ciri akreditasi yang ditetapkan oleh Exercise Sport Science Australia (ESSA). Ianya dimantapkan lagi dengan memberikan penekanan kepada gabungan aspek teori dan praktikal dalam pengisian kursus-kursusnya.

"Untuk pasaran kerja atau ruang kerjaya yang sesuai dengan bidang ini ialah berkaitan perkhidmatan penjagaan kesihatan (healthcare services) di hospital. Pada masa yang sama, pusat kecerdasan juga dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada graduan dari program ini," katanya.

Info

- Antara bidang yang diberi keutamaan adalah Sains Sukun, Fisioterapi, Bioperubatan, Pemakanan dan Dietetik.

LAPAN GRADUAN PERTAMA SARJANA SAINS (SAINS SENAMAN KLINIKAL)

Antara graduan Sarjana Sains (Sains Senaman Klinikal) yang diilhami sempena 'Graduan Sulung' program ini dalam Majlis Konvokesyen USM kali ke-56 baru-baru ini.

2.8 Kebolehpasaran Graduan

USM menjalankan pelbagai program yang bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan. Program tersebut dikendalikan secara berpusat oleh Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya dan Kebolehpasaran.

- Program Talent Rakyat adalah hasil kerjasama di antara KPM dan Yayasan Bank Rakyat (YBR). Program ini merupakan program intervensi bagi menzahirkan aspirasi dan objektif yang sama iaitu meningkatkan kebolehpasaran graduan.



Butiran-butiran Program Talent Rakyat

Tarikh	Tempat	Penyertaan	
		Pelajar	Penempatan Pekerjaan
2-27 April 2018	Bilik Seminar PTPM	98 peserta dari seluruh Universiti Awam	Cawangan Bank Rakyat
2-27 Julai 2018			

Tujuan program ini ialah memperkasakan para peserta dengan kemahiran insaniah sebagai nilai tambahan untuk para graduan menempuh alam pekerjaan kelak. Pelbagai modul yang berimpak telah dirangka dengan rapi dalam mempersiapkan mereka sebagai pekerja yang berkualiti.

- Program Alumni Talk merupakan program kerjasama antara Persatuan Alumni USM dengan Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya dan Kebolehpasaran Graduan. Tujuan program ini ialah memperkasakan roh APEX dan peranan universiti, staf, pelajar dan alumni. Program ini mengundang Tan Sri Dato' Dzulkipli Abd Razak, Mantan Naib Canselor USM sebagai penceramah.


3.0 PENGALAMAN PELAJAR (STUDENTS' EXPERIENCE)

3.1 Pelajar H.E.B.A.T

Perancangan strategik USM bertujuan melahirkan graduan dengan atribut H.E.B.A.T (*Holistic, Entrepreneurial, Balance, Articulate & Thinking*) demi memastikan graduan USM bersedia memberikan impak dalam pembangunan komuniti dan negara. Untuk mencapai perancangan strategik tersebut, USM telah berjaya menjalankan 6,681 aktiviti di bawah Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar & Alumni (BHEPA) sepanjang tahun

2018 melalui sebelas (11) program teristimewa (*flagship*).

Pelaksanaan semua program tersebut telah dapat meningkatkan penglibatan pelajar USM dalam aktiviti sukan, kesenian, kebudayaan, kesukarelawanan, kebajikan dan keusahawanan. Sepanjang 2018, semua program tersebut telah menarik sebanyak 178,780 penyertaan. Secara keseluruhannya, jumlah penglibatan pelajar ijazah pertama sepenuh masa dalam penganjuran program yang diadakan sepanjang 2018 di ketiga-tiga kampus direkodkan dengan berdasarkan data dalam My Continuous Student Development (MyCSD) seperti jadual di bawah:



Jumlah aktiviti palajar anjuran BHEPA

3.2 Pimpin Siswa Lestari

Program PIMPIN Siswa Lestari telah berjaya diadakan dan melibatkan seramai 3,986 orang pelajar baharu dengan jumlah peruntukan sebanyak RM530,000 bagi tahun 2018. Statistik penglibatan pelajar dan staf adalah seperti jadual di bawah:

Statistik Peserta dan Tenaga Penggerak PIMPIN Siswa Lestari bagi tahun 2018

Perkara	Kategori	Jantina	Induk	Kej.	Kesihatan	Poli PD	Jumlah
Peserta	Pelajar	Lelaki	759	365	95	27	1,246
		Perempuan	2084	279	348	29	2,740
		Jumlah	2,843	644	443	56	3,986
Tenaga Penggerak	Pelajar	Lelaki	35	21	14	6	76
		Perempuan	77	21	25	6	129
		Jumlah	112	42	39	12	205
	Staf Akademik	Lelaki	-	-	4	-	4
		Perempuan	-	1	1	-	2
		Jumlah	0	1	5	0	7
	Staf Bukan Akademik	Lelaki	9	6	3	4	22
		Perempuan	3	9	3	1	16
		Jumlah	12	16	11	5	44
	Alumni	Lelaki	4	1	-	1	6
		Perempuan	2	-	-	1	3
		Jumlah	6	1	0	2	9
Jumlah Keseluruhan			2,973	703	493	75	4,244

Program ini telah melibatkan pembangunan atribut mahasiswa yang holistik dan seimbang (H.E.B.A.T), merangkumi aspek inovasi, keusahawanan dan kelestarian. Pelajar USM yang mengikuti program ini dihasratkan berupaya mengenal kaedah menjana idea dan pemikiran secara berstruktur dan terarah dalam suasana santai. Hal ini telah dicapai melalui pengenalan modul *world cafe* yang mengandungi tiga (3) komponen kemahiran iaitu Qalbu, Teras dan Generik.

Program ini merupakan gaya USM dalam melahirkan pelajar yang relevan, dirujuk, dan dihormati oleh masyarakat.

3.3 Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (Pilihan Raya Kampus)

Pelajar USM telah berjaya mengendali satu lagi program daripada pelajar kepada pelajar yang signifikan pada tahun 2018 iaitu pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar. Pengendalian Pemilihan MPP USM ini dilaksanakan sepenuhnya oleh pelajar dengan pemantauan dan penasihat oleh pegawai Universiti.

Pemilihan MPP USM ini dikendali oleh Sekretariat Pemilihan MPP USM. Sebanyak 624 pelajar telah membuat permohonan untuk menjadi sekretariat. Seramai 250 orang telah dipilih melalui sistem berkomputer secara rawak bagi menganggotai Sekretariat tersebut.

Sejumlah 45 konstituensi telah memilih perwakilan masing-masing iaitu seramai 29 orang dari Kampus Induk, lapan (8) orang dari Kampus Kejuruteraan, tujuh (7) orang dari Kampus Kesihatan dan seorang (1) daripada USM-KLE India. Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar ini telah menggunakan Sistem ePilih dan diadakan pada 29 November 2018.



Panduan kepada Pemilih bagi Proses Pemilihan di dalam Pusat Pemilihan

3.4 Dewan Perundingan Pelajar (Parlimen Mahasiswa)

USM telah berjaya meningkatkan rasa kebertanggungjawaban pelajar terhadap universiti melalui inisiatif universiti mewujudkan Parlimen Mahasiswa yang dikenali sebagai Dewan Perundingan Pelajar (DPP). Inisiatif ini ialah yang pertama diwujudkan di Malaysia pada tahun 2010 bagi mewakili suara keseluruhan pelajar USM.

Keahlian DPP terdiri daripada kepimpinan pelajar seramai 68 orang yang mempunyai peluang berdebat semasa DPP berlangsung. Sementara 52 orang bertindak sebagai pemerhati.

Parlimen mahasiswa ialah satu model aktiviti inisiatif pelajar yang digerakkan sepenuhnya oleh pelajar kepada pelajar. Universiti mempunyai sistem sokongan yang padu untuk memastikan aktiviti inisiatif pelajar dapat dijayakan. Langkah ini dapat mempersiapkan pelajar USM dengan sikap tanggungjawab penuh terhadap aktiviti yang dijalankan.

3.5 Ekspo Konvokesyen (CONVEX)

USM telah berjaya menganjurkan Ekspo Konvokesyen (CONVEX) 2018 yang telah menarik pengunjung seramai 60,000 orang. CONVEX berlangsung pada 22 hingga 28 Oktober 2018 di Tapak Konvokesyen USM. CONVEX ini dilaksanakan oleh Sekretariat Konvokesyen dengan kerjasama MPP USM. Ekspo ini merupakan model aktiviti



kendiri pelajar yang berjaya dijalankan dengan menggunakan dana yang dijana oleh sekretariat pelajar.

Terdapat pelbagai aktiviti dan pertandingan yang dijalankan sempena CONVEX pada tahun 2018 ini. Antaranya 'Battle of The Band', Pantun tiga (3) Penjuru, dan Larian Warna Kebangsaan 3.0. Pertandingan ini terbuka kepada seluruh pelajar USM dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Kehadiran pelajar USM dan masyarakat luar kampus setiap hari amat memberangsangkan. Pengisian program yang menepati citarasa telah menarik pengunjung ke kampus. Ekspo ini telah berjaya mendekatkan masyarakat luar dengan warga kampus. Pendekatan sedemikian menjadikan USM sebagai Universiti mesra masyarakat.

3.6 Program Pembangunan Kebudayaan Pelajar

Program pembangunan kebudayaan pelajar USM telah menunjukkan impak positif sepanjang tahun 2018. Kumpulan Adikarma, dianggotai oleh para pelajar sains dan sastera daripada pelbagai latar belakang etnik, menjadi sebuah kumpulan aktiviti pelajar rentas kaum

dan kumpulan seni persembahan. Kumpulan ini juga telah menyertai MOE Entrepreneurial Award 2018 anjuran KPM bagi kategori Outstanding Student Social Entrepreneurial dan telah dinobatkan sebagai *2nd runner up* bagi kategori tersebut sekali gus membawa hadiah wang tunai berjumlah RM10,000 beserta sijil penyertaan. Antara kejayaan lain yang telah diraih adalah yang berikut:

PROGRAM	PERINGKAT	PENCAPAIAN	PENGLIBATAN PELAJAR
20 th IMT-GT Varsity Carnival	Antarabangsa	The Best Cultural Performance	20
Sukan Malaysia-Indonesia (SUKMALINDO) 2018	Antarabangsa	Persembahan Kebudayaan	30
Sayembara Pantun Piala Nusantara UniSZA 2018	Antarabangsa	Suku Akhir	7
The 16 th Asean And 6 th Asean+3 Youth Cultural Forum (AYCF+3)	Antarabangsa	Persembahan Kebudayaan	4
Festival Akar Kita Zapin 2018	Kebangsaan	Anugerah Perak dan Anugerah Gangsa	23
Busking Challenge Charity 2018	Kebangsaan MAKUM	Anugerah Khas Juri dan Persembahan Kebudayaan	30
Festival Zapin MAKUM 2018	Kebangsaan MAKUM	Anugerah Seri Perdana	15



Kumpulan Kesenian Adikarma 'The Best Cultural Performance 2018' 20th IMT-GT Varsity Carnival Di UiTM Kampus Arau, Perlis



Adikarma di Festival Akar Kita Zapin 2018



Kumpulan Si Busker USM berjaya mendapat Anugerah Khas Juri. Program ini pada 12 dan 13 Oktober 2018 disertai 11 universiti

3.7 Pembangunan Sukan & Rekreasi

USM terus menunjukkan pencapaian yang membanggakan dari aspek sukan dan rekreasi. USM mempunyai kemudahan sukan yang baik serta program pembangunan bakat

sukan yang terancang. Selain melahirkan atlet peringkat kebangsaan. USM juga melahirkan atlet yang bertaraf antarabangsa. Senarai penuh penglibatan atlet USM adalah seperti jadual yang berikut:

BIL	NAMA	SUKAN	PUSAT PENGAJIAN	PENCAPAIAN	PERTANDINGAN	TARIKH
ANTARABANGSA						
1	Lim Chee Wei	Karate-Do	Ilmu Kemanusiaan	Perak	1 st Inoue Cup, Tottori, Japan.	29 Julai 2018
				Separuh akhir	WKF Senior World Championship, Madrid, Sepanyol.	6 - 11 November 2018
2	Fatin Nurfatehah Mat Salleh	Memanah	Sains Kesihatan	Emas	ASEAN University Games, Myanmar	8 - 19 Disember 2018
				Emas	Pra Sukan Asia, Indonesia	12 - 19 Februari 2018
3	Tham Khai Xin	Penyelamat Kelemasan	Sains Kajihayat	Suku Akhir	World Life saving Championship 2018, Adelaide, Australia	19 - 27 November 2018
4	Khaw Yee Voon	Karate-Do	Perumahan, Bangunan & Perancangan	Perak	ASEAN University Games, Myanmar	8 - 19 Disember 2018
				Perak	Asia Karate Championship, Amman, Jordan	11 - 15 Julai 2018
				Gangsa	K1 Premier League, Rotterdam, Belanda	16 - 18 Mac 2018
5	Ivan Oh Theng Wei	Karate-Do	Sains Kemasyarakatan	Perak	Asia Karate Championship, Amman, Jordan	11 - 15 Julai 2018
				Perak	Karate 1 Premier League, Rabat, Morocco	16 - 18 Mac 2018
				Gangsa	Southeast Asia Karate Championship 2018, Vietnam	21 - 23 April 2018
6	Chang Sin Yi	Karate-Do	Pengurusan	Perak	ASEAN University Games, Myanmar	8 - 19 Disember 2018
				Perak	Asia Karate Championship, Amman, Jordan	11 - 15 Julai 2018
				Gangsa	K1 Premier League, Rotterdam, Belanda	16 - 18 Mac 2018
7	Subramaniam Sivanesan	Catur	Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	Perak	ASEAN University Games, Myanmar	8 - 19 Disember 2018
8	Nur Khadijah Basharudin	Mendayung	Sains Farmasi	Perak	ASEAN University Games, Myanmar	8 - 19 Disember 2018
9	Siti Aisyah Mahadher	Mendayung	Sains Kajihayat	Perak	ASEAN University Games, Myanmar	8 - 19 Disember 2018
10	Low Wai Ting	Ping Pong	Sains Kesihatan	Gangsa	ASEAN University Games, Myanmar	8 - 19 Disember 2018

BIL	NAMA	SUKAN	PUSAT PENGAJIAN	PENCAPAIAN	PERTANDINGAN	TARIKH
KEBANGSAAN						
11	Hollymax Bell	Renang	Komunikasi	Emas	Sukan Malaysia 2018, Perak	8 - 22 September 2018
12	Nur Maisarah	Petanque	Ilmu Kemanusiaan	Emas	Sukan Malaysia, 2018, Perak	8 - 22 September 2018
13	Kamini Sri Segaran	Judo	Pengurusan	Emas	Asia Karate Cham Sukan Malaysia, 2018, Perak pionship, Amman, Jordan	8 - 22 September 2018
				Perak	The Final Mission Copa Da Malaysia	2 - 4 November 2018
				Gangsa	National Senior Judo Championship, Malaysia	19 - 21 Oktober
14	Lee Pei San	Judo	Pengurusan	Perak	National Senior Judo Championship, Malaysia	19 - 21 Oktober
				Perak	The Final Mission Copa Da Malaysia	2 - 4 November 2018
15	Ivan Oh Theng Wei	Karate-Do	Sains Kemasyarakatan	Emas	Sukan Malaysia 2018, Perak	8 - 22 September 2018
				Perak	Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT), UKM	2 -10 Februari 2018

Pencapaian Pelajar USM sebagai Atlit bagi Tahun 2018



Lim Chee Wei
Karate



Hollymax Bell
Renang



Fatin Nur Fatehah
Memanah

3.8 Anugerah Tokoh Siswa USM 2018

Anugerah Tokoh Siswa USM adalah inisiatif BHEPA untuk memberikan galakan dan suntikan semangat kepada mahasiswa USM bagi melahirkan insan yang seimbang dalam bidang akademik dan sahsiah. Bertitik tolak daripada ini, BHEPA telah membuka peluang kepada mahasiswa untuk turut serta bertanding dalam beberapa kategori anugerah pelajar yang melalui beberapa peringkat penilaian.

Semua pemenang diraikan dalam Majlis Persada Kencana. Majlis Persada Kencana anjuran Institut Pengajian Siswazah dan BHEPA telah diadakan pada 3 Disember 2018 di Dewan Pembangunan Siswa, USM. Majlis ini meraikan dan mengiktiraf mahasiswa yang telah menunjukkan kecemerlangan kepimpinan yang holistik dan kompeten. Senarai anugerah dan nama pemenang adalah seperti berikut:

BIL	ANUGERAH	NAMA PEMENANG	PUSAT PENGAJIAN
1	Anugerah Tokoh Siswa USM	Jerry Yacob	Bahasa, Literasi & Terjemahan
2	Anugerah Pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar	Lester Ng Kim Ho	Sains Komputer
3	Anugerah Pemimpin Desasiswa	Tan Aik Sian	Sains Kimia
4	Anugerah Pemimpin Pusat Pengajian/ Persatuan/ Kelab	Khoghila Rajandran	Sains Kemasyarakatan
5	Anugerah Pemimpin Badan Beruniform	Nur Najjah Abd Manas	Ilmu Pendidikan
6	Anugerah Pemimpin Program Keusahawanan	Lee Choon Wei	Kejuruteraan Awam
7	Anugerah Pemimpin Program Kebudayaan	Jerry Yacob	Bahasa, Literasi & Terjemahan
8	Anugerah Pemimpin Program Sains, Teknologi Dan Inovasi	Sharvin M.Poovaneshvaran	Kejuruteraan Awam
9	Anugerah Pemimpin Program Sukan	Kong Cheng Ann	Pengurusan
10	Anugerah Pemimpin Program Pengucapan Awam	Muhammad Syahdad Naquiyuddin Hadi Suhardi	Ilmu Pendidikan
11	Anugerah Pemimpin Program Wacana Intelek	Satiaselan Ravindren	Komunikasi
12	Anugerah Pemimpin Pelajar Antarabangsa	Ksenia Kondratenko	Sains Kemasyarakatan

BIL	ANUGERAH	NAMA PEMENANG	PUSAT PENGAJIAN
13	Anugerah Pemimpin Sukarelawan (Kesejahteraan Komuniti)	Bebiyana Bidin	Sains Kesihatan
14	Anugerah Pemimpin Sukarelawan (Alam Sekitar)	Amiera Dayana Hilmy Zaki	Bahasa, Literasi & Terjemahan
15	Anugerah Pemimpin Sukarelawan (Terbuka)	Bebiyana Bidin	Sains Kesihatan
16	Anugerah Pasukan Sukarelawan Terbaik	<u>Sekretariat Kampus Sejahtera</u> Iffah Najihah Jantan (Ketua Pasukan) Fatin Nurhazwani Mohamad Nasir Nur Fatimah Ahmad Fauzi Siti Nur Qadijah Alias Hee Pu Yun	Sains Kimia Sains Kimia Sains Kajihayat Sains Kajihayat Sains Kajihayat
17	Anugerah Outstanding Student Enterprise Award	Mohamad Fakrul Razi Adnan	Ilmu Pendidikan
18	Outstanding Graduate Enterprise Award	How Yong Guan	Kejuruteraan Aeroangkasa
19	Outstanding Student Social Entrepreneurship Project Award	<u>Project Four - 22</u> Spencer Chieng Kuan Hock (Ketua Pasukan) Jonathan Phan Kar Jun Franshena Bhaskran Ooi Soek Peng Thoe Wei Ying Chan Siow Tian Chang Ee Cheng Liew Mei Jun Chong Bun Yean Chan Chia Yi Teoh Yee Qin Hoo Seong Aik Tan Chin Yong Leoi Li Lian Eugene Leong Jun Tong Ang Zi Wei Tan Wei Keat Lam Xue Yuan Goh Ting Hui	Sains Kemasyarakatan Bahasa, Literasi & Terjemahan Bahasa, Literasi, & Terjemahan Pengurusan Pengurusan Pengurusan Pengurusan Pengurusan Pengurusan Pengurusan Pengurusan Sains Kajihayat Sains Kemasyarakatan Sains Kemasyarakatan Sains Matematik Sains Matematik Seni Teknologi Industri Teknologi Industri

3.9 Pengurusan Acara

USM telah berjaya mencungkil potensi pelajar pada tahap tertinggi melalui penganjuran aktiviti sukan bertaraf antarabangsa. Bakat pelajar yang dicungkil bukan sahaja sebagai peserta tetapi sebagai penganjur acara, sekali gus menjadi medan pembelajaran kepada pelajar dalam mengumpulkan pengalaman menguruskan kontinjen tempatan dan antarabangsa. Penganjuran acara oleh pelajar telah dilakukan dengan model perniagaan yang dibangunkan secara teliti. Penganjuran ini mendapat bimbingan rapi Pusat Sukan dan Rekreasi USM.

Pada tahun 2018, terdapat empat (4) program sukan yang dianjurkan dengan cemerlang oleh pelajar iaitu Pesta Bola Jaring USM Penang International, Pesta Hoki USM Penang International, Temasya Olahraga Tahunan USM dan Sukan antara Desasiswa (SUKAD).

Secara keseluruhan, empat (4) program ini telah dikendalikan oleh 530 orang pelajar sebagai tenaga penggerak serta 11,000 orang atlet sebagai peserta. Keupayaan program anjuran pelajar USM menarik penyertaan antarabangsa membuktikan potensi besar program ini dalam menjadi acara pelancongan sukan yang dapat memberikan manfaat kepada negara. Program ini juga menyerlahkan potensi bakat penting pelajar USM untuk masa depan negara. Empat (4) program sukan anjuran pelajar ini telah menarik penyertaan dari Indonesia, Thailand, Singapura, Brunei, Sri Lanka, India, Pakistan, Uzbekistan, Chinese Taipei, Hong Kong, dan Taiwan.

Kemampuan pelajar USM mengendalikan program ini terbukti kerana keyakinan yang ditunjukkan

oleh para penaja. Sebanyak 15 penaja telah menyumbangkan tajaan sebanyak RM100,000 untuk empat (4) program tersebut, sekali gus menunjukkan kejayaan model perniagaan penganjuran acara yang dikendalikan oleh pelajar.



Penganjuran acara sukan telah berjaya melahirkan pelajar yang terlatih dalam ilmu kepimpinan dan pengurusan acara termasuk peluang pembelajaran dalam aspek-aspek seperti *problem solving*, *crisis management* serta *leadership*.

3.10 Latihan Industri

USM telah berjaya menempatkan seramai 2,288 pelajar untuk menjalani latihan industri di pelbagai syarikat termasuk syarikat multinasional. Sejumlah 25 pelajar telah menjalani latihan industri di luar negara. Hal ini menunjukkan kejayaan USM dalam mempersiapkan pelajarnya untuk bekerja merentas sempadan. Penerimaan oleh industri antarabangsa membuktikan keyakinan industri terhadap sumber bakat yang dihasilkan oleh universiti. Ketersediaan pelajar menyahut cabaran menjalani latihan industri di institusi antarabangsa ialah hasil daripada program pengajian yang berjaya mengikut kehendak semasa industri pada peringkat antarabangsa.

Potensi pelajar USM untuk menimba pengalaman industri di organisasi antarabangsa boleh diperkukuh pada masa hadapan melalui sokongan dana dan pemudahcara sistem. Penyertaan lebih ramai pelajar dalam latihan industri pada peringkat antarabangsa boleh menjadi aset penting kepada negara dari aspek pengayaan kemahiran dan teknologi dari luar negara. USM menggiatkan pengantarabangsaan melalui Inisiatif Satu Pelajar Satu Pasport.

Program Latihan Industri Pelajar 2018



3.11 Program Sangkutan Pra-Klinikal (Pre-Clinical Attachment)

USM telah mengambil inisiatif untuk menjalankan program sangkutan pra-klinikal kepada graduan perubatan sementara mereka menunggu penempatan sebagai Pegawai Perubatan Siswazah (PPS).


Program ini membolehkan graduan mendapat pendedahan awal daripada persekitaran kerja sebagai Pegawai Perubatan dan sentiasa berpengetahuan dan berkemahiran klinikal mutakhir (*up-to-date*) sementara menunggu penempatan. Perincian adalah seperti jadual yang berikut:

Tarikh Permohonan	Universiti	Bilangan Pelajar
23 Januari 2018	USM	1
12 Februari 2018	USM	1
12 Februari 2018	USM	1
19 Februari 2018	USM	1
18 Mac 2018	Zagazig University, Mesir	1
19 Ogos 2018	University of Aberdeen, Scotland	1
26 Disember 2018	USM	1

3.12 Penempatan Latihan Pegawai Perubatan Siswazah

HUSM telah berjaya memainkan fungsi sebagai hospital yang menawarkan tempat

latihan kepada Pegawai Perubatan Siswazah (HO) dari Kementerian Kesihatan Malaysia dengan memperuntukkan sebanyak 201 slot.



Bilangan Pegawai Perubatan Latihan Siswazah mengikut Posting

3.13 Program University Community Internship (UCI)

Seramai tiga (3) orang pelajar dari Pusat Pengajian Teknologi Industri telah menjalani internship di bawah BJIM dan melalui UCI, pelajar telah

dibekali latihan secara *in House Training* oleh pembekal latihan yang dikenal pasti oleh BJIM dan seterusnya pelajar ditempatkan di lapangan yang melibatkan projek komuniti BJIM agar dapat berperanan untuk memindahkan ilmu kepada kumpulan sasaran. Impak program ialah:



3.14 Program Keusahawan Sosial

USM telah berjaya membantu komuniti memasarkan produk mereka melalui inisiatif pelajar. Dengan bantuan ini jualan sebanyak RM50,000 dijana. Seramai 1,500 orang pelajar mengintegrasikan libatsama komuniti dalam program akademik melalui pelaksanaan Program Keusahawan Sosial iaitu model keusahawan yang tidak hanya mementingkan

keuntungan, malah menekankan pembelaan kepada masyarakat yang ketinggalan dari sudut ekonomi. Keusahawan sosial ialah satu pendekatan inovatif ke arah transformasi sosial masyarakat. Hasilnya USM telah berjaya membantu komuniti dalam memasarkan produk mereka melalui inisiatif pelajar. Program ini dijalankan semasa semester satu (1), pada sidang akademik 2018/2019.

Keusahawan Sosial (WUS101)

<h1>1,500</h1> <p> Bilangan Pelajar</p>	<h1>250</h1> <p> Kumpulan Pelajar</p>	<h1>15 Minggu</h1> <p> Tempoh Tugasan</p>
<h1>9</h1> <p>Jenis Produk Komuniti</p>	 <p>Contoh Produk: Madu Kelulut (The Besut)</p>	
<h1>RM50,000.00</h1> <p>Rekod Jualan</p>	<p>Modal Komuniti (RM70.00) Harga Jual (RM80.00) Keuntungan Pelajar (RM10.00)</p>	

3.15 Program Final Project Branding Exhibition

Program ini merupakan inisiatif pembelajaran yang berdasarkan pengalaman kepada pelajar Kursus Branding & Corporate Identity. Program kerjasama antara Pusat Pengajian Seni dengan BJIM melibatkan kajian semula terhadap reka bentuk dan penjenamaan semula lima (5) jenis produk komuniti. Program ini membuka peluang kepada 40 orang pelajar untuk mendapat pengalaman mengintegrasikan libatsama komuniti dalam program akademik.



kelas-kelas jangka pendek yang melibatkan pertembungan budaya antara pelajar tempatan dengan pelajar antarabangsa.

Melalui program ini, pelajar mengadakan aktiviti bersama masyarakat setempat dan berpeluang mengetahui sosiobudaya mereka dengan lebih dekat yang memberikan impak secara langsung kepada pelajar antarabangsa untuk memperoleh kompetensi antara budaya. Sepanjang program, pelajar akan mengikuti aktiviti yang telah dirancang dengan berdasarkan modul-modul program jangka pendek yang dibangunkan bersama-sama pemegang taruh daripada Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan, INFORMM, Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan (GSB), Pusat Pengajian Sains Kajahayat dan pelbagai lagi yang telah disusun dengan rapi. Maklumat lanjut berkenaan program ini boleh dicapai melalui pautan: <http://www.imcc.usm.my/index.php/international-student/usm-summer-programme>.

Sejak dilancarkan pada tahun 1999, program ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan peningkatan sebanyak purata 13 peratus setiap tahun bagi bilangan pelajar dan 2 peratus bagi peningkatan institusi rakan sama ada dalam kalangan pelajar USM mahupun pelajar antarabangsa.

3.16 Program Mobiliti Pelajar

Program mobiliti pelajar yang dikendalikan oleh Pusat Mobiliti dan Kolaborasi Antarabangsa (IMCC), USM telah menyumbang kepada pengalaman pembelajaran yang menarik kepada para peserta terlibat yang terdiri daripada pelajar USM dan pelajar antarabangsa. Program mobiliti yang dijalankan ialah program pertukaran pelajar secara berkredit selama satu (1) hingga dua (2) semester, rancangan sangkutan penyelidikan, *internship*, program jangka pendek dan program pengantarabangsaan yang lain seperti aktiviti-aktiviti kebudayaan pelajar antarabangsa dan tempatan, pembelajaran bahasa asing dan

Namun begitu, pada tahun 2018, jumlah pelajar dari luar negara ke USM bagi program mobiliti (*inbound*) telah menurun sebanyak 13 peratus berbanding tahun 2017 iaitu dari 1,052 kepada 917 orang pelajar. Salah satu faktor penurunan jumlah ini disebabkan oleh peningkatan kos permohonan visa dan peraturan lain seperti prosedur pemindahan kredit serta kesesuaian program terutama dalam aspek penggunaan Bahasa Inggeris sebagai medium pengajaran. Oleh itu, pelbagai aktiviti berkaitan inisiatif ini telah giat dan akan ditingkatkan setiap tahun dengan memberi fokus kepada kompetensi antara budaya supaya perkara ini dapat diperbaiki.

Program pertukaran pelajar bagi pelajar tempatan ke luar negara (*outbound*) telah meningkat berbanding tahun 2017 sebanyak 2 peratus pada tahun 2018 iaitu seramai 107 orang pelajar. Peningkatan ini disebabkan oleh promosi melalui penyertaan dalam persidangan Asia Pacific Association of International Education (APAIE) dan European Association of International Education (EAIE) dan hebahan kepada lebih 100 institusi rakan di seluruh dunia yang lebih giat dijalankan selain daripada peningkatan dana sebanyak 25 peratus yang ditawarkan melalui kerjasama dengan organisasi-organisasi di dalam dan luar negara seperti Kesatuan Eropah melalui Geran Erasmus+, JASSO dari Kerajaan Jepun, AIMS dan AUN dari ASEAN, Institusi-institusi Rakan di Eropah yang memberikan dana secara langsung serta pelbagai lagi geran dari negara asing.

Program mobiliti yang dijalankan telah memberikan impak yang positif kerana berjaya mengeratkan hubungan dua hala dan telah meningkatkan kerjasama yang lebih erat antara USM dengan institusi pengajian tinggi antarabangsa yang terlibat seperti institusi rakan di Austria, Jerman dan Perancis. Di samping itu, ia turut memberikan manfaat yang besar kepada masyarakat melalui aktiviti atau projek yang dijalankan oleh pelajar di kampung-kampung serta petempatan orang asli melalui pemindahan ilmu dan teknologi serta kompetensi antara budaya.

setelah pulang ke Malaysia. Menurut mereka, program ini telah berjaya membina keyakinan diri, daya tahan, meningkatkan penguasaan bahasa asing dan pembelajaran melalui pengalaman yang merentas budaya yang seterusnya memberikan kesan positif dalam membina kompetensi antara budaya.

Pelajar-pelajar antarabangsa yang mengikuti program mobiliti ini pula telah memberikan maklumbalas yang amat positif terhadap penyertaan mereka. Perkara ini jelas ditunjukkan dengan kadar markah purata sebanyak 85 peratus tahap kepuasan merangkumi aspek kandungan program, aktiviti-aktiviti kebudayaan dan sosial, lokasi program, kemudahan, tempoh masa dan perkhidmatan sokongan. Maklumbalas ini dijadikan sebagai panduan dalam perancangan dan penghasilan program-program baharu serta penambahbaikan bagi program sedia ada.

Program mobiliti pelajar yang dikendali oleh IMCC, USM telah menyumbang kepada pengalaman pembelajaran yang sangat baik.



Lawatan Ritsumeikan University, Jepun - Pelajar Baharu Antarabangsa
Sepanjang September 2018 bagi Pembelajaran Sosio-Budaya Malaysia Serta Bahasa Inggeris

Pelajar-pelajar USM yang berpeluang menjalani program ini di luar negara turut memberi maklumbalas yang positif melalui borang soal selidik dan kajian yang dijalankan



Program Gala Night Minggu Orientasi pada 4 hingga 8 September 2018. Bertujuan memperkenalkan budaya asal dan menyesuaikan para pelajar dengan cara hidup pelajar di Malaysia dalam rangka aklimatisasi.



Pesta Kebudayaan Antarabangsa 2018 pada 22 November 2018. Dihadiri oleh Konsulat Jeneral di Pulau Pinang seperti Jepun, Perancis dan Indonesia. Program ini terbuka kepada para pelajar dan orang awam untuk memperkenalkan budaya asing serta memahami dengan lebih erat tentang perbezaan budaya yang seterusnya dapat memberi impak dalam kompetensi antara-budaya



Program English & Kebudayaan: Toyo Universiti bermula 6 Oktober 2018 hingga 10 November 2018. Pembelajaran budaya Malaysia serta Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris diterapkan bagi pembinaan kompetensi antara budaya dalam kalangan pelajar Jepun dan China

4.0 PENYELIDIKAN & PERKONGSIAN INDUSTRI (RESEARCH & INDUSTRY PARTNERSHIP)

4.1 Geran Penyelidikan

Jumlah penyelidikan aktif di USM sepanjang tahun 2018 adalah sebanyak 3,055 projek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 236 adalah projek baharu yang menerima peruntukan berjumlah hampir RM27 juta daripada sumber

luaran terdiri daripada agensi kerajaan, swasta dan antarabangsa.

Kesukaran mendapat dana penyelidikan bukanlah halangan kepada penyelidik USM untuk terus unggul dalam penyelidikan. Jumlah projek baharu yang diterima menunjukkan peningkatan sebanyak 47 peratus berbanding 167 geran baharu yang diterima pada tahun 2017 berjumlah RM12 juta. Agihan peruntukan keseluruhan yang diterima daripada sumber luaran adalah seperti Jadual di bawah:

Peruntukan Keseluruhan untuk Projek Baharu yang diterima pada tahun 2018

Jenis Geran	Bil Projek	Peruntukan (RM)
Agensi Kerajaan	173	23,907,293.34
Agensi Swasta	36	1,464,822.14
Antarabangsa	27	1,182,566.85
JUMLAH	236	26,554,682.33

Peningkatan jumlah projek pada tahun 2018 adalah susulan usaha berterusan USM dalam menggalakkan stafnya untuk terus memperkasakan penyelidikan sebagai tunggak yang menyokong dasar-dasar pembangunan negara. Di antara aktiviti yang dijalankan dari semasa ke semasa ialah hebahan, bengkel, seminar, perbincangan dengan pihak industri atau *stake holder*, sesi *townhall* bersama penyelidik serta menggalakkan penyelidik menyertai persidangan untuk memperluaskan jaringan kerjasama dengan institusi tempatan dan luar negara.

4.2 Geran Penyelidikan Agensi Kerajaan

USM telah menerima geran penyelidikan baharu daripada agensi kerajaan sebanyak 173 projek sepanjang tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 147 projek diterima daripada KPM melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS), Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS), Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS) dan Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS).

Jumlah peruntukan keseluruhan yang diterima adalah sebanyak RM23 juta.

Daripada 147 projek tersebut, sebanyak 141 projek menerima geran FRGS dengan peruntukan lebih kurang RM14 juta. Hal ini menunjukkan peningkatan jumlah projek sebanyak 139 peratus berbanding 59 projek dengan nilai RM5 juta yang diterima pada tahun 2017. Ia telah memberi suntikan semangat kepada para penyelidik untuk terus menjalankan kajian ke arah pembangunan negara dan masyarakat yang mengarah kepada kesejahteraan dan kelestarian global.

Kluster tertinggi yang menerima projek ialah Sains Tulen / Sains Gunaan sebanyak 40 projek, diikuti dengan Kluster Teknologi / Kejuruteraan sebanyak 33 projek dan Kluster Klinikal / Sains Kesihatan sebanyak 25 projek. Perkara ini membuktikan bahawa USM masih utuh dalam penyelidikan fundamental, teknologi / kejuruteraan serta kesihatan. Jadual menunjukkan geran keseluruhan yang diterima daripada KPM bagi tahun 2018.

Geran Kementerian Pendidikan Malaysia

Bil.	Jenis Geran	Bil Permohonan daripada USM	Bil. Lulus	Peruntukan Diluluskan (RM)
1	FRGS	462	141	14,182,515.00
2	PRGS	42	4	509,500.00
3	TRGS	19	1	1,029,627.00
4	LRGS	8	1	7,337,729.00
JUMLAH			147	23,059,371.00

Pecahan terimaan geran FRGS mengikut kluster

Bil.	Kluster	Jumlah
1	Sastera & Sastera Gunaan (Art & Applied Art)	17
2	Klinikal / Sains Kesihatan (Clinical / Health Science)	25
3	Teknologi Komunikasi & Informasi (ICT)	3
4	Warisan (Heritage)	5
5	Sains Sosial (Social Science)	18
6	Sains Tulen / Sains Gunaan (Pure Science / Applied Science)	40
7	Teknologi / Kejuruteraan (Technology & Engineering)	33
JUMLAH		141

Agensi kerajaan lain yang turut memberi geran penyelidikan baharu kepada penyelidik USM pada tahun 2018 ialah Agensi Antidadah Malaysia, Bank Negara Malaysia, Institut Penilaian Negara, Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia, Jabatan Agama Islam Perak, Jabatan Ketua Menteri Sarawak, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Taman Laut Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negeri Pulau Pinang, Majlis AIDS Malaysia, Majlis Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Zakat Pulau Pinang. Sebanyak 693 projek di bawah geran penyelidikan agensi kerajaan adalah aktif sepanjang tahun 2018.

GaN on GaN



Projek 'GaN on GaN' merupakan projek teknologi berimpak tinggi yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan dan Teknologi Nano Optoelektronik (INOR) yang menerima geran sebanyak RM75 juta daripada Unit Perancangan Ekonomi untuk keseluruhan projek kebangsaan bagi tempoh lima (5) tahun (2015-2020).

Tiga (3) fokus utama projek ini ialah membangunkan teknologi GaN on GaN dalam bidang pencahayaan keadaan pepejal (Solid State Lighting - SSL) sehingga ke peringkat pengkomersialan; memindahkan teknologi GaN on GaN (epitaksi, pencirian, fabrikasi, pembungkusan) daripada University of California Santa Barbara (UCSB) ke Malaysia; serta meningkatkan kepakaran Malaysia dalam bidang epitaksi dan *Front-end Processing*. Di bawah program ini, Malaysia akan berada di barisan hadapan teknologi baharu, iaitu teknologi diod pemancar cahaya (light emitting diode - LED) berasaskan GaN pada substrat GaN (GaN on GaN). Ini akan merevolusikan teknologi terkini yang berdasarkan GaN pada substrat nilam (GaN on Sapphire).

Projek ini akan meningkatkan kepakaran Malaysia dalam bidang epitaksi dan *Front-end Processing* serta memberi peluang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk menyertai

penyelidikan berkaitan dengan teknologi GaN on GaN yang boleh menghasilkan pakar dalam LED. Penyelidik dapat berkolaborasi terus dengan pencipta LED biru dan LED putih, iaitu Profesor Dr. Shuji Nakamura dari University of California Santa Barbara (UCSB). Beliau merupakan Pemenang Hadiah Nobel dalam Fizik pada tahun 2014.

Program ini memberi manfaat kepada masyarakat dan alam sekitar disamping membantu Malaysia menjadi Hub pilihan

untuk pelaburan syarikat multinasional dalam teknologi pencahayaan canggih. LED sebagai pencahayaan kepada pepejal yang menggunakan teknologi hijau lebih cekap dan mesra alam berbanding dengan pencahayaan konvensional. Hub ini akan meningkatkan pasaran global untuk LED/SL di Malaysia iaitu peningkatan daripada 10 peratus pada tahun 2013 kepada 15 peratus pada tahun 2020 melalui peningkatan dalam kepakaran bidang epitaksi.

KELULUNOMICS



KPM mengiktiraf kepakaran penyelidikan USM dalam Penternakan Lebah Kelulut Lestari dan *Hygienic* dengan menganugerahkan geran sebanyak RM585,500. Projek penternakan lebah kelulut ini menggunakan inovasi dan paten USM dan telah memberi impak yang besar dalam industri madu kelulut bagi membantu penjaan pendapatan dalam kalangan masyarakat.

Ekoran kejayaan projek transformasi penternakan lebah kelulut di Perak dan Kedah, USM memperluaskan projek itu di Terengganu bagi membantu meningkatkan ekonomi penduduk. Sebagai permulaan, seramai 75 orang peserta e-kasih terpilih untuk melaksanakan projek penternakan kelulut menggunakan inovasi 'Mustafa-Hive' dan

Sistem Hilda. Selain 120 peserta e-kasih di Perak dan Kedah, USM turut melatih lebih 3,000 penternak madu kelulut dengan menggunakan inovasi yang sama.

Projek ternakan berteknologi tinggi Lebah Kelulut ini bukan sahaja telah memperkasakan bidang sosio-ekonomi bahkan ekologi. Madu daripada Lebah Kelulut merupakan produk berkualiti premium yang boleh menjana pendapatan tinggi untuk meningkatkan taraf hidup keluarga di bawah B40. Tetapi juga dapat meningkatkan keselamatan makanan menerusi pendebungaan pertanian dan mencapai kemapanan biodiversiti melalui konservasi lebah.

HILDA System tingkat kualiti madu kelulut

MADU kelulut dikatakan mengandungi banyak khasiat kepada tubuh manusia namun rasanya sedikit masam.

Justeru, sekumpulan penyelidik Universiti Sains Malaysia (USM) telah membangunkan satu inovasi kreatif iaitu mesin pengering madu kelulut pada tahun lalu.

Mesin yang dikenali sebagai Honey Interlinked Dehydration and Dispenser Apparatus atau ringkasnya HILDA System adalah penyelesaian dalam mendapatkan kualiti madu premium yang bukan sekadar enak malah mempunyai jaminan tahap kebersihannya.

Menurut ketua penyelidik HILDA System, Dr. Mohd. Zulkifli Mustafa yang merupakan Pensyarah, Pusat Pengajian Sains Perubatan USM, inovasi tersebut dilancarkan di bawah projek *Reinventing Honey Quality* yang bertujuan mempertingkatkan kualiti dan

kebolehpasaran madu kelulut tempatan ke peringkat antarabangsa.

"Madu kelulut kurang digemari kerana rasanya lebih masam berbanding madu biasa dan ia boleh menjejaskan kebolehpasaran madu itu yang berpotensi menjadi sumber pendapatan lumayan.

"Pesekitaran tropika dengan kadar kelembapan udara tinggi menyebabkan madu kelulut tinggi kandungan air, menapai, menjadi masam dan berbulu," katanya.

Tambah beliau, dengan menggunakan teknologi sedia ada, penyelidik telah menghasilkan penapis khas sebagai sistem dehidrasi yang dapat meningkatkan kualiti dan nilai madu.



MOHD. ZULKIFLI menunjukkan madu kelulut yang dipapir menggunakan HILDA System.

"HILDA System berfungsi sebagai platform bersepadu untuk tualan madu bersih, pembuangan air dalam madu serta pembotolan.

"Pengerangan ini menggunakan prinsip dehidrasi tertutup pada suhu rendah yang tidak merosakkan zat dar. mengekalkan

aroma madu serta merencanakan aktiviti penapaian.

Mengulas lanjut, Mohd. Zulkifli berkata, industri kelulut mempunyai impak yang cukup besar dalam memastikan kelestarian biodiversiti negara melalui peranan pendebungaan oleh lebah kelulut.

Inovasi *quadruple helix* itu bukan sekadar menghasilkan madu premium berkualiti malah memberi impak kepada pembangunan ekonomi komuniti dan pemeliharaan biodiversiti alam sekitar.

Sasaran pengguna HILDA System adalah semua penternak lebah kelulut dan industri berasaskan madu.

HILDA System adalah salah satu daripada 21 produk penyelidikan dan inovasi USM yang dipertandingkan dalam Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2017. Inovasi tersebut berjaya memenangi pingat perak dalam pertandingan berkenaan.

INOVASI


PEMBANGUNAN INDUSTRI MADU DI MALAYSIA OLEH UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

VISI : Menjadikan madu sebagai komoditi baharu negara

- MISI** :
1. Menghasilkan madu berkualiti penawar melalui pemantapan rantai produk madu
 2. Membangunkan model pembangunan mapan bagi kesejahteraan komuniti dan kelestarian alam sekitar melalui industri lebah



FASA 1: EKSPLOASITASI POTENSI PERUBATAN GILANG MADU



FASA 2: PEMBANGUNAN RANTAIAN PRODUK UNTUK PENINGKESIHAN MADU



4.3 Geran Penyelidikan Agensi Swasta

Projek daripada agensi swasta yang aktif sepanjang tahun 2018 adalah sebanyak 88 projek. Manakala jumlah projek baharu yang diterima adalah sebanyak 39 projek. Di antara industri dan syarikat swasta yang menawarkan geran penyelidikan baharu tahun 2018 ialah: Advance Agriecological Research Sdn. Bhd.; Agilent Technologies LDA Malaysia Berhad; BASF (Malaysia) Sdn. Bhd.; Betsol Sdn. Bhd.; Citic Wijaya Construction; Cryocord Sdn. Bhd.; Denim Care Sdn. Bhd.; Dow Agrosiences (Malaysia) Sdn. Bhd.; Goodwater Engineering Sdn. Bhd.; L'Oreal Malaysia Sdn. Bhd.; Malaysia Toray Science Foundation; Malaysian Pharmaceutical Society Malaysia; Malaysian Society of Anaesthesiologists; Malaysian Technology Development Coporation Sdn.

Bhd.; Nakhoda Klaut Sdn. Bhd.; Ochre Pest Control Sdn. Bhd.; Pengurusan Pasir Perak Sdn. Bhd.; Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); Pixart Imaging (Penang) Sdn. Bhd.; PNB Research Institute Sdn. Bhd.; Pusat Jagaan Kanak-Kanak Vivekanda, Rembau, Negeris Sembilan; Reservoir Link Sdn. Bhd.; Sarra Global Sdn. Bhd.; TNB Research Sdn. Bhd.; Top Glove International Sdn. Bhd.; U Mobile Sdn. Bhd.; UNESCO-IHP Malaysia; World Alliance for Breastfeeding Action Berhad dan Yayasan Penyelidikan Antartika Sultan Mizan.

4.4 Geran Agensi Antarabangsa

Sepanjang tahun 2018, penyelidik USM berjaya menerima geran baharu daripada agensi antarabangsa sebanyak 63 projek dengan

jumlah peruntukan bernilai RM3.2 juta. Jumlah ini hampir sama diterima pada tahun 2017 iaitu sebanyak 64 projek dengan nilai peruntukan hampir sama.

Sebanyak 22 agensi antarabangsa telah memberi peruntukan kepada penyelidik USM untuk menjalankan kajian mulai 2018 iaitu Japan International Cooperation, British Council, CTBC Business School, Ghana Education Trust Fund, Japan-Malaysia Association, Kurita Water and Environment Foundation, Micron Technology Foundation, Mitsui Chemicals Agro Inc., Nagao Natural Environment Foundation, National Geographic Foundation for Science Exploration – Asia, Nippon Sheet Glass Foundation for Materials Science and Engineering, Ocean Park Conservation Foundation – Hong Kong, Tonji University – China, TEIN* Cooperation Center, The Association of Commonwealth Universities, The Head Foundation Limited The Royal Academy of Engineering, The Royal Society, The Sumitomo Foundation, University of Tasmania, UPE-Power Technology Co. Ltd., Yale University – Amerika Syarikat dan Yayasan Konservasi Biotalahan Basah.

4.5 Cabaran & Halatuju Ekosistem Penyelidikan USM 2019

USM telah merangka beberapa perancangan untuk melebarkan sayap penyelidikan di peringkat antarabangsa pada tahun 2019 serta

mengadakan lebih banyak kolaborasi dengan industri tanpa mengeneikan penyelidikan fundamental dan kelestarian komuniti. Faktor-faktor seperti cabaran persekitaran dan ekonomi yang dihadapi oleh negara serta Industri 4.0 dan Matlamat Pembangunan Kelestarian (SDGs) adalah pemangkin kepada penyelidik USM untuk lebih gigih menjalankan penyelidikan mengikut #USMSTYLE. Bidang penyelidikan USM akan menjadi salah satu tarikan kepada agensi kerajaan, industri dan agensi antarabangsa untuk bekerjasama. Kecemerlangan USM dalam penyelidikan merupakan salah satu tarikan kepada agensi awam dan swasta untuk menjadikan USM sebagai rakan strategik pilihan dalam penyelidikan.

4.6 Perkongsian Kepakaran Pengurusan Data Penyelidikan


Pengalaman dan pengiktirafan USM sebagai Universiti Penyelidikan Matang oleh KPM menjadi tarikan kepada pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk mendapatkan perkongsian pengalaman berhubung dengan pengurusan data dan pembudayaan penyelidikan yang berkesan. Pemeteraian Memorandum Perjanjian (MoA) antara USM dan UMP membolehkan kolaborasi bersama terhadap kepakaran, maklumat, pembangunan teknologi dan pelaksanaan projek pemantauan prestasi penyelidikan universiti secara dalam talian.



4.7 Kemudahan Penyelidikan HUSM

HUSM turut menyediakan kemudahan kepada penyelidik-penyelidik dari dalam USM dan luar USM untuk mendapat data pesakit bagi kegunaan penyelidikan, pengajaran dan infrastruktur seperti penggunaan makmal. Ini

menunjukkan HUSM menjadi rujukan kepada penyelidik-penyelidik daripada universiti lain. Terdapat 184 permohonan yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar untuk menggunakan kemudahan ini.



Jumlah Permohonan Bagi Mendapatkan Data Di HUSM

5.0 LIBATSAMA KOMUNITI (COMMUNITY ENGAGEMENT)

5.1 Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN)

Rangkaian Libatsama Komuniti-Universiti Asia Pasifik (APUCEN), telah menerima pengiktirafan daripada BIG TENT GLOBAL COMMUNIQUE, sebuah jaringan universiti dan komuniti di bawah UNESCO untuk Institusi Pengajian Tinggi dan UN SDG. APUCEN yang

dipelopori oleh USM ialah salah satu daripada 11 jaringan antara universiti yang terbesar di dunia.

Melalui platform APUCEN, USM telah berjaya memposisikan kedudukannya pada peringkat global. Usaha ini dibuat melalui jaringan kerjasama antara universiti dengan entiti luar negara bagi usaha libatsama komuniti dan memakmurkan masyarakat seagat. USM mengetuai 95 institusi daripada 20 buah negara. Dua keahlian baharu menyertai APUCEN pada tahun 2018 iaitu Kiel University, Germany dan Ho Chi Minh, City University of Economics and Finance, Vietnam.



APUCEN
Asia-Pacific University-Community Engagement Network

20
Number of Contry

95
Number of Institutional Membership



Kerjasama Serantau melalui APUCEN

Program dan Aktiviti APUCEN

Bagi mencapai objektif tersebut, pada tahun 2018, USM telah menghantar tiga (3) orang pensyarah iaitu Prof. Madya Dr. Muzaimi Mustapha, Dr. Darshan Singh Mahinder Singh dan Dr. Asyirah Abdul Rahim untuk menjalani latihan sebagai mentor di Kanada di bawah bimbingan Profesor Budd L. Hall sebagai sebahagian syarat untuk menjadi UNESCO *Knowledge 4 Change* (K4C) untuk menguasai kaedah menjalankan libatsama komuniti berimpak tinggi dengan efektif. Tema yang ditekankan oleh mentor K4C Malaysia Hub adalah pendidikan, persekitaran, kesihatan dan 'well-being' dan 'Next-Generations (Youths)'. K4C Hub ini merupakan hub pertama yang telah diwujudkan di Malaysia yang menekankan 'Community Based Participatory Research' (CBPR) dan *Community Engagement* (CE).

Selain itu, APUCEN telah mengadakan program dan aktiviti sepanjang tahun 2018 yang menepati semua objektif penubuhan APUCEN seperti Program Sukarelawan oleh Otomen Gakuen University (OGU) Jepun dan Program Libatsama Komuniti Kyoto-University of Foreign Studies (KUFS) dan Tokai University, Jepun serta Siri Bengkel *Inspire & Upgrade for Underprivileged Students*.

5.2 Pusat Kebudayaan Jepun Kyoto University of Foreign Studies (KUFS-USM)



USM memperkukuh hubungan antara Malaysia-Jepun melalui penubuhan Pusat Kebudayaan Jepun (KUFS-USM) selaras dengan Dasar Pandang Ke Timur 2.0. Pengukuhan jalinan kerjasama ini dilaksanakan melalui program dan aktiviti pertukaran budaya. Kolaborasi program bersama Universiti-universiti daripada Jepun adalah seperti yang berikut:



Program dan aktiviti kebudayaan Jepun yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 adalah seperti gambarajah berikut:




Bengkel Warisan dan Kebudayaan Jepun-Malaysia



Program Musim Panas Universiti Kyoto yang telah berlangsung dari 9 hingga 18 Ogos 2018


Impak program dan aktiviti kebudayaan Jepun yang telah dilaksanakan serta jumlah penglibatan peserta bagi kesemua program adalah seperti yang di bawah:



5.3 Program AKEPT Competency and Enhancement Programme (ACEP): Perkongsian Amalan Terbaik Libatsama Universiti-Komuniti

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) melantik USM untuk melaksanakan Program ACEP: Perkongsian Amalan Terbaik

Libatsama Universiti-Komuniti. Melalui program tersebut, peserta yang terdiri daripada ahli akademik daripada 20 UA akan diberi pendedahan tentang kaedah-kaedah merangka projek dalam aktiviti hands-on dan minds-on iaitu *Relating, Experiencing, Applying, Cooperating* dan *Transferring*. Sebanyak RM120,000 peruntukan telah disalurkan kepada USM untuk melaksanakan program kepada 20 UA di Malaysia.




5.4 Projek Libatsama Komuniti

USM memperkukuh kolaborasi dengan pihak luar untuk meningkatkan aktiviti-aktiviti penyelidikan, pembangunan profesional dan keserjanaan dalam memenuhi keperluan kedua-dua pihak iaitu universiti dan industri / masyarakat. Sepanjang 2018, USM telah menasaskan meningkatkan kualiti hidup masyarakat dengan isi rumah berpendapatan rendah (B40) menggunakan kepakaran dalaman USM dan kolaborasi bersama industri di peringkat tempatan dan antarabangsa. Sebanyak 20 perjanjian persefahaman ditandatangani dengan pelbagai pihak tempatan dan antarabangsa, pewujudan 38 industri dan 63 projek baharu terhasil, antaranya adalah industri semikonduktor, peralatan perubatan dan industri kecil sederhana (IKS).

USM telah menjalankan program libatsama komuniti dengan fokus utama turut memastikan sasaran Sustainable Development Goals (SDG) melalui Penyelidikan Translasiional berasaskan komuniti dapat meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat tercapai terutamanya dalam sepuluh (10) daripada 17 matlamat dalam SDG yang melibatkan 1,232 komuniti, 192 badan kerajaan dan bukan kerajaan pada peringkat nasional dan sembilan (9) badan kerajaan dan bukan kerajaan pada peringkat antarabangsa.

5.5 Program Sukarelawan Pelajar


Program Sukarelawan Pelajar USM adalah menepati pembangunan elemen Balanced dalam agenda H.E.B.A.T 'By Design'. Carta di bawah menunjukkan penglibatan pelajar yang pelbagai dalam aktiviti sukarela termasuk khidmat komuniti dan sekolah.



5.6 USM Prihatin


Seiring dengan halatuju *Sustainable Development Goals* (SDG), jaringan dengan komuniti diperkukuh dengan penglibatan sebanyak 31 projek libatsama universiti-

komuniti dengan jumlah pembiayaan dari geran komuniti (Penyelidikan Translational) sebanyak RM715,069. Projek ini telah meninggalkan impak kepada banyak pihak seperti yang digambari rajah di bawah.



5.7 Anugerah Kepimpinan Masyarakat (AKM)

USM dengan jayanya telah mewujudkan kategori Anugerah Kepimpinan Masyarakat (AKM) dalam Anugerah Sanggar Sanjung (ASS) bagi mengiktiraf dan memberikan penghargaan kepada warga USM serta warga luar yang terlibat secara aktif dan sukarela dalam aktiviti / program / projek libatsama komuniti yang telah atau sedang dijalankan di luar tugas hakiki tanpa menerima apa-apa bayaran dan elaun subsidi.



5.8 Perpustakaan USM & Masyarakat

Perpustakaan USM sentiasa berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang relevan kepada pelanggan dan masyarakat. Sepanjang tahun 2018, 34 program bersama pelanggan dan 38 program bersama masyarakat telah berjaya dijalankan. Antara program bersama pelanggan yang dijalankan adalah jerayawara ke Pusat-pusat Pengajian, taklimat khusus kepada pelajar dan pensyarah, Minggu Bersama Pelanggan, *Book Fair / PC Fair* dan sebagainya manakala program bersama

masyarakat yang dijalankan antaranya Program K4C@PHS -Bengkel teknik pencarian maklumat dan program pemindahan ilmu di antara PHS dengan Kolej Melayu Kuala Kangsar, MRSM Lenggong dan MRSM Kuala Kangsar di Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak, program penyerahan sumbangan buku kepada Pusat Sumber Kolej Vokasional Batu Lanchang, Pulau Pinang, program Mobile Library iaitu perkhidmatan pinjaman buku disediakan kepada pesakit pediatrik, HUSM Kelantan dan lain-lain lagi.



Minggu Bersama Pelanggan Perpustakaan – MyPHS 2018 9 April – 19 April 2018

5.9 Kerusi Roda Modifikasi Khas USM- RICD

Untuk memudahkan pergerakan OKU, Kluster OKU Pusat Pengajian Sains Kesihatan memodifikasikan kerusi roda terpakai sumbangan Rajanagarinda Institute of Child Development (RICD). Unikunya, kerusi roda ini telah dimodifikasi dengan berdasarkan keperluan OKU terbabit. Seramai 31 penerima kerusi roda telah memperoleh manfaat. Program ini melibatkan kerjasama USM, wakil Kerajaan

Negeri Kelantan, RICD dan Konsulat Thai di Malaysia.

Untuk masa hadapan, Kluster OKU Pusat Pengajian Sains Perubatan mensasarkan mengadakan peluang latihan kepada warga OKU sendiri untuk memperoleh kemahiran membaiki / memodifikasi kerusi roda untuk manfaat golongan mereka.



(Sumber: <http://www.kk.usm.my/index.php/news-media/935-usm-sumbangan-kerusi-roda-dan-kasut-bermodifikasi-kepada-pelajar-usim>)

5.10 Latihan Pekerjaan Kepada Golongan OKU

Untuk memastikan golongan OKU tidak terpinggir, USM turut mengadakan program latihan pekerjaan berstruktur. Golongan OKU ini telah diberi pendedahan tentang pengendalian perniagaan kafe dan gubahan

bunga. Seramai enam (6) pelatih OKU telah mendapat manfaat daripada kedua-dua aktiviti ini. Pelatih mengakui latihan ini membolehkan mereka melakukan pekerjaan sebenar selepas tamat latihan. Aktiviti ini merupakan program kerjasama Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK) dan Jabatan Tenaga Kerja di Kafeteria PPSK.



5.11 Yayasan 'Healing Little Hearts'

HUSM turut bekerjasama dengan Yayasan 'Healing Little Heart' dalam perkhidmatan kardiologi untuk kanak-kanak. Yayasan yang telah diasaskan oleh Pakar Bedah Dr. Sajiv Nichani dari Hospital Glenfield, Leicester, United Kingdom sejak lapan (8) tahun lalu bergerak sebagai sukarelawan dengan mendapat

bantuan kewangan melalui derma-derma oleh orang ramai. Kerjasama ini membolehkan HUSM mengukuhkan perkhidmatan kardiotorasik pediatrik, penyelidikan dalam bidang kardiologi pediatrik di samping mempunyai kepakaran dalam bidang ini. Sehingga kini seramai 60 orang pesakit telah mendapat manfaat daripada program ini.





Perkhidmatan operasi kardiotorasik atau bedah jantung dan paru-paru

5.12 Sembang Sihat

HUSM turut berkongsi ilmu perubatan dan kesihatan melalui siaran radio yang disiarkan kepada masyarakat. Program Sembang Sihat membolehkan masyarakat mengetahui aspek penjagaan kesihatan, penjagaan gigi, penggunaan ubat-ubatan, keperluan derma darah untuk kepentingan pesakit dan sebagainya. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 19 Rancangan Sembang Sihat telah diadakan dengan kerjasama Radio Malaysia Kelantan

dan pakar-pakar daripada HUSM serta pusat-pusat pengajian di Kampus Kesihatan. Antaranya adalah bual bicara rancangan sembang sihat yang membincangkan tentang kepentingan penggunaan antibiotik telah disampaikan oleh Pegawai Farmasi, Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug, HUSM, Nur Aimi Mohamad. Selain itu, Dr. Amran Abdul Wahab turut menjadi tetamu dalam Rancangan Doktor di Radio untuk membincangkan kepentingan dan kesedaran orang ramai untuk menjadi penderma darah.



5.13 Sistem 'Physico Photo-Oxidation' (PPO) untuk Rawatan Efluen Tekstil

USM telah berjaya menghasilkan sistem perawatan untuk pencemaran air. Sistem 'Physico Photo-Oxidation' (PPO) untuk rawatan efluen tekstil yang di hasilkan oleh Profesor Ir. Dr. Simala Sreekantan, Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral berupaya untuk mengurai bahan sisa organik, menurunkan COD, BOD, memudahkan warna efluen, menjerap logam berat dan memerangkap zarah pepejal terampai sebelum efluen disalurkan ke dalam sungai. Sistem perawatan ini boleh membantu masyarakat untuk menerima bekalan air bersih di samping memastikan kehidupan akuatik terpelihara.



Gambar menunjukkan PPO sistem, keadaan asal efluen dan hasilnya setelah dirawat. dalam masa sejam

5.14 Penapisan Air Kolam Tadahan

USM turut memperhebatkan program libat sama komuniti dengan memindahkan kepakaran dalam bidang perekaan bentuk penapisan air kolam tadahan dari punca air bukit untuk kegunaan penduduk kampung di daerah Baling, Kedah dengan menggunakan penapis cucian balikan secara automatic yang berasaskan tenaga hijau. Kajian ini mendapat suntikan dana daripada geran Adhoc BJIM. Impak kajian ini turut mendapat perhatian daripada MTFSB (Malaysian Technical

Standards Forum Sdn. Bhd.) dan SKMM (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia) untuk menyuntik dana bagi manfaat masyarakat setempat.

5.15 Program STEM

Untuk memperkasakan hasil projek kepada penduduk melalui STEM program, suntikan geran antarabangsa oleh Micron (M) Sdn. Bhd. sebanyak USD3,000 telah diperoleh. Program STEM dengan kerjasama PPD Baling telah diadakan di SMK Siong, Baling, Kedah selama dua (2) hari. Tujuan program ini ialah menarik minat pelajar-pelajar terhadap penggunaan teknologi berkaitan projek ini.



Pelajar-pelajar SMK Siong mendapat suntikan motivasi untuk STEM oleh gabungan pensyarah-pensyarah PPKEE dan PTJ

lain



Pasukan libatsama PPKEE diketuai oleh Dekan telah 'turun padang' menguji dan memasang sistem tapisan air di Kampung Siput, Baling, Kedah

5.16 Program Kelestarian Alam Sekitar

Institut Perubatan & Pergigian Termaju (IPPT), USM dengan kerjasama Botanical Research Institute of Texas (BRIT) telah menganjurkan Bengkel Bersiri Kelestarian Neksus Hijau: Program Pendidikan Alam Sekitar. Program ini melibatkan 18 pelajar dari tiga (3) sekolah menengah. Program ini bertujuan memberikan pendedahan kepada pelajar tentang kepentingan memelihara alam sekitar dan mengaplikasikan amalan teknologi hijau dalam kehidupan sehari-hari.


Impak tinggi dan pelbagai yang terhasil terus menarik minat pemegang taruh yang lain seperti MTFSB (Malaysian Technical Standards Forum Sdn. Bhd.) dan SKMM (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia) untuk menyuntik dana bagi membolehkan lebih banyak komuniti mendapat manfaat daripada kepakaran USM.



6.0 RANGKAIAN & HUBUNGAN (NETWORKING & LINKAGES)

6.1 Kolaborasi Global (MoU/MoA)

Bagi tahun 2018, USM melalui Pejabat Perundangan USM telah berjaya menandatangani 281 MoU/MoA/NDA (Nasional 115, Antarabangsa 166) yang baharu mengikut pecahan seperti dalam gambarajah berikut:



Statistik Keseluruhan MoU/MoA/NDA Tahun 2018 Mengikut Kategori Perjanjian





MoU/MoA Aktif USM di Peringkat Dunia Tahun 2018 Mengikut Negara

Bil	Negara	MoU	MoA	Jumlah	Bil	Negara	MoU	MoA	Jumlah	Bil	Negara	MoU	MoA	Jumlah
1	AFRIKA SELATAN	2	1	3	11	CHILE	0	2	2	21	INDIA	8	7	15
2	AMERIKA SYARIKAT	6	34	40	12	CHINA	16	8	24	22	INDONESIA	40	40	80
3	ARAB SAUDI	2	1	3	13	CUBA	1	4	5	23	IRAN	9	2	11
4	AUSTRALIA	13	5	18	14	CZECH REPUBLIC	2	1	3	24	IRAQ	0	1	1
5	AUSTRIA	0	3	3	15	DENMARK	1	0	1	25	ITALI	1	0	1
6	BANGLADESH	4	3	7	16	EMIRIAH ARAB BERSATU	0	1	1	26	JEPUN	27	60	87
7	BELGIUM	0	1	1	17	ECUADOR	0	1	1	27	JERMAN	6	15	21
8	BRAZIL	0	1	1	18	FILIPINA	4	1	5	28	JORDAN	1	0	1
9	BRUNEI DARUSSALAM	1	1	2	19	FINLAND	0	2	2	29	KAZAKHSTAN	3	1	4
10	CANADA	3	2	5	20	HONG KONG	0	2	2	30	KOREA SELATAN	6	13	19



Bil	Negara	MoU	MoA	Jumlah	Bil	Negara	MoU	MoA	Jumlah	Bil	Negara	MoU	MoA	Jumlah
31	LITHUANIA	0	1	1	41	QATAR	0	1	1	51	THAILAND	11	28	39
32	MALAYSIA	100	241	341	42	RUSSIA	0	4	4	52	THE NETHERLANDS	3	4	7
33	MESIR	0	1	1	43	SEpanyol	0	7	7	53	TURKI	2	7	9
34	MEXICO	0	2	2	44	SINGAPURA	0	5	5	54	UGANDA	1	0	1
35	NEPAL	2	0	2	45	SOMALIA	0	1	1	55	UNITED KINGDOM	14	18	32
36	NEW ZEALAND	0	2	2	46	SRI LANKA	1	0	1	56	VIETNAM	3	2	5
37	OMAN	2	0	2	47	SUDAN	1	2	3	57	YEMEN	1	0	1
38	PAKISTAN	1	8	9	48	SWEDEN	2	2	4	58	ZIMBABWE	0	1	1
39	PERANCIS	2	7	9	49	SWITZERLAND	1	0	1					
40	POLAND	2	2	4	50	TAIWAN	10	5	15					

Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan bagi setiap MoU/MoA, USM mengambil inisiatif pemantauan menggunakan Industry Community Network Information System (ICNIS). Bagi memastikan ICNIS digunakan sepenuhnya oleh PTJ di USM, aktiviti berikut telah dilakukan sepanjang 2018:

- Jerayawara Kemasukan Maklumat Aktiviti MoU/MoA Ke Dalam Sistem ICNIS USM
- Penyediaan Carta Alir Pengemaskinian Aktiviti MoU/MoA
- Manual Pengguna Kemasukan Aktiviti MoU/MoA Dalam Sistem ICNIS USM

6.2 The Upscaling of Coal and Biomass Cementless Concrete for Implementation in The Concrete Manufacturing Sector

Hasil kerjasama antara USM dengan Macro Demension Concrete Sdn. Bhd. dan Affordable Adobe telah menghasilkan projek yang mensasarkan ke arah pembangunan sistem bahan dan struktur prototaip berkos rendah serta cepat dipasang bagi pembinaan rumah kos rendah / mampu milik kepada golongan B40 serta mangsa bencana alam. Projek ini dapat mengurangkan harga kos rumah kepada golongan B40. Projek 'The Upscaling of Coal and Biomass Cementless Concrete for Implementation in the Concrete Manufacturing Sector' dibiayai oleh PRGS.

Penyelidik USM turut menjalankan kerjasama dengan Osram Opto Semiconductors (Malaysia) Sdn. Bhd. melalui USM-CREST-Pplus Sdn. Bhd. untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar hasil pertanian berkualiti tinggi melalui sistem kultur tisu berteknologi tinggi. Dua produk telah dihasilkan melalui kerjasama ini iaitu pembangunan sistem teknologi LED Pintar dan tanaman secara kultur tisu yang sesuai dengan pencahayaan teknologi LED Pintar yang dibangunkan. Teknologi ini membolehkan pengusaha menghasilkan tanaman yang berkualiti tinggi

kerana ia melibatkan kos yang rendah, mudah diselia dengan kerosakan yang minima kerana ianya ditanam di tempat tertutup dan tidak terdedah kepada alam sekitar dan serangga perosak. Hasil penyelidikan ini turut membantu pembenihan dan perkembangan tanaman 'In Vitro'. Usaha ini membuka jalan kepada pemindahan teknologi yang lebih signifikan dalam mengkomersialkan industri tanaman kultur tisu di Malaysia yang boleh melahirkan lebih ramai pengusaha pertanian. Teknologi ini dibiayai melalui geran CREST (Pusat Kolaborasi Kejuruteraan, Sains dan Teknologi- *Collaborative Research in Engineering Science and Technology* berjumlah RM1 juta.

6.3 Kerjasama dengan Osaka University

USM telah menjalin kerjasama dengan Osaka University dengan menandatangani sebuah lagi Memorandum Perjanjian (MoA). MoA ini merangkumi perjanjian untuk mempromosikan kerjasama penyelidikan dalam bidang pemangkinan heterogen dan reka bentuk bahan berbantuan komputer yang diketuai, Profesor Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed. MoA ini telah memberikan manfaat kepada USM dan Osaka University dalam program pertukaran pelajar dan staf termasuk program kebudayaan dan bahasa, sangkutan jangka pendek dan lawatan. MoA tersebut telah membolehkan pelajar USM berikut mendapat manfaat:

1. Wong Yee Jee (Pelajar Ijazah Doktor Falsafah - Ijazah Berganda)
2. Nurul Azrin Zubri (Pelajar Ijazah Doktor Falsafah - Sangkutan)
3. Munirah Md Zain (Pelajar Ijazah Doktor Falsafah - Sangkutan)


6.4 Kolaborasi Akademia-Industri

Sepanjang 2018, USM telah menjalin 20 kolaborasi akademia-industri dengan berbagai-bagai pihak luar. Kolaborasi ini telah menghasilkan empat (4) impak utama iaitu penyelidikan, latihan industri, akademik / biasiswa dan penajaan kewangan.



Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara USM dengan Osaka University

Gambarajah di bawah memaparkan kolaborasi antara pihak luar dengan USM



Secara ringkas kolaborasi ini telah memberikan impak yang sangat positif kepada USM. Antaranya:

Akademik/ Biasiswa

- Penambahbaikan kurikulum MIDA-SFAM – Menghasilkan graduan berkualiti & relevan kepada industri. PTJ yang terlibat:
 - Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik
 - Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral
 - Pusat Pengajian Sains Fizik
 - Pusat Pengajian Sains Kimia
 - CEDEC
- Ann Joo Resources Bhd. dan YTL Communications Sdn. Bhd. bersetuju untuk memberikan biasiswa kepada 15 pelajar cemerlang
- Kolaborasi penubuhan 'Dual Degree-Liberal Arts and Sciences' online learning bersama Wawasan Open University
- Pembelajaran Virtual Reality (VR) dan Augmented Reality (AR) bersama DreamEdge Sdn. Bhd.

Latihan Industri / Peluang Kerjaya

- Kolaborasi melalui penempatan latihan industri dan peluang kerjaya oleh industri dalam negara mahupun di luar negara
 - Seramai 2,288 pelajar menjalani latihan industri di 2,070 industri/organisasi dalam dan luar negara.
 - Contohnya: penempatan latihan industri di Kawai Corporation, Jepun dan sekali gus mendapat peluang pekerjaan di sana
- Pendedahan kepada trend dan teknologi terkini di industri seperti industri peralatan perubatan, elektrik dan elektronik
- Memasarkan bakat USM sekaligus mengurangkan kadar pengangguran melalui kolaborasi bersama Invest Penang

Penyelidikan

- Projek penyelidikan selaras dengan kepakaran dan kekuatan universiti seperti: Copper Pillar Bumping dan Multi-LED, Next Generation Vehicle, Microfluidic, Ultrasonic, Bio-sensors dan Neural Probe bersama Inari, DreamEdge dan SilTerra
- WD Sandisk bersetuju untuk memberikan dana projek penyelidikan melalui pepadanan kepakaran universiti dan industri sebanyak RM1,100,000 bagi 5 projek penyelidikan
- Kulim High Tech Park (KHTP) juga bersetuju untuk memberikan dana projek penyelidikan bersama sebanyak RM 100,000

Penjanaan Kewangan

- Peningkatan kecekapan dan mengurangkan penggunaan tenaga melalui penjimatan tenaga & hijau dan kemudahan solar panel. Contohnya: MoU antara USM, C&M Renewable Energy Technology Sdn Bhd, Kementerian Pendidikan, Smart Win Property Sdn Bhd serta Kumpulan GDTC bagi Bandar Kontena Terbesar di dunia
- Easy Pack Technology Sdn. Bhd. bersetuju untuk berkolaborasi dalam projek keusahawanan 'kiosk makanan dan minuman' untuk usahawan muda universiti
- Nagata AD bersetuju untuk menempatkan papan iklan di USM bagi penjanaan kewangan

6.5 Semarak Kasih Syahbandar Village

USM-KLE IMP bekerjasama dengan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) untuk mengadakan sebuah projek kemasyarakatan bertajuk 'Semarak Kasih Syahbandar Village'. Program ini melibatkan 42 orang pelajar

USM-KLE dan sepuluh (10) orang pelajar UIA. Program diadakan di Belgaum bermula 27 Oktober 2018 sehingga 31 Oktober 2018. Program ini telah menyediakan pengalaman kepada pelajar USM dalam aspek pertukaran budaya, menjalankan pemeriksaan kesihatan percuma dan khidmat komuniti kepada masyarakat antarabangsa.



Pemberian bantuan keperluan harian dan sesi bergambar bersama komuniti setempat di Syahbandar Village, Belgaum, India



Sesi pengajaran cara mengambil wuduk dan bergambar dengan peserta program



Sesi pertunjukan 'drone' dan proses pengagihan dan pembungkusan barangan sumbangan

Program ini juga telah membolehkan pelajar USM memberikan sumbangan langsung kepada agenda melahirkan komuniti sihat dan berdikari dengan cara bersama-sama menyiapkan prasarana bagi kegunaan kampung tersebut. Program ini turut memberikan manfaat kepada warga emas. Program kerjasama dengan doktor daripada Hospital Yellur ini telah mendapat maklum balas positif daripada penduduk.

6.6 Health for Kadoli

Sekumpulan pelajar perubatan USM-KLE India telah mendaftarkan sebuah pertubuhan bukan

kerajaan di Malaysia iaitu Medical Awareness Project (MAP). MAP telah menjalankan projek Health for Kadoli, Belgaum pada 17 November 2018. Program ini dijalankan oleh 30 orang ahli MAP dan 14 orang ahli BPLN India (Badan Perhubungan Luar Negara) beserta Doktor Pakar. Program ini telah memberikan pengalaman kepada pelajar USM mengenai gaya hidup dan kesihatan dalam kalangan masyarakat di India. Mereka telah melaksanakan pemeriksaan kesihatan dan gigi percuma, serta ceramah tentang kepentingan menjaga kesihatan. Program ini telah memberikan impak langsung kepada 150 orang penduduk luar bandar.



Pelajar Pergigian menerangkan cara memberus gigi yang betul dan pemberian ubat secara percuma kepada penduduk setempat

6.7 Sukan Orang Kurang Upaya (SUKOKU)

USM adalah sebuah universiti yang menitikberatkan aspek keterangkuman dalam polisi dan program yang diadakan. Sukan Orang Kurang Upaya (SUKOKU) yang melibatkan OKU dari Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan program yang menggambarkan keterangkuman dalam penganjuran aktiviti sukan di USM. Program ini berjaya meningkatkan keyakinan golongan OKU dalam menguruskan dan menyertai acara sukan yang dipertandingkan. Justeru, program ini akan diteruskan pada masa hadapan sebagai medan untuk USM terus melaksanakan agenda keterangkuman di USM.



6.8 Penubuhan Ronald McDonald House Charities


HUSM bekerjasama dengan Persatuan Kebajikan Ronald McDonald atau Ronald McDonald House Charities (RMHC) untuk menjadi hospital yang mesra pesakit kanak-kanak. Inisiatif ini menghasilkan sebuah rumah Ronald McDonald dalam HUSM. HUSM memberi komitmen dengan menyediakan satu ekar (0.4 hektar) tanah sebagai tapak pembinaan. RMHC pula akan menanggung kos pembinaan rumah termasuk kelengkapan dan perkakasan yang dianggarkan berkost RM4 juta. Inisiatif ini dapat meringankan beban kos penginapan kepada keluarga pesakit kanak-kanak (pediatrik) yang menerima rawatan di hospital ini.





Sekitar Majlis MoU Antara USM-RMHC pada 29 Julai 2018

6.9 Program Rakyat Sejahtera

HUSM telah berjaya memainkan peranan dalam memastikan kesejahteraan rakyat termasuk mereka yang berpendapatan rendah atau kumpulan B40. Hal ini dicapai melalui perkhidmatan percuma kepada 274,682 pesakit luar dan 18,316 pesakit dalam. Antara kategori pesakit yang diberi perkhidmatan percuma ialah Antenatal, Kebajikan Masyarakat, Komuniti Keluarga, Pelajar Sekolah - Kerajaan, Pelajar Universiti / Kolej, dan Pelajar USM. Kemudahan percuma ini merupakan bukti keperihatinan USM kepada kumpulan masyarakat yang memerlukan perkhidmatan kesihatan tetapi berhadapan dengan cabaran kewangan.






6.10 Program Merakyatkan Perkhidmatan HUSM

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 29 Program Merakyatkan Perkhidmatan HUSM telah diadakan. Program ini telah memberikan perkhidmatan perawatan secara percuma kepada masyarakat setempat, khidmat nasihat berkaitan penjagaan kesihatan dan penggunaan ubat-ubatan. Program ini

berjaya menonjolkan perkhidmatan HUSM yang mengangkat nilai kemanusiaan, kualiti kehidupan dan penggunaan teknologi terkini dalam perawatan. Program ini merupakan kerjasama antara jabatan dalam USM seperti Pusat Media dan Perhubungan Awam (MPRC), Jabatan Kecemasan, Perkhidmatan Pergigian, Jabatan ORL, dan Unit Perubatan Transfusi.

Program Merakyatkan Perkhidmatan Hospital USM 2018



USM **APEX** MERAKYATKAN PERKHIDMATAN HOSPITAL USM





HUSM melalui Unit Perubatan Pemulihan telah menjalankan Kem Saringan Kesihatan 'Cerebral Palsy Research Cluster' (CPRC), kepada komuniti di Kuching, Sarawak pada 12 Ogos 2018. Inisiatif ini berjaya menonjolkan keberadaan HUSM kepada masyarakat Malaysia.

HUSM turut prihatin akan kebajikan pesakit daripada golongan miskin. Unit Kebajikan Perubatan di HUSM mengambil inisiatif melakukan lawatan untuk mengenal pasti penyelesaian dan bantuan yang boleh dihulurkan kepada pesakit dalam kumpulan ini. Sepanjang 2018, sebanyak 158 kes pesakit dalam kumpulan ini telah mendapat manfaat daripada inisiatif ini. Inisiatif ini dijayakan melalui kerjasama dengan agensi seperti Tabung Darul Iman, Terengganu dan Majlis Agama Islam Negeri Kelantan.

6.11 Program 'Plogging' Riadah Sihat Sambil Menjaga Kebersihan

Persatuan Jururawat Malaysia Cawangan HUSM telah mengadakan 'plogging' pada 20 Oktober 2018, di Pulau Nami, Pantai Senok. Program ini berjaya mendekatkan HUSM dan masyarakat dalam mengembleng usaha berkaitan penjagaan alam sekitar.



6.12 Kempen Kesedaran Penyusuan 'Breastfeeding Walk'

HUSM mengambil inisiatif untuk memberikan kesedaran Penyusuan Susu Ibu melalui penganjuran 'Breastfeeding Awareness

Walk'. Program yang diadakan bersempena Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2018 telah mendapat sambutan daripada 700 peserta.



6.13 Program 'Walk For Heart' Sempena Hari Jantung Sedunia

HUSM bersama-sama Persatuan Kardiotorasik Kelantan telah menganjurkan Program 'Walk For Heart' Sempena Hari Jantung Sedunia pada 29 September 2018, di Kampus Kesihatan USM. Program ini mendapat sambutan baik daripada 500 peserta daripada pelbagai

peringkat umur bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kesihatan jantung. Peserta telah berjalan sejauh tiga (3) kilometer sebagai simbolik kepada aktiviti kecergasan kesihatan jantung.



7.0 PERKHIDMATAN (SERVICES)

7.1 Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik (CDAE)

Keperluan pensyarah USM terhadap teknologi terkini untuk digunakan dalam aktiviti pengajaran disokong oleh perkhidmatan berpusat yang disediakan oleh Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik (CDAE). Perkhidmatan yang disediakan termasuk seminar, bengkel, tabung latihan dan pinjaman peralatan untuk pengajaran. CDAE memainkan peranan untuk merealisasikan pembelajaran teradun di USM.

7.2 Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (HiCOE)

USM mempunyai tiga (3) pusat penyelidikan yang bertaraf Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi (Higher Institution Centres of Excellence - HiCoE). Ketiga-tiga pusat penyelidikan tersebut telah menerima insentif berupa geran penyelidikan daripada Kementerian Pendidikan untuk memperkukuh keupayaan penyelidikan bidang nic bagi dilonjakkan ke peringkat yang lebih tinggi. Yang berikut merupakan pencapaian 2018 untuk tiga (3) Pusat Kecemerlangan Pendidikan Tinggi berkenaan:

- **Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan**

Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-ubatan menerima geran penyelidikan antarabangsa bernilai RM5.8 juta daripada National Institute of Health (NIH), Amerika Syarikat untuk projek *Implementation of Seek, Test, Treat and Retain Strategies Among People Who Inject Drugs in Malaysia*. Projek ini akan dijalankan bersama dengan Yale University, salah sebuah universiti terkemuka di dunia. Projek selama lima (5) tahun (2018-2023) ini akan menilai keberkesanan modul rawatan sedia ada terhadap pengguna dadah opiat dan pengidap HIV serta mencari kaedah bagi meningkatkan tahap rawatan perubatan bagi golongan ini. Model penjagaan *Seek-Test-Treat and Retain* (STTR) dalam penyelidikan ini akan dijalankan di Pulau Pinang, Kelantan, Kuala Lumpur dan Johor. Hasil kajian akan menjadi garis panduan bagi dasar kesihatan yang lebih baik untuk merawat pesakit HIV dan pengguna

dadah jenis opiat di Malaysia. Garis panduan yang sama berpotensi untuk digunakan ke seluruh dunia.

- **Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM)**

Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM) mensasarkan untuk menjadikan Malaysia sebagai salah satu negara yang mempunyai kepakaran dalam pembangunan teknologi antibodi rekombinan. INFORMM berpotensi membangunkan teknologi baharu yang dapat digunakan bagi mempergiat aktiviti penyelidikan dan menjadi sumber antibodi untuk industri tempatan. Pembangunan teknologi ini menjadi pemangkin dalam membangunkan pelbagai kit diagnostik baharu, khususnya untuk penyakit terabai. INFORMM juga berpotensi menjadi *'solution provider'* untuk penghasilan antibodi baharu.

Satu lagi projek penyelidikan unggul INFORMM dalam pembangunan industri diagnostik ialah projek Peningkatan Hasil Pengeluaran Streptavidin Rekombinan yang Larut dengan Pengkulturan Fed-Batch *E.coli* Ketumpatan Tinggi. Projek ini cuba meningkatkan kecekapan pengeluaran bioreagen dengan menggunakan strategi bioproses terkini yang sedia ada dan seiring dengan kebolehan membangunkan penghasilan dalam pasaran tempatan. Usaha ini akan menyokong industri diagnostik tempatan dari segi kelestarian dan mengurangkan kesan gangguan rantaian bekalan yang berlaku terutama dalam situasi pandemik.

Bioreagen pertama yang dipilih untuk dibangunkan ialah streptavidin yang merupakan komponen utama kepada kebanyakan platform diagnostik. Streptavidin kini dijual pada harga RM650 setiap mg.

Hasil ekspresi SAV rekombinan telah ditingkatkan sebanyak 36 kali ganda menjadi 1.5 gram seliter dan 33 peratus pemuliharaan (500 miligram seliter) telah dicapai setelah proses hiliran. Sebagai andaian, kos pengeluaran adalah 10 peratus (RM65) daripada harga runcit RM650 sehingga harga streptavidin bernilai RM32,500 dengan potensi harga runcit (RM650,000) boleh dihasilkan di makmal USM mengikut kiraan per liter. Kualiti streptavidin

yang dihasilkan telah dinilai dan dibandingkan dengan streptavidin yang sedia ada di pasaran. Usaha sedang dijalankan untuk mengintegrasikan streptavidin yang dihasilkan kepada EZ-Typhi-Parathphi Dipstick yang dibangunkan oleh INFORMM.

- **Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar (REDAC)**

Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar (REDAC) ialah pusat penyelidikan berkaitan isu pengurusan sungai dan saliran bandar. REDAC berpotensi menjadikan USM sebagai pusat serantau dalam bidang pengurusan sungai dan saliran khususnya dalam pembangunan sistem mesra alam.

Dalam memperkasa kepakaran berkaitan pengurusan dan penyelesaian isu air sungai, saliran dan banjir di negara ini, REDAC telah menjalin kerjasama dengan makmal penyelidikan hidraulik terbesar di Eropah iaitu HR Wallingford Ltd., Jabatan Pengairan dan Saliran Bandar, Universitas Brawijaya - Indonesia, Cardiff University - United Kingdom, International Association for Hydro-Environment Engineering and Research (IAHR) dan beberapa agensi lain.

Kerjasama ini membolehkan REDAC menjadi pakar rujuk dalam membantu menyelesaikan isu-isu berkaitan banjir besar, banjir kilat dan sebagainya. REDAC turut membantu negara

mencari kaedah terbaik dalam pengurusan bencana serta memperluas kepakaran tenaga akademik tempatan dalam pengurusan dan amalan efektif pengurusan risiko bencana.

Jabatan Kerja Raya telah memberikan kepercayaan kepada REDAC untuk membina lanskap dan sistem saliran yang lebih lestari iaitu Sistem Saliran Bio-Ekologi (BIOECOS) di Hospital Bahagia Tanjung Rambutan, Klinik Kesihatan Taiping dan Ibu Pejabat Polis Daerah Pasir Mas. Kini, REDAC turut serta dalam projek pembangunan perbandaran ikonik Kawasan Damansara yang mensasarkan pelaburan melebihi RM50 bilion dengan saiz kawasan pembangunan seluas 2,300 ekar. USM dilibatkan sebagai satu kumpulan perunding untuk mensasarkan teknologi hijau.

7.3 Pusat Sukan & Rekreasi

Pusat Sukan & Rekreasi menyediakan perkhidmatan kemudahan sukan yang mencukupi dan menepati piawai antarabangsa. Terdapat kemudahan sukan yang lengkap untuk membangunkan atlet USM sesuai dengan agenda H.E.B.A.T 'By Design', antaranya Stadium Olahraga yang diiktiraf oleh IAAF, Stadium Hoki diiktiraf oleh FIH, Kompleks Tenis, Kompleks Azman Hashim (*Indoor Games*), Kompleks Kolam Renang, Kemudahan Sukan Air dan Rekreasi di Bukit Merah Laketown Resort melalui MoU dengan pihak pengurusannya. Perincian kemudahan sukan adalah seperti jadual di bawah.

BIL	TEMPAT	KEMUDAHAN	CATATAN
1	Stadium Olahraga	Trek Padang	Balapan Sintetik yang diiktiraf oleh IAAF (8 lorong)
		Pavilion	Muatan 700 penonton
		Bolasepak	1 padang
		Skuasy	3 gelanggang
		Ping Pong	Muatan 4 buah meja
		Senamrobik	Sebuah Studio
		Ruang Kombat	1 gelanggang
		Kaunter Tempahan / Pejabat	2 buah bilik mesyuarat

BIL	TEMPAT	KEMUDAHAN	CATATAN
2	Stadium Hoki	Hoki (Astroturf Berlampu)	1 padang utama yang diiktiraf FIH
		Pavilion	Muatan 600 Penonton
		Bilik Persalinan	2 bilik
		Bilik Mesyuarat	2 bilik
		Surau	1 bilik
3	Kompleks Tenis	Tenis	8 gelanggang berlampu
		Pavilion	Muatan 400 penonton
		Bilik Mesyuarat	2 bilik
		Bola Jaring	2 bilik
		Surau	1 bilik
4	Azman Hashim- USM Sport Arena	Pavilion	Muatan 600 penonton
		Badminton	16 gelanggang
		Futsal	2 gelanggang
		Gymnasium	Sebuah
		Kiosk Ambank	Sebuah
		Bola Tampar	2 gelanggang
		Bola Keranjang	2 gelanggang
		Kafe	
5	Desasiswa Bakti Permai	Bola Keranjang	2 gelanggang
6	Desasiswa Cahaya Gemilang	Bola Keranjang	1 gelanggang
		Bola Tampar	1 gelanggang
		Sepak Takraw	2 gelanggang
7	Bersebelahan Stadium Hoki	Bola Tampar	2 gelanggang
		Sepak Takraw	3 gelanggang
		Gelanggang Petanque	16 lorong
8	Kompleks Kolam Renang	Kolam (50m) (Saiz Olimpik)	Sebuah
		Kolam (25m)	Sebuah
		Kolam Kanak-kanak	Sebuah
		Pavilion	Muatan 500 penonton
9	Kemudahan Sukan Air dan Rekreasi	USM mempunyai perjanjian MoA dengan Bukit Merah Laketown Resort bagi membolehkan warga USM mengadakan program/aktiviti Sukan Air & Rekreasi di kawasan ini. Semua permohonan menggunakan kemudahan ini perlu dibuat melalui Pusat Sukan & Rekreasi USM.	
10	Kompleks Sukan USM	Badminton	6 gelanggang
		Skuasy	3 gelanggang
		Bilik Kecergasan dengan Alatan Gymnasium	Sebuah
		Surau	Sebuah
		Pavilion	Muatan 400 penonton

BIL	TEMPAT	KEMUDAHAN	CATATAN
11	Padang Minden	Bola Sepak	5 Padang
		Bola Jaring	2 Padang
		Bola Baling	2 Padang
		Ragbi	1 Padang
		Softbol	2 Padang
		Memanah	1 Kawasan Khas
		Golf	3 Par (2 Buah Green/2 Buah Bunker)
		Stor Sukan	*Urusan pinjaman alatan sukan
		Pavilion	*Muatan 200 penonton

7.4 Perkhidmatan & Kebajikan Pelajar

Bagi membolehkan pelajar mendapat pengalaman pembelajaran terbaik, USM mengutamakan kualiti perkhidmatan dan isu kebajikan pelajar merangkumi kewangan, pinjaman pelajar, tajaan dan biasiswa, perkhidmatan pengangkutan, hal ehwal kebajikan pelajar OKU dan kaunseling pelajar seperti:

Tabung Kesihatan Pelajar

Tabung Kesihatan Pelajar ialah kemudahan untuk menjaga kebajikan pelajar berdaftar penuh masa di Universiti melalui penyediaan dana untuk membiayai kos perubatan. Pada tahun 2018, implikasi tabung kesihatan pelajar kepada USM menunjukkan penjimatan

sebanyak RM50,000. Kesan positif ini boleh dikaitkan dengan inisiatif USMFit yang disahut oleh semua warga kampus.


Tabung Kebajikan Pelajar

Tabung Kebajikan Pelajar adalah kemudahan untuk memastikan elemen ehsan dan bantuan kemanusiaan serta kebajikan dapat disalurkan kepada pelajar dan keluarga pelajar yang ditimpa kecelakaan seperti kewangan, kematian, kemalangan dan sebagainya. Jumlah yang telah dibelanjakan untuk tujuan berkenaan adalah sebanyak RM306,969 melibatkan 94 kes tuntutan di ketiga-tiga buah kampus.

Jadual Statistik Pelajar yang Mendapat Bantuan Tabung Kebajikan Mengikut Kes bagi Tahun 2018

Jenis Tuntutan	Orang	Sumbangan (RM)	Tambang (RM)	JUMLAH (RM)
Pelajar Meninggal	8	40,000.00	-	40,000.00
Ahli Keluarga Meninggal	61	30,500.00	3,751.14	34,251.14
Bantuan Alat Sokongan	4	11,663.40	-	11,663.40
Wang Ehsan	7	3,500.00	-	3,500.00
Rawatan dan Perubatan	14	217,554.58	-	217,554.58
JUMLAH KESELURUHAN	94	303,217.98	3,751.14	306,969.12

Jenis Tuntutan Tabung Kebajikan Bagi Tahun 2018




Perkhidmatan Kaunseling

Perkhidmatan Kaunseling, BHEPA adalah perkhidmatan kaunseling profesional secara individu dan kaunseling kelompok yang disediakan kepada pelajar. Selain itu, perkhidmatan konsultasi dan bimbingan juga

diberikan kepada pelajar secara berkala dengan berdasarkan keperluan melalui program-program perkembangan, pencegahan dan lain-lain. Jumlah sesi kaunseling pelajar bagi tahun 2018 (ketiga-tiga kampus) boleh dilihat dalam jadual di bawah.

JENIS KAUNSELING	BILANGAN		ISU					
	LELAKI	PEREMPUAN	PERIBADI	KEWANGAN	KELUARGA	AKADEMIK	PENASIHATAN/ BIMBINGAN	LAIN-LAIN
INDIVIDU	80	297	114	5	13	73	115	57
KELOMPOK	6	2	8	-	-	-	-	-



Program Perkembangan Psikologi

Selain perkhidmatan kaunseling, BHEPA juga menyediakan perkhidmatan perkembangan psikologi melalui pendekatan pencegahan dan pemulihan. Perkhidmatan ini dapat menyiapiagakan pelajar dalam mengharungi cabaran kehidupan dan membina konsep sendiri

yang mapan. Program yang dilaksanakan ini membolehkan pelajar mempunyai kredibiliti sendiri seiring dengan perkembangan serta kelangsungan fisiologi, kognitif dan sosial. Yang berikut merupakan program perkembangan psikologi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018.

Program Perkembangan Psikologi bagi Tahun 2018

BIL	JENIS / KATEGORI	BIL. PROGRAM	BIL. PESERTA	CATATAN
1	Program Perkembangan Fisiologi	12	1,292	Fokus program-program yang dilaksanakan dalam skop ini adalah kepada perkembangan personaliti, pengurusan stress, gaya hidup sihat dan terapi.
2	Program Perkembangan Kognitif	13	1,105	Program-program yang dilaksanakan dalam skop ini adalah fokus kepada penyelesaian masalah. Membuat keputusan dan motivasi.
3	Program Perkembangan Sosial	13	2,541	Program-program yang dilaksanakan dalam skop ini adalah fokus untuk membina keupayaan komunikasi dan interaksi.
JUMLAH KESELURUHAN		38	4,938	

7.5 Pinjaman, Tajaan & Basiswa Pelajar

USM menyediakan perkhidmatan sokongan untuk membantu pelajar mendapat tajaan dan biasiswa. Terdapat lima (5) jenis kategori penaja utama pelajar di USM. Bagi Kampus Induk seramai 11,224 pelajar aktif dan 59 peratus pelajar berpenaja, manakala bagi Kampus Kejuruteraan 2,391 pelajar aktif dan 53 peratus

pelajar berpenaja dan bagi Kampus Kesihatan seramai 2,524 pelajar aktif dan 52 peratus pelajar berpenaja. Kesimpulannya 57 peratus pelajar USM mempunyai penaja dan hanya 43 peratus yang membiayai sendiri pengajian. Statistik keseluruhan pelajar Ijazah Sarjana Muda (Sepenuh Masa) USM yang memegang biasiswa dan pinjaman bagi Sidang Akademik 2018/2019 seperti dalam jadual di bawah.

Bil	Jenis / Kategori Penaja	Jumlah Penerima Mengikut Kampus		
		Kampus Induk	Kampus Kejuruteraan	Kampus Kesihatan
1.	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	5,681	1,118	693
2.	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	760	117	610
3.	Basiswa KPM	53	0	0
4.	Basiswa Swasta / Korporat / Basiswa dan Pinjaman Kerajaan Negeri / Yayasan Negeri / Badan Berkanun	128	28	9
5.	Basiswa Dari Tabung Yayasan USM	25	10	4
Jumlah Pelajar Berpenaja		6,647 (59%)	1,273 (53%)	1,316 (52%)
Jumlah Pelajar Aktif		11,224	2,391	2,524
Jumlah Pelajar Tanpa Penaja		4,577 (41%)	1,118 (47%)	1,208 (48%)

Selain menyediakan pinjaman dan tajaan / biasiswa dari pihak luar, USM juga menyediakan kemudahan Pinjaman Jangka Pendek dan Pinjaman Jangka Panjang. Bayaran balik pinjaman dikenakan kepada pelajar setelah tamat pengajian secara tunai atau ansuran. Kos perkhidmatan dikenakan sebanyak 4 peratus setahun bermula pada tarikh pinjaman.

Bil	Jenis Pinjaman	Bilangan Pelajar		Jumlah Permohonan
		Semester 1	Semester 2	
1.	Pinjaman Jangka Pendek	46	38	84
2.	Pinjaman Jangka Panjang	10	5	15

Pinjaman Jangka Panjang

- 1) Terbuka untuk semua pelajar Ijazah Pertama yang tiada bantuan kewangan atau tajaan.
- 2) Keutamaan diberi kepada pelajar yang menghadapi masalah kewangan untuk membayar yuran akademik pada sidang pengajian semasa.

15

Pinjaman Jangka Pendek

- 1) Terbuka kepada semua pelajar aktif berpenaja dan membuat permohonan untuk tujuan sara hidup.
- 2) Maksimum pinjaman yang dibenarkan adalah sebanyak RM500.00 sahaja.
- 3) Tempoh permohonan yang dibenarkan tiada had kecuali pada cuti semester.

84

Jumlah
99

Jumlah Peminjam dan Syarat Pinjaman Jangka Pendek dan Panjang USM 2018

7.6 Dana Sangkutan Penyelidikan Pelajar Ijazah Tinggi (PGRA)

Pelajar pascasiswazah USM dilengkapi dengan pengalaman menjalankan penyelidikan di institusi terkemuka di luar negara. Peluang ini ditawarkan melalui Dana Sangkutan Penyelidikan Pelajar Ijazah Tinggi (PGRA). Kemudahan dana ini dapat melahirkan pelajar pascasiswazah yang mempunyai nilai tambah dan seterusnya mengembangkan jaringan penyelidikan antara pelajar USM dan penyelidik antarabangsa. Sebanyak 11 buah universiti luar negara telah menjadi rakan USM dalam merealisasikan program ini seperti berikut:

- . University of Lahore, Pakistan
- . National University of Singapore, Singapura
- . Nara Institute of Science & Technology (NAIST), Jepun
- . Curtin University, Australia
- . University of Management & Technology, Lahore, Pakistan
- . Universitas Muhammadiyah, Jogjakarta, Indonesia

- . Prince of Songkhla University, Thailand
- . International Islamic University, Islamabad, Pakistan
- . Kyushu Institute of Technology, Jepun
- . Khon Kaen University, Thailand
- . Institute Jaenlamour IJL CNRS University de Lorraine, Perancis

USM telah berjaya menawarkan peluang ini kepada 13 orang Pelajar Pascasiswazah (PhD) dengan peruntukan sebanyak RM80,000. Impak positif daripada program ini mendorong USM untuk menambah peruntukan kepada RM100,000 pada tahun 2019.

7.7 Pengurusan Kebajikan Pelajar OKU

USM menyediakan perkhidmatan bagi mengurus kebajikan pelajar merangkumi bantuan pengurusan permohonan elaun pelajar OKU kepada kementerian. USM turut menyediakan kemudahan pengangkutan semasa minggu peperiksaan dan bantuan penghantaran ke hospital bagi temu janji kesihatan secara berkala.

Statistik Pelajar OKU yang Menerima Bantuan Sara Hidup

PERKARA	BIL. PELAJAR RPPJJ	BIL. PELAJAR SARJANA MUDA	BIL. PELAJAR IJAZAH TINGGI
Bantuan Wang Saku (RM1,800.00/semester)	TIDAK LAYAK MEMOHON	39	7
Bantuan Yuran Pengajian	6	30	3
Bantuan wang saku dan Yuran Pengajian	-	2	-

7.8 Penginapan Pelajar

USM menyediakan perkhidmatan Perumahan dan Penginapan Universiti kepada pelajar dan

kakitangan. Perkhidmatan yang disediakan seperti rajah di bawah:


PREMIS PERUMAHAN & PENGINAPAN UNIVERSITI		
PENGINAPAN & PERUMAHAN PELAJAR	RUMAH TETAMU/ PENGINAPAN LUAR	PERUMAHAN STAF
Kampus Induk ♦ 6 Desasiswa 10,645 tempat ♦ Rumah Keluarga & Masterflat 96 unit ♦ Rumah Keluarga Ijazah Pertama (H38) 27 unit Kampus Kejuruteraan 1 Desasiswa 2,659 tempat Kampus Kesihatan ♦ 1 Desasiswa 2,791 tempat ♦ Rumah Antarabangsa 66 tempat Jumlah = 16,284 tempat	Kampus Induk Homestay USM 4 unit Kampus Kejuruteraan Desasiswa Utama 36 unit Kampus Kesihatan Rumah Tetamu 17 unit Jumlah = 57 unit	Kampus Induk ♦ Rumah Transit (K21 & H40) 26 unit ♦ Rumah Pegawai Desasiswa 24 unit Kampus Kejuruteraan Rumah Pegawai Desasiswa 8 unit Kampus Kesihatan ♦ Rumah Pegawai Desasiswa 6 unit ♦ Houseman Quarters 62 unit ♦ Rumah Staf 110 unit Jumlah = 236 unit
Jumlah keseluruhan = 16,577 tempat / unit		

Pada tahun 2018, seramai 16,095 orang pelajar menginap di Desasiswa seperti jadual di bawah:

Statistik Kapasiti Penginapan Pelajar Mengikut Jantina 2018

Kampus	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Induk	3,375	7,270	10,645
Kejuruteraan	1,672	987	2,659
Kesihatan	835	1,956	2,791
Jumlah	5,882	10,213	16,095

Statistik Penginapan Pelajar Mengikut Jantina Bagi Semua Kampus 2018



Kapasiti Penginapan Pelajar Mengikut Kategori dan Kampus 2018

Kampus	Ijazah Pertama			Ijazah Tinggi		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Induk	2,673	6,262	8,935	703	1,007	1,712
Kejuruteraan	1,396	787	2,183	276	200	476
Kesihatan	686	1,805	2,491	149	151	300
Jumlah	4,755	8,854	13,609	1,128	1,358	2,488

7.9 Pusat Inovasi Komuniti (CIC)

Program Pusat Inovasi Komuniti (CIC) merupakan inisiatif kerajaan melalui kerjasama Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) dan USM untuk menggalakkan usaha sama bermanfaat dengan berdasarkan landasan kerjasama yang diwujudkan untuk membolehkan pemegang taruh (kerajaan, akademia, industri dan komuniti setempat)

bersama-sama mengembleng tenaga secara 'Collective Impact' melalui pendekatan 'Quadruple Helix' bagi membentuk satu negara bangsa yang benar-benar berwibawa serta berminda 'Par Excellence'. Impak program kepada USM dan komuniti seperti yang berikut:

CIC Berseri : Warisan@Berseri
Mengetengahkan kearifan tempatan yang berteraskan kepada value proposition kawasan berkenaan yang mempunyai kekuatan dan keunikan yang tersendiri.

CIC Jerlun : Projek Penternakan Lebah Kelulut
Membangunkan ladang satelit sebagai jaminan sumber bekalan mentah madu kelulut kepada CIC Kubu Gajah Enterprise.

CIC Pedu : Projek Pengeluaran Produk Hiliran Ikan Keli
Menfokuskan kepada kaedah penternakan ikan keli melalui teknologi pemakanan organik bagi penghasilan produk hiliran ikan keli kering dengan pelbagai jenis variasi masakan.

CIC Sik : Projek Penternakan Lebah Kelulut
Membangunkan ladang satelit sebagai jaminan sumber bekalan mentah madu kelulut kepada CIC Kubu Gajah Enterprise.

CIC Nibong Tebal : Projek Pengeluaran Produk Hiliran Roselle
Menfokuskan kepada pengurusan pertanian dan penghasilan produk berasaskan roselle yang mempunyai keunikan, mudah dan bernilai sebagai memenuhi keperluan pasaran semasa.

CIC Lekir : Pengupayaan OKU
Inisiatif membangunkan kapasiti OKU melalui keusahawan dan memperkasakan usaha sedia ada di komuniti dengan mewujudkan *one stop center* pengumpulan produk OKU, pemasaran, penarafan dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada OKU.

CIC Kubu Gajah : Projek Penternakan Lebah Kelulut
Menfokuskan kepada pusat pengumpulan dan pengeluran produk berasaskan madu kelulut, agro-pelancongan, latihan & pendidikan serta perkhidmatan berkaitan penternakan lebah kelulut.

Sebanyak tujuh (7) program CIC telah memberikan impak kepada komuniti. Kos pelaksanaan dan impak program adalah seperti yang berikut:

Community Innovation Centre (CIC)

Pembiayaan & Keberhasilan Program

<p>Tempoh Program 27 Ogos 2015 hingga 27 Ogos 2018 (2 tahun + 1 tahun)</p>	 	<p>Nilai Program RM2,000,000.00 melibatkan kos operasi dan pelaksanaan projek.</p>
<p>Mewujudkan Peluang Pekerjaan/Keusahawanan 126 Orang Kumpulan Isi Rumah B40 & eKasih menerima manfaat.</p>	 	<p>Inovasi Projek 29 elemen inovasi diketengahkan melalui kepakaran dan inovasi berpaten akademia USM.</p>
<p>Pembangunan Produk 28 elemen pembangunan produk telah dibangunkan melalui program CIC.</p>	 	<p>20 Rakan Kerjasama Mewujudkan nilai yang tinggi pada kos yang rendah / Perkongsian KPI dalam program CIC.</p>
<p>Tambahan Pendapatan RM600- RM900 purata tambahan pendapatan peserta projek.</p>	 	<p>Peningkatan Pendapatan RM10,000-RM20,000 purata peningkatan pendapatan kepada pemilik perusahaan (peserta projek).</p>

7.10 Penerbit USM

Tugas utama Penerbit USM ialah melaksanakan perolehan karya ilmiah yang berkualiti dan mempunyai nilai pasaran serta memberikan impak kepada masyarakat, menerbitkan penerbitan ilmiah bertaraf antarabangsa dalam bentuk bercetak dan elektronik, dan memasarkan serta menyebarkan produk penerbitan ilmiah secara agresif ke peringkat global.

Pada tahun 2018, Penerbit USM telah mensasarkan untuk menerbitkan 79 penerbitan walaupun pada tahun 2017, sebanyak 100 karya telah berjaya diterbitkan. Pengurangan sasaran penerbitan ini dibuat disebabkan isu kekurangan tenaga kerja dan penerimaan manuskrip yang sukar ditangani. Namun begitu sebanyak 89 penerbitan baharu telah berjaya diterbitkan. Penerbitan ini terdiri daripada 29 judul buku, 43 isu jurnal dan 17 judul siri syarahan. Jumlah penerbitan mengikut pecahan adalah seperti yang berikut:

Penerbitan Buku

- Zulnaidi Yaacob. *Mengurus Risiko Gaya Usahawan Berjaya*. 2018. ISBN: 978-967-461-129-3
- Engineering Mathematics Group (Compiler). *Mathematics Formulae for Engineers and Scientists*. 2018. ISBN: 978-967-461-208-5
- Jelani Harun. *Ibarat Nyiur Gading: Raja Haji Yahya dalam Sejarah Kesusasteraan Melayu Abad ke-20*. 2018. ISBN: 978-967-461-205-4
- Goh Sang Seong (Penyusun). *Koleksi Kebijaksanaan Pujangga China*. 2018. ISBN: 978-967-461-180-4
- Muhammad Haji Salleh. *Pantun dari Tujuh Tanjung*. 2018. ISBN: 978-967-461-206-1
- Mohd Nazri Ismail (Editor). *Isu-isu Doping dalam Dunia Sukan*. 2018. ISBN: 978-967-461-239-9
- Rosli Saad. *Basic Seismic Refraction Survey and Data Interpretation Techniques*. 2018. ISBN: 978-967-461-251-1
- Nik Hazlina Nik Hussain. *Kesihatan Wanita Pada Usia Emas: Kenyataan dan Harapan*. 2018. ISBN: 978-967-461-234-1
- Norzila Zakaria. *Kompilasi Kisah Masalah Pembelajaran*. 2018. ISBN: 978-967-461-215-3
- Norzila Zakaria & Mohd Noor Mamat. *Kompilasi Komunikasi Dengan Anak-Anak: Tip Komunikasi Sehari-hari* (Siri 1). 2018. ISBN: 978-967-461-169-9
- Norzila Zakaria & Mohd Noor Mamat. *7 Tip Komunikasi dengan Kanak-Kanak*. 2018. ISBN: 978-967-461-216-0
- Norzila Zakaria. *12 Tip Mengelakkan Ketagihan Gajet*. 2018. ISBN: 978-967-461-168-2
- Shaharir b.M.Z. *Terukirnya Bahasa Melayu dalam Sains dan Matematik Malayonesia*. 2018. ISBN: 978-967-461-243-6
- Goh Sang Seong (Penterjemah). *Koleksi Konsep Falsafah, Pemikiran dan Budaya China*. Jilid 1. 2018. ISBN: 978-967-461-254-2
- Maryam Azlan, Mujahid Bakar, Rohani Ismail & Nurhidanatasha Abu Bakar (Editor). *Panduan Penulisan Akademik*. 2018. ISBN: 978-967-461-236-8
- Salmiza Saleh. *ABC Pendekatan Pengajaran Berasaskan Otak*. 2018. ISBN: 978-967-461-265-8
- Faiz Bukhari Mohd Suah, Wan Saime Wan Ngah & Che Sofiah Saidin. *Basic Analytical Chemistry*. 2018. ISBN: 978-967-461-259-7
- Husnul Azan Tajarudin, Mardiana Idayu Ahmad & Mohd Nazri Ismail. *Unit Operation in Downstream Processing*. 2018. ISBN: 978-967-461-288-7
- Sohaimi Abdul Aziz. *Meremajakan Ghazal Parti: Warisan Persembahan Muzik Melayu*. 2018. ISBN: 978-967-461-207-8
- Wan Muhamad Amir W Ahmad, Mohamad Shafiq Mohd Ibrahim, Adam Husein & Mohd Fadhli Khamis. *Sample Size Calculations Made Easy Using G*Power*. 2018. ISBN: 978-967-461-255-9
- Tan Kok Eng. *Pedagogical Grammar for ESL Made Easy*. 2018. ISBN: 978-967-461-263-4
- Rosni Bakar & Aziah Ismail (Editors). *Sustainability of Higher Education: A Global Perspective*. 2018. ISBN: 978-967-461-295-5
- Hairul Anuar Hashim. *Application of Psychometrics in Sports and Exercise*. 2018. ISBN: 978-967-461-273-3
- Md Noor Salleh. *Berijazah Secara PJJ di Malaysia: Peluang, Cabaran, Ciri dan Gaya Pembelajaran Pelajar, dan Strategi Kejayaan*. 2018. ISBN: 978-967-461-144-6

25. Md Noor Salleh. *Seronoknya Pengajian Tinggi: Pembelajaran Terbuka dan Jarak Jauh*. 2018. ISBN: 978-967-461-269-6
26. Fong Chee Yong & Ng Sha Shiong. *Sol-Gel Spin Coating Growth of Gallium Nitride Thin Films: A Simple, Safe and Cheap Approach*. 2018. ISBN: 978-967-461-292-4
27. Chandramogan Ramaiah & Mohd Zuri Ghani. *Autisme*. 2018. ISBN: 978-967-461-291-7
28. Lee Shu Chin & Nor Shafrin Ahmad. *Anger Management for Adolescents*. 2018. ISBN: 978-967-461-274-0
29. Goh Sang Seong (Penyusun). *Koleksi Idiom Bahasa Cina-Bahasa Melayu*. 2018. ISBN: 978-967-461-310-5
16. Education in Medicine Journal, Volume 10, No. 4 2018 (EIMJ)
17. International Journal of Asia Pacific Studies, Volume 14, No. 1, 2018 (IJAPS)
18. International Journal of Asia Pacific Studies, Volume 14, No. 2, 2018 (IJAPS)
19. Journal of Construction in Developing Countries, Volume 23, No. 1, 2018 (JCDC)
20. Journal of Construction in Developing Countries, Volume 23, No. 2, 2018 (JCDC)
21. Journal of Engineering Science, Volume 14, 2018 (JES)
22. Journal of Physical Science, Volume 29, No. 1, 2018 (JPS)
23. Journal of Physical Science, Volume 29, No. 2, 2018 (JPS)
24. Journal of Physical Science, Volume 29, No. 3, 2018 (JPS)
25. Journal of Physical Science, Volume 29, Supp. 1, 2018 (JPS) – Special Issue
26. Journal of Physical Science, Volume 29, Supp. 1, 2018 (JPS) – Special Issue
27. Journal of Physical Science, Volume 29, Supp. 1, 2018 (JPS) – Special Issue
28. *Kajian Malaysia Journal of Malaysian Studies*, Volume 36, No. 1, 2018 (KM)
29. *Kajian Malaysia Journal of Malaysian Studies*, Volume 36, No. 2, 2018 (KM)
30. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, Volume 25, No. 1, 2018 (KAJH)
31. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, Volume 25, No. 2, 2018 (KAJH)
32. *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities*, Volume 25, Supp. 1, 2018 (KAJH) – Commemorative Issue
33. *Malaysian Journal of Pharmaceutical Sciences*, Volume 16, No. 1, 2018 (MJPS)
34. *The Malaysian Journal of Medical Sciences*, Volume 25, No. 1, 2018 (MJMS)
35. *The Malaysian Journal of Medical Sciences*, Volume 25, No. 2, 2018 (MJMS)
36. *The Malaysian Journal of Medical Sciences*, Volume 25, No. 3, 2018 (MJMS)
37. *The Malaysian Journal of Medical Sciences*, Volume 25, No. 4, 2018 (MJMS)
38. *The Malaysian Journal of Medical Sciences*, Volume 25, No. 5, 2018 (MJMS)
39. *The Malaysian Journal of Medical Sciences*, Volume 25, No. 6, 2018 (MJMS)
40. *Tropical Life Sciences Research*, Volume 29, No. 1, 2018 (TLSR)
41. *Tropical Life Sciences Research*, Volume 29, No. 2, 2018 (TLSR)

Penerbitan Jurnal

1. Archive of Orofacial Sciences, Volume 13, No. 1, 2018 (AOS)
2. Archive of Orofacial Sciences, Volume 13, No. 2, 2018 (AOS)
3. Archive of Orofacial Sciences, Volume 13, Supp. 1, 2018 (AOS) – Special Issue
4. Asian Academy of Management Journal, Volume 23, No. 1, 2018 (AAMJ)
5. Asian Academy of Management Journal, Volume 23, No. 2, 2018 (AAMJ)
6. Asian Academy of Management Journal of Accounting & Finance, Volume 14, No. 1, 2018 (AAMJAF)
7. Asian Academy of Management Journal of Accounting & Finance, Volume 14, No. 2, 2018 (AAMJAF)
8. Asia-Pacific Journal of Educators and Education, Volume 32, 2017 (APJEE)
9. Bulletin of the Malaysian Mathematical Science Society, Volume 41, No. 1, 2018 (BMMSS)*
10. Bulletin of the Malaysian Mathematical Science Society, Volume 41, No. 2, 2018 (BMMSS)*
11. Bulletin of the Malaysian Mathematical Science Society, Volume 41, No. 3, 2018 (BMMSS)*
12. Bulletin of the Malaysian Mathematical Science Society, Volume 41, No. 4, 2018 (BMMSS)*
13. Education in Medicine Journal, Volume 10, No. 1, 2018 (EIMJ)
14. Education in Medicine Journal, Volume 10, No. 2, 2018 (EIMJ)
15. Education in Medicine Journal, Volume 10, No. 3, 2018 (EIMJ)

42. Wacana Seni, Volume 17, 2018 (WS)
43. Wacana Seni, Volume 17, Suppl. 1, 2018 (WS)

Nota:

- i. Jumlah makalah yang ditulis oleh pengarang dari USM: 90 (mempunyai sitasi dalam Scopus dan WoS)
- ii. Jumlah makalah yang ditulis oleh pengarang dari USM: 39 (tidak mempunyai sitasi dalam Scopus dan WoS; jenis penerbitan selain daripada 'Original Article')
- iii. Jumlah sitasi pengarang dari USM: 14
- iv. *Penerbitan bersama oleh Penerbit USM, Malaysian Mathematical Sciences Society dan Springer

Siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor

1. Aldrin Abdullah. *Pencegahan Jenayah Melalui Reka Bentuk Persekitaran Di Malaysia: Pembangunan dan Pengesahan Model Hierarki*. 2018. ISBN: 978-967-461-261-0
2. Profesor Datuk Dr. Awang Sariyan. *Sumbangan Bidang Terjemahan dalam Pemupukan Kerjasama Keselamatan Suprnasional*. 2018. ISBN: 978-967-461-258-0
3. Liza Sharmini Ahmad Tajudin. *Menelusuri Rahsia Penyakit Glaukoma dalam Etnik Melayu*. 2018. ISBN: 978-967-461-276-4
4. Stephen Chia Ming Soon. *Sejarah dan Perkembangan Arkeologi di Malaysia: Isu, Cabaran dan Masa Depan*. 2018. ISBN: 978-967-461-267-2
5. Wan Hazabbah Wan Hitam. *Spektrum Penyakit Saraf Optik Di Malaysia*. 2018. ISBN: 978-967-461-284-9
6. Mohd Zubir Mat Jafri. *µp.my*. 2018. ISBN: 978-967-461-281-8
7. Md Roslan Hashim. *Kebesaran Alam Melalui Teropong Nano*. 2018. 978-967-461-307-5
8. Ahmad Fauzi Abdul Hamid. *Islamisme dan Bahananya: Cabaran Besar Politik Malaysia Abad ke-21*. 2018. ISBN: 978-967-461-277-1
9. Rohana Adnan. *Kaedah Mampas dan Hijau untuk Rawatan Air Tercemar*. 2018. ISBN: 978-967-461-301-3
10. Hasnah Osman. *Kepentingan Sintesis Sebatian Bioaktif Mirip Hasil Semula Jadi dalam Penyelidikan*. 2018. ISBN: 978-967-461-300-6
11. Tengku Sepora Tengku Mahadi. *Polemik Kajian Bahasa dan Terjemahan dalam Era Globalisasi*. 2018. ISBN: 978-967-461-304-4
12. Chow Wen Shyang. *Nanokomposit Polimer: Apabila Pengisi Nano Bertemu Polimer*. 2018. ISBN: 978-967-461-329-7
13. Mastura Jaafar @ Mustapha. *Merealisasikan Keusahawanan: Pelaksanaan dan Cabaran*. 2018. ISBN: 978-967-461-350-1
14. Ahmad Sanusi Hassan. *Ke Manakah Hala Tuju Reka Bentuk Bandar dan Seni Bina Kita?* 2018. ISBN: 978-967-461-347-1
15. Srimala Sreekantan. *Teknologi Fotokatalis Nano TiO₂ Memastikan Kelestarian Hari Esok*. 2018. ISBN: 978-967-461-333-4
16. Mariatti Jaafar @ Mustapha. *Berpotensikah Nanokomposit Polimer Digunakan dalam Aplikasi Elektronik?* 2018. ISBN: 978-967-461-353-2
17. Jamilah Ahmad. *Altruistik Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dalam Pemilihan Organisasi: Kajian Rentas Negara*. 2018. ISBN: 978-967-461-371-6

Pelesenan Karya USM dalam Pangkalan Data Knovel (Elsevier)

USM telah menandatangani perjanjian (MoA) dengan Elsevier, Amerika Syarikat buat julung-julung kali bagi membolehkan pelesenan buku-buku terbitan Penerbit USM ke dalam Knovel platform, suatu aplikasi *cloud-based* yang menghimpunkan maklumat daripada lebih 100 penerbit dan badan kejuruteraan seluruh dunia untuk rujukan para jurutera. Untuk peringkat pertama buku-buku dalam bidang kejuruteraan telah diterima iaitu:

- Engineering Calculus
- Engineering Towards a Sustainable Future
- Materials Engineering in Health Sciences
- Materials: Leading the Path of Engineers
- Mathematics Formulae for Engineers and Scientists
- Prediction of the Collapse Load for Moment-Resisting Steel Frame Structure under Earthquake Forces
- Soil Erosion Engineering: Reliability-Based Engineering Design, Soil Erosion Assessment and Best Practices
- Theory of Structures
- Tsunami Education, Protection and Preparedness

Kesemua buku ialah buku penyelidikan kecuai buku Mathematics Formulae for Engineers and Scientists. Usaha ini membolehkan buku terbitan USM diakses dan dijual secara lebih luas pada peringkat global.

Pelesenan Karya USM dalam Pangkalan Data ProQuest

USM telah menandatangani perjanjian (MoA) dengan ProQuest untuk pelesenan buku-buku terbitan Penerbit USM ke dalam pangkalan datanya. Judul-judul tersebut adalah seperti yang berikut:

- Environmental Concerns in Malaysian Construction Industry
- Indigenous Knowledge and Sustainable Practice
- Proposed Conceptual Model of Construction Firms' Performance Sustainability Indicators in Malaysia

Pengindeksan dalam Pangkalan Data

Satu lagi jurnal terbitan Penerbit USM, iaitu Asia-Pacific Journal of Educators and Education telah diterima untuk pengindeksan dalam pangkalan data Scopus bermula pada tahun 2018.

Asia-Pacific Journal of Educators and Education telah diindeks dalam pangkalan data Scopus

Tropical Life Sciences Research Diindeks dalam Pangkalan Data ESCI

Pada tahun 2018, jurnal terbitan Penerbit USM, Tropical Life Sciences Research telah

diindeks dalam pangkalan data Emerging Sources Citation Index (ESCI) yang merupakan edisi terkini dalam Web of Science Core Collection oleh Clarivate Analytics. ESCI ialah sebuah pangkalan data pengindeksan yang menghimpunkan makalah ilmiah daripada bidang Sains, Sains Sosial, Kemanusiaan dan Sastera.

Pada keseluruhannya untuk tahun 2018, Penerbit USM telah mencapai jumlah penerbitan yang ditetapkan. Kualiti penerbitannya telah digambaran pelbagai pengiktirafan yang diterima sepanjang tahun. Aktiviti pengembangan ilmu juga dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memberikan manfaat di samping berkongsi pengetahuan dan kemahiran dengan pihak-pihak tertentu. Penerbitan yang dihasilkan ialah multidisiplin dan sesuai untuk bacaan pelbagai lapisan masyarakat, sama ada untuk golongan profesional / penyelidik atau bacaan umum (ilmiah popular) dengan tidak mengetepikan ciri-ciri penerbitan ilmiah yang menjadi asas kepada sebuah Penerbit Universiti.

Penghasilan karya penerbitan dalam bentuk digital dan pelesenan / pengindeksan karya Penerbit USM dalam pangkalan data antarabangsa menyerlahkan lagi keternampakkan karya, pengarang dan Penerbit USM di persada antarabangsa. Penggunaan platform media sosial sebagai medium promosi karya Penerbit USM

mbolehkan pencapaian bahan penerbitan dengan sangat mudah, cepat dan berkesan. Kebolehcapaian ini menjadikan akses kepada bahan penerbitan sangat meluas dan global di samping mewujudkan jaringan pembaca yang tidak hanya terhad kepada ahli akademik, malah hingga masyarakat awam. Hal ini dapat dilihat daripada meningkatnya hasil jualan tahun 2018 iaitu hampir RM90 ribu berbanding tahun 2017.

7.11 Perpustakaan USM

Meneruskan visi 'Menjadi pemangkin ke arah perkembangan ilmu, kesjaranaan dan pendidikan sepanjang hayat untuk pembangunan lestari', Perpustakaan USM telah berjaya menjalankan fungsi utamanya sebagai pusat sumber maklumat dan ilmu kepada Universiti. Selain itu, Perpustakaan terus memantapkan sokongannya kepada Universiti dari segi kecemerlangan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan dan pembangunan insan menerusi pelbagai inisiatif perkhidmatan yang ditawarkan serta menyumbang kepada masyarakat dalam dan luar kampus.

Perpustakaan telah berjaya menaiktarafkan sistem pengurusan kualiti menerusi pensijilan daripada MS ISO 9001:2008 kepada MS ISO 9001:2015 setelah pengauditan dijalankan oleh pihak SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang dilaksanakan pada 13 hingga 15 Ogos 2018.

Perkhidmatan Pengguna

Ahli berdaftar Perpustakaan USM sehingga Disember 2018 ialah seramai 83,357 orang. Keahlian Perpustakaan terdiri daripada pelajar, staf akademik / pentadbiran, dan orang awam yang terdiri daripada pekerja sektor korporat, pekerja sektor awam serta pekerja industri dan perdagangan. Perkhidmatan pinjaman Perpustakaan telah merekodkan sejumlah 187,389 buah pinjaman bahan. Sementara itu, Perpustakaan juga telah merekodkan 546,742 kunjungan pengguna secara fizikal dan 734,483 secara maya. Jadual di sebelah menunjukkan perincian mengikut rangkaian Perpustakaan USM:





Jumlah Keahlian, Pinjaman dan Kunjungan

Kampus	Keahlian	Pinjaman	Kunjungan (Fizikal)	Kunjungan (Maya)
Perpustakaan Hamzah Sendut	60,066	167,044	351,677	645,585
Perpustakaan Hamdan Tahir	16,637	13,484	161,235	58,967
Perpustakaan Kejuruteraan	6,584	5,393	32,826	22,978
Perpustakaan IPPT	70	1,468	1,004	6,953
Jumlah	83,357	187,389	546,742	734,483

Pencapaian Perpustakaan

Pemeriksaan koleksi Perpustakaan diteruskan dengan termeterainya perjanjian antara Perpustakaan USM, Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS), USM dengan School of Asian and African Studies (SOAS), University of London pada bulan September 2018. Perjanjian ini membolehkan Perpustakaan memperoleh sejumlah 1,200 koleksi manuskrip digital Surat-Surat Francis Light sebagai bahan rujukan dan penyelidikan.



Bagi menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran, Perpustakaan telah mewujudkan MOOC bagi pelajar Universiti Sains Malaysia yang telah dilancarkan sewaktu majlis Simposium Perpustakaan Bersama Pusat Pengajian 2018. Kandungan MOOC Perpustakaan ini termasuk modul literasi maklumat koleksi Perpustakaan USM yang telah memenangi Pingat Perak dalam

'The 3rd Innovation and Design in Library and Information Sciences Competition (InDeLib) 2018' anjuran UiTM Cawangan Kedah Darul Aman. Modul-modul tambahan juga telah dirancang bagi memperkasakan MOOC Perpustakaan pada masa akan datang.

Selain itu, Perpustakaan telah menyediakan tutorial maya (e-tutorial) yang merangkumi sembilan (9) video tutorial serta menganjurkan dua (2) sesi webinar yang melibatkan penyertaan seramai 284 peserta dengan topik berkaitan kaedah terbaik pencarian maklumat

dan aplikasi sokongan penyelidikan.

Sepanjang tahun 2018, Perpustakaan USM berjaya menjana pendapatan berjumlah RM113,680. Penjana kewangan ini ialah hasil daripada kutipan denda, pendaftaran keahlian, sewaan, muat turun artikel, salinan mikro bentuk dan perkhidmatan faks. Jadual di bawah menunjukkan perincian pendapatan mengikut rangkaian Perpustakaan USM, perincian koleksi dan statistik pangkalan.

Pendapatan Perpustakaan USM 2018

PHS	PHT	PK	PIPPT	JUMLAH
RM97,218.20	RM10,231.40	RM5,206.60	RM1,024.20	RM113,680.40

Koleksi Perpustakaan USM 2018

JENIS BAHAN	JUMLAH
Buku dan Jurnal Bercetak (Jumlah naskhah)	676,813 (1,225,841)
Buku Elektronik	375,767
Jurnal Elektronik	194,869
Bahan Media (termasuk mikro bentuk)	50,650

Statistik Pangkalan Data dan Langganan Majalah 2018

PERKARA	JUMLAH
Pangkalan Data	36
Langganan Majalah	44

Bagi meneruskan komitmen pengantarabangsaan, Perpustakaan selaku Sekretariat ASEAN University Network Inter-Library Online (AUNILO) telah bekerjasama dengan Sekretariat ASEAN University Network (AUN) bagi menyelaraskan 'The 14th AUNILO Meeting' di Learning Resource Centre, Can Tho University, Vietnam. Mesyuarat ke-14

AUNILO dengan tema 'Digital Scholarship Trend in Academic Library' telah diadakan pada 2 hingga 4 Julai 2018 manakala satu Bengkel Latihan '*Library Leadership - Role of Future Librarian*' telah diadakan pada 5 Julai 2018 yang memberikan pendedahan tentang amalan terbaik kepimpinan perpustakaan akademik kepada para peserta.

7.12 Hospital USM (HUSM)

HUSM ialah Hospital Pengajar Universiti dan Pusat Rujukan yang cemerlang dengan perkhidmatan berkualiti dan berteknologi terkini yang menyokong aktiviti-aktiviti pendidikan, pengajaran dan penyelidikan Pusat-Pusat Pengajian di Universiti Sains Malaysia. HUSM juga mempunyai hubungan rapat serta membuat penyelarasan dengan hospital dan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dalam isu-isu kepentingan bersama. Sebagai sebuah organisasi, HUSM memberikan perkhidmatan perawatan pesakit yang beroperasi berdasarkan:

- Kecekapan pentadbiran dan pengurusan
- Produk perkhidmatan yang berkualiti
- Berkepentingan dalam aktiviti pengajaran dan penyelidikan
- Penjana kewangan yang optima
- Pembinaan nilai murni sumber manusia
- Pemeliharaan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat

Program Keselamatan Pesakit

HUSM secara berterusan memperkenalkan inisiatif untuk meningkatkan keberkesanan perkhidmatan. Pada tahun 2018, satu Task Force Keselamatan Pesakit HUSM telah ditubuhkan untuk menjalankan aktiviti keselamatan pesakit yang terbahagi kepada enam (6) program untuk mencapai International *Patient Safety Goals* (IPSG) iaitu:

- Identify Patient Correctly
- Improve Effective Communication
- Increase The Safety of High Alert Medication
- Ensure Safe Surgery
- Reduce the Risk of Health Care Associated Infections
- Reduce The Risk of Patient Harm Resulting From Falls


Anggota *task force* terdiri dari semua kategori staf, dan aktiviti bagi tahun 2018 memfokuskan pembangunan kompetensi semua ahli. Statistik kadar kematian dan tempoh masa rawatan kepada pesakit HUSM pada tahun 2018 adalah seperti yang berikut:

- Kadar kematian adalah sekitar 2 peratus
- Sebanyak 99.8 peratus pesakit telah diberi rawatan dalam tempoh 2 jam 45 minit selepas mendaftar di kaunter klinik.

Melestarikan Perkhidmatan HUSM Dalam Perawatan Pesakit


Salah satu objektif penubuhan HUSM ialah berfungsi sebagai sebuah hospital rujukan bagi memberikan faedah kepada masyarakat selaras dengan peranan USM dan Kerajaan Malaysia. Antara objektif perkhidmatan yang disediakan oleh HUSM adalah memberikan perkhidmatan perawatan kepada pesakit dan memastikan pesakit menerima jenis rawatan yang ditetapkan.

Sepanjang tahun 2018, perkembangan HUSM dapat diukur melalui kedatangan pesakit termasuk rawatan susulan bagi pesakit dalam dan pesakit luar serta sebagai rujukan daripada mana-mana hospital di seluruh Malaysia. Kemampuan HUSM hanya sekitar 430,000 (pesakit luar) dan 43,000 (pesakit dalam). Hal ini tertakluk pada bilangan katil, ruang klinik dan ruang untuk pesakit dalam. Meningkatnya kedatangan pesakit 2018 berdasarkan graf di bawah:






STATISTIK KEDATANGAN PESAKIT DALAM MENGIKUT DISPLIN BAGI
TAHUN 2017-2018




Rajah di atas menunjukkan kedatangan pesakit mengikut disiplin rawatan yang tinggi. Antara disiplin rawatan adalah perubatan, sakit puan, ortopedik, pembedahan am dan pembedahan neuro serta onkologi dan perubatan nuklear. HUSM merupakan pusat rawatan tunggal perkhidmatan neuro dan onkologi / perubatan nuklear di Kelantan dan Pantai Timur

STATISTIK KEDATANGAN PESAKIT LUAR KE KLINIK-KLINIK USM BAGI TAHUN 2017-2018




Selain menerima kedatangan pesakit, HUSM juga menerima kes-kes rujukan pesakit luar terutama daripada hospital KKM dan swasta

STATISTIK KES RUJUKAN PESAKIT LUAR YANG DIRAWAT DI HUSM BAGI TAHUN 2015-2018



STATISTIK KES RUJUKAN PESAKIT DALAM YANG DIRAWAT DI HUSM BAGI TAHUN 2015-2018



Graf di atas menunjukkan jumlah pesakit baharu yang dirujuk untuk kemasukan wad dan ke klinik. Peningkatan ini selari dengan perkembangan bidang kepakaran dan ilmu baharu yang ditawarkan di HUSM

Perkhidmatan Pediatrik Kardiotorasik

Penyakit jantung kongenital merupakan salah satu penyakit utama dalam kalangan kanak-kanak. Ia melibatkan insiden lapan (8) dalam setiap seribu kelahiran.

HUSM merupakan antara beberapa buah Hospital Kerajaan di Malaysia yang menawarkan perkhidmatan untuk kardiologi pediatrik. Perkhidmatan Pediatrik Kardiotorasik HUSM merupakan kerjasama dengan Healing Little Hearts Foundation, UK. Ia telah memulakan perkhidmatan ini sejak awal tahun 2000. HUSM telah melakukan prosedur-prosedur invasif setara dengan hal yang dilakukan oleh Institut Jantung Negara (IJN). Ia adalah lebih terkehadapan berbanding Hospital-hospital Kerajaan yang lain.

Perkhidmatan Kardiotorasik Pediatrik tidak terdapat di HUSM. Perkhidmatan ini masih lagi terhad di Malaysia. Ianya diberikan oleh IJN dan Hospital Serdang sahaja. Hospital lain seperti Hospital Pulau Pinang, Hospital Johor Bharu menjalankan perkhidmatan yang terhad kerana ketiadaan Pakar Bedah Kardio-Torasik Pediatrik. Mereka hanya menjalankan kes-kes mudah seperti ASD dan PDA.

Selaras dengan keperluan Rancangan Malaysia Ke-11, iaitu Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat, HUSM terus merekayasa perkhidmatan perawatan kepada pesakit khususnya dan masyarakat umumnya. Antara usaha adalah penambahbaikan dalam penjagaan kesihatan dengan menangani keperluan penduduk yang kurang mendapat perkhidmatan, menambah baik sistem penyampaian kesihatan melalui peningkatan kecekapan dan keberkesanan dalam pengurusan perawatan kesihatan.

Dari segi tadbir urus, HUSM sentiasa memastikan tadbir urus dijalankan mengikut undang-undang atau peraturan yang ditetapkan. Antara usaha penambahbaikan dari segi governan adalah mewujudkan Timbalan Pengarah (Infrastruktur & Aset). Antara skop Timbalan Pengarah (Infrastruktur & Aset) adalah merancang, mengurus, memantau dan menilai pengurusan aset mengikut tatacara pengurusan aset yang ditetapkan.



7.13 Perkhidmatan Radioterapi dan Brakiterapi di IPPT

USM melalui IPPT menerajui perawatan untuk pesakit kanser di wilayah utara kerana IPPT merupakan satu-satunya institusi yang mempunyai kemudahan dan kepakaran dalam bidang Radioterapi dan Brakiterapi. Kepakaran ini merupakan salah satu alternatif rawatan untuk pesakit kanser. Setakat tahun 2018, pasukan onkologi dan pakar-pakar bedah pergigian, pakar bedah am dan pakar radiologi telah merawat seramai lebih 20 pesakit melalui kaedah ini. Terdapat tiga (3) Brakiterapi yang

ditawarkan di IPPT yang tidak ditawarkan di institusi lain di Malaysia iaitu *Tongue Brachytherapy, Esophageal Brachytherapy dan Liver Brachytherapy*. Brakiterapi merupakan rawatan berfokus pada organ yang terlibat serta dapat mengurangkan kos rawatan. Perkhidmatan Brakiterapi mempunyai potensi besar untuk dikembangkan dan seterusnya memberikan manfaat kepada perubatan dan penyelidikan kanser di Malaysia.



Bilik Brakiterapi




Bilik Kawalan Rawatan Brakiterapi -
Persediaan sebelum brakiterapi bermula



IPPT



INSTITUT PERUBATAN DAN PERGIGIAN TERMAJU



**PEMBOLEH
JAYA**
(Enablers)

1.0 BAKAT
(*TALENTS*)

2.0 SUMBER
(*RESOURCES*)

3.0 GOVERNAN
(*GOVERNANCE*)

4.0 BUDAYA ORGANISASI
(*ORGANISATIONAL CULTURE*)

PEMBOLEH JAYA (ENABLERS)

Kejayaan 'Global Prominence' USM disumbangkan oleh pemboleh jaya (*enablers*) yang dirancang dengan teliti merangkumi bakat, sumber, governan dan budaya organisasi. Pemboleh jaya yang dilaporkan dalam bahagian ini ialah pemboleh jaya yang baru diperkenalkan pada tahun 2018 atau kesinambungan dari tahun-tahun sebelumnya.

Pemboleh jaya merangkumi polisi, inisiatif, program serta aktiviti yang dijalankan oleh USM untuk merealisasikan matlamat menjadikan USM sebagai universiti pilihan. Pemboleh jaya ini menggambarkan pencapaian USM pada tahun 2018 adalah secara 'By Design'.



1.0 BAKAT (TALENTS)

Pengurusan Bakat di USM meliputi usaha pihak pengurusan dalam memastikan kecemerlangan dan keberkesanan bakat yang dimiliki. Usaha tersebut termasuk melantik bakat yang terbaik, membangunkan bakat sedia ada dan mengekalkan bakat melalui insentif berasaskan kecemerlangan. USM menyediakan persekitaran kerja yang sesuai untuk memupuk bakat yang terbaik.

Beberapa inisiatif strategik dilakukan untuk memacu kecemerlangan bakat yang berkualiti, bernilai murni, berintegriti dan sejahtera. Berikut ialah strategi membangunkan dan mengekalkan bakat tahun 2018 untuk memacu kecemerlangan USM.

1.1 Kerangka Kompetensi (Competency Framework)

Pada tahun 2018, USM telah memperkenalkan Kerangka Kompetensi bagi rujukan kompetensi

teras yang selari dengan misi dan visi USM. Kerangka ini menetapkan nilai teras, atribut dan penilaian nilai teras secara kuantitatif untuk menjadi rujukan Pengurusan Bakat USM.

Penggunaan Kerangka Kompetensi USM meliputi pengurusan prestasi organisasi dan individu. Kerangka ini memberikan panduan kepada pengurusan USM untuk mengendalikan pemilihan dan pengambilan staf, latihan dan pembangunan bakat, pengurusan prestasi dan ganjaran staf, pelan penggantian Ketua Jabatan dan perancangan sumber manusia.

Untuk menguruskan pelan penggantian Ketua Jabatan, semua bakal Ketua Jabatan bagi lantikan tahun 2019-2022 telah melalui siri program di bawah Kerangka Kompetensi USM. Pelan penggantian Ketua Jabatan ini telah digarap dan ditambah baik daripada amalan sedia ada dengan implementasi baru iaitu Kerangka Kompetensi USM menerusi inovasi penilaian 'MyTalent'.

Berikut ialah aktiviti sepanjang proses pencalonan bagi calon Ketua Jabatan USM untuk sesi 2019 hingga 2021.

BIL.	AKTIVITI	TARIKH
1	Penyediaan cadangan Pelan Penggantian Universiti berdasarkan penelitian mekanisme terbaik berdasarkan amalan sedia ada bagi penggal 2016-2018.	Februari 2018 - Mac 2018
2	Cadangan Kaedah dan Pelaksanaan Pelan Penggantian Universiti Sains Malaysia bagi Jawatan Strategik telah dibentangkan oleh Pendaftar dalam Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 10/2018 dan telah dipersetujui oleh Universiti.	28 Mac 2018
3	Penubuhan dan pelantikan Ahli Jawatankuasa Induk Pencalonan (JKIP) Ketua Jabatan USM 2019-2021.	4 Jun 2018
4	Cadangan Kaedah dan Pelaksanaan Pelan Penggantian Universiti Sains Malaysia bagi Jawatan Strategik telah dibentangkan oleh Pendaftar dalam Mesyuarat Lembaga Gabenor Universiti ke-121 sebagai makluman.	16 Mei 2018
5	Pelantikan Urus Setia Pencalonan Dekan/Pengarah bagi Pusat Pengajian/Institut/Pusat Kecemerlangan bagi Sesi 2019-2021.	11 Jun 2018
6	Sesi Taklimat Tatacara Pencalonan Dekan Pusat Pengajian dan Pengarah Pusat/Institut dan Demonstrasi Sistem E-Dekan dan E-Kendiri kepada Urus Setia Pencalonan oleh Pendaftar merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Pencalonan Ketua Jabatan 2019-2021.	11 Jun 2018
7	Notis Pencalonan dikeluarkan kepada semua Ahli Akademik melalui Hebahan Pendaftar Bil. 26/2018.	11 Jun 2018
8	Penubuhan dan pelantikan Ahli Jawatankuasa Keutuhan Tatacara Pencalonan Calon Ketua Jabatan 2018-2021.	11 Jun 2018
9	Pelawaan untuk Pencalonan Kendiri untuk Mengisi Jawatan Pengarah Pusat Akademik/ Penyelidikan / Perkhidmatan dimaklumkan melalui Hebahan Pendaftar Bil. 27/2018.	13 Jun 2018


BIL.	AKTIVITI	TARIKH
10	Senarai Daftar Pemilih dan Senarai Layak sebagai Calon dimaklumkan kepada semua Dekan/Pengarah Pusat Pengajian/Pusat/Institut melalui Hebahan Pendaftar Bil. 28/2018.	26 Jun 2018
11	Sesi Pencalonan bagi 43 Jawatan Dekan/Pengarah Pusat Pengajian/Institut/Pusat Kecemerlangan dilaksanakan melalui kaedah dalam talian E-Undi menerusi capaian Sistem E-Dekan di 'Campus Online'.	28 Jun 2018
12	Pengumuman keputusan pencalonan Dekan/Pengarah Pusat Pengajian/Institut/Pusat.	28 Jun 2018
13	Pencalonan E-Kendiri bagi 18 Jawatan Pengarah Pusat Strategik/Pusat Perkhidmatan dilaksanakan melalui pencalonan diri sendiri melalui kaedah dalam talian menerusi capaian Sistem E-Kendiri di 'Campus Online'.	28 - 30 Jun 2018
14	Calon-calun Ketua Jabatan menjalani Penilaian 'MyTalent ' 360 yang telah ditambah nilai dengan konsep Kerangka Kompetensi USM.	26 Julai 2018 - 7 Ogos 2018
15	Calon-calun menghadiri Seminar Kepemimpinan Strategik selama dua (2) hari di Dewan Budaya. Seminar berfokuskan tujuh (7) kompetensi teras daripada Kerangka Kompetensi USM yang diserikan dengan ucapan daripada tokoh-tokoh bidang pentadbiran awam dan industri yang tersohor.	28 & 29 Ogos 2018
16	Penubuhan dan Pelantikan Jawatankuasa Pencarian Calon Ketua Jabatan USM Sesi 2018-2021.	18 Julai 2018
17	Sesi Pembentangan oleh Calon Ketua Jabatan kepada Jawatankuasa Pencarian.	28 September 2018 - 13 November 2018
18	Pembentangan Pengerusi Jawatankuasa Pencarian kepada Naib Canselor.	24 November 2018
19	Naib Canselor menandatangani Pelantikan Surat Ketua-ketua Jabatan.	1 Disember 2018
20	Emel Jemputan kepada Ketua Jabatan untuk menghadiri Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan.	6 Disember 2018
21	Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan.	12 Disember 2018


Pembangunan Kerangka Kompetensi USM ini membolehkan universiti menguruskan bakat 10,254 staf secara lebih strategik. Cara yang digunakan ini ialah kaedah berfokus dan jelas dalam menyediakan profil bakat melalui penilaian kompetensi teras setiap staf di USM. Pembangunan kerangka kompetensi ini telah menambah baik aktiviti pengurusan analisis tenaga kerja dan perancangan, urusan pemilihan dan pengambilan staf baru, pembangunan bakat dan latihan, pengurusan prestasi dan sistem ganjaran, dan pengurusan pelan penggantian.

1.2 Ekosistem Bagi Kesejahteraan Mental & Fizikal

1.2.1 Pengesahan Dalam Jawatan

USM telah memberikan pengesahan dalam jawatan kepada staf yang telah menunjukkan prestasi yang baik merangkumi 72 orang staf akademik dan 177 staf bukan akademik seperti rajah di sebelah.





1.2.2 Kemajuan Kerjaya

Pada tahun 2018, Unit Kemajuan Kerjaya telah melaksanakan aktiviti kenaikan pangkat bagi staf akademik, staf pentadbiran (Pengurusan & Profesional) dan staf pelaksana. Berikut ialah statistik kenaikan pangkat mengikut skim perkhidmatan. (Statistik adalah berdasarkan kelulusan minit mesyuarat sehingga 17 November 2018).

Statistik Kenaikan Pangkat Staf Akademik Tahun 2018

BIL.	JAWATAN	JUMLAH
1	Pensyarah Universiti Gred Khas B (VK6) – Profesor	13
2	Pensyarah Farmasi Gred Khas B (VK6) – Profesor	1
3	Pensyarah Universiti Gred Khas C (VK7) – Profesor	11
4	Pensyarah Perubatan Gred Khas C (VK7) – Profesor	3
5	Pensyarah Pergigian Gred Khas C (VK7) – Profesor	1
6	Pensyarah Perubatan DU56 – Profesor Madya	5
7	Pensyarah Pergigian DUG56 – Profesor Madya	1
8	Pensyarah Universiti DS54 – Profesor Madya	22
9	Pensyarah Pergigian DUG54 – Profesor Madya	1
10	Pensyarah Perubatan DU56 – Tanpa Gelaran Profesor Madya	12
11	Pensyarah Pergigian DUG56 – Tanpa Gelaran Profesor Madya	3
12	Pensyarah Perubatan DU54 – Tanpa Gelaran Profesor Madya	5
13	Pensyarah Pergigian DUG54 – Tanpa Gelaran Profesor Madya	1
14	Pensyarah Farmasi DUF54 – Tanpa Gelaran Profesor Madya	2
15	Pensyarah Farmasi DUF52 – Tanpa Gelaran Pensyarah Kanan	2
16	Guru Bahasa DG52	5
17	Guru Bahasa DG48	7
18	Guru Bahasa DG44	1

Statistik Kenaikan Pangkat Staf Akademik Tahun Dikebelakangkan (*Backdated*)

BIL.	JAWATAN	JUMLAH (<i>Backdated</i>)
1	Pensyarah Perubatan DU56 – Profesor Madya	1
2	Pensyarah Perubatan DU56 – Tanpa Gelaran Profesor Madya	5
3	Pensyarah Perubatan DU54 – Tanpa Gelaran Profesor Madya	10
4	Pensyarah Pergigian DUG54 – Tanpa Gelaran Profesor Madya	1

Statistik Kenaikan Pangkat Staf Bukan Akademik Tahun 2018

BIL.	JAWATAN	JUMLAH
1	Jururawat U42	2
2	Pegawai Tadbir N54	2
3	Pegawai Tadbir N44	4

Statistik Kenaikan Pangkat Staf Bukan Akademik Melalui Laluan Kerjaya KKM Tahun 2018

BIL.	JAWATAN	JUMLAH
1	Pegawai Pergigian	4
2	Pegawai Perubatan	18
3	Pegawai Farmasi	9

Statistik Kenaikan Pangkat Staf Bukan Akademik Melalui Laluan *Time-Based* Tahun 2018

BIL.	JAWATAN	JUMLAH
1	Pereka B32 KUP	1
2	Pembantu Makmal C22 KUP	1
3	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat FA32 KUP	4
4	Penolong Jurutera JA36 KUP	2
5	Pengawal Keselamatan KP14 KUP	6
6	Penolong Pegawai Tadbir N32 KUP	5
7	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N22 KUP	9
8	Juruteknologi Makmal Perubatan U32 KUP	4
9	Jurupulih Perubatan U32 KUP	2
10	Jururawat U32 KUP	29
11	Penolong Pegawai Farmasi U32 KUP	1
12	Penolong Pegawai Perubatan U32 KUP	2
13	Pembantu Pembedahan Pergigian U24 KUP	20

1.2.3 Kebajikan Staf

Kemudahan Perkhidmatan Perubatan Warga USM

Bermula 1 Oktober 2016 hingga 31 Disember 2018, sebanyak 102 buah klinik telah dilantik sebagai Klinik Panel USM. Pecahan jumlah tersebut mengikut enam (6) buah negeri ialah Pulau Pinang 60 buah, Kedah 16 buah, Perak 12 buah, Kelantan 11 buah, Kuala Lumpur dua (2) buah dan Negeri Sembilan sebuah.

Jumlah perbelanjaan Klinik Panel dan Panel Farmasi bagi staf dari Januari hingga November 2018 ialah sebanyak RM1,634,439, manakala perbelanjaan Klinik Panel dan Panel Farmasi bagi tanggungan staf dari Januari hingga November 2018 pula ialah sebanyak RM1,208,769. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM2,843,208.

Semua Klinik Panel telah dilanjutkan tempoh perkhidmatan sehingga 31 Mac 2019 sebelum pelantikan baharu dibuat secara pembukaan tender.

TAHUN	PERBELANJAAN KLINIK PANEL/FARMASI		JUMLAH (RM)
	STAF (RM)	TANGGUNGAN (RM)	
2017	511,094.00	383,681.00	894,775.00
2018	1,634,439.00	1,208,769.00	2,843,208.00

Tabung Kebajikan Staf USM (TKSUSM)

USM menitikberatkan kebajikan anak-anak staf dengan menyediakan dermasiswa pendidikan. Pada tahun 2018, sebanyak RM76,400 telah diberikan kepada anak-anak staf yang berjaya menyambung pengajian pada peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda di Universiti Awam, Universiti Swasta dan Universiti Luar Negara.

USM turut menyalurkan bantuan kepada staf yang terlibat dalam bencana alam seperti mangsa banjir di Kelantan dan Pulau Pinang, ribut dan kebakaran. USM turut memperuntukkan sebanyak RM130,500 untuk membiayai Bayaran Bantuan Pengurusan Jenazah kepada staf, dan waris staf.

TAHUN	TKSUSM			JUMLAH (RM)
	Dermasiswa (RM)	Bencana Alam (RM)	Waris & Pengurusan Jenazah (RM)	
2017	98,200.00	40,500.00	102,000.00	240,700.00
2018	76,400.00	1,800.00	130,500.00	208,700.00




Tuntutan Elaun Pindah Rumah

Sebanyak 51 permohonan elaun pindah rumah telah diterima bermula dari Januari hingga November 2018 dengan jumlah tuntutan sebanyak RM41,086.

TAHUN	TUNTUTAN ELAUN PINDAH RUMAH	
	BIL. PEMOHON	TUNTUTAN (RM)
2017	60	65,000.00
2018	51	41,086.00
JUMLAH	111	106,197.00

1.2.4 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018

USM telah memberikan pengiktirafan kepada staf yang berprestasi cemerlang melalui APC yang disampaikan oleh Naib Canselor USM. Perincian Staf USM mengikut kampus yang telah diberi anugerah adalah seperti rajah di bawah:



1.2.5 Perkhidmatan Kaunseling Unit Perhubungan Staf

Pada tahun 2018, seramai 18 orang staf menggunakan perkhidmatan kaunseling. Jumlah sesi ialah sebanyak 25 sesi iaitu 11 kes sukarela dan 7 kes dirujuk. Isu kaunseling yang ditangani meliputi tekanan, kesihatan, peribadi, konflik, tatatertib, kesihatan mental dan prestasi kerja.

1.2.6 Perkhidmatan Bimbingan Nasihat Akrab Care@USM

Pada tahun 2018, Akrab Care@USM telah memberikan bimbingan kepada staf berprestasi rendah sepanjang tempoh pemerhatian dijalankan seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Siasatan Laporan Penilaian Prestasi. Staf berprestasi rendah perlu melalui tempoh pemerhatian selama satu (1)

tahun dengan bimbingan ahli Akrab Care@USM. Sepanjang tempoh tersebut, Akrab Care@USM mengadakan sesi bimbingan sebanyak tiga (3) kali dan merekodkan hasil sesi tersebut ke dalam Buku Log Pemantauan Dasar Pemisah. Selain berperanan dalam Dasar Pemisah Universiti, Akrab Care@USM turut memberikan perkhidmatan sukarela kepada staf USM yang memerlukan khidmat bimbingan.

Akrab Care@USM ialah inisiatif untuk mengukuhkan profil staf melalui sesi penasihat dan rundingan. Sesi ini menjadi salah satu input untuk USM menambah baik proses pelan penggantian staf dengan mengambil kira faktor nilai dan profil peribadi sebagai hasil dapatan daripada sesi yang dilaksanakan. Inisiatif ini menjadi komponen penting untuk meningkatkan indeks kegembiraan dalam kalangan warga staf.

2.0 SUMBER (RESOURCES)

2.1 Penjenamaan & Pemasaran (Branding & Marketing)

2.1.1 Felo Pengajar

Untuk meningkatkan pengalaman pelajar, kualiti program akademik dan penyelidikan, USM memperkenalkan skim lantikan Felo Pengajar. Felo Pengajar dilantik dalam kalangan pemegang PhD bukan warganegara untuk menjalankan tugas pengajaran dan penyelidikan. Inisiatif ini dapat mengukuhkan komponen pengajaran dan pembelajaran bertaraf antarabangsa.

Sepanjang tahun 2018 seramai 75 orang Felo Pengajar telah dilantik ke skim ini dengan menggunakan peruntukan Pekerja Kontrak Dalam Kampus (PKDK). Mereka turut menghasilkan sekurang-kurangnya dua (2) penerbitan atas nama USM dan yang diindeks dalam ISI Web of Science atau Scopus bagi setiap tahun lantikan.

2.1.2 CEO Faculty Programme 2.0

Bagi meningkatkan keterlihatan USM dalam kerjasama industri bagi penyelidikan, enam (6) orang pensyarah muda telah menjalani kerja/jawatan sandaran di lima (5) buah syarikat selama enam (6) bulan. Hal ini dapat merapatkan hubungan industri-akademia. Hal ini juga memberikan manfaat kepada Universiti dari segi capaian kepada teknologi terkini, peluang kerjasama dalam penyelidikan, penempatan latihan industri dan pengemaskinian kurikulum pengajaran berteraskan industri. Perinciannya adalah seperti berikut:

Bil.	Pensyarah	Pusat Pengajian	Syarikat
1	Dr. Chan Siok Yee	Pusat Pengajian Sains Farmasi	Intel Microelectronics (M) Sdn. Bhd.
2	Dr. Syaheerah Lebai Lutfi	Pusat Pengajian Sains Komputer	Intel Microelectronics (M) Sdn. Bhd.
3	Dr. Shankar Karuppayah	Pusat IPv6 Termaju Negara	Huawei Malaysia
4	Dr. Tan Jun Jie	Institut Perubatan & Pergigian Termaju	Openlearning Global (M) Sdn. Bhd.
5	Dr. Sukumar Letchmunan	Pusat Pengajian Sains Komputer	PLUS Malaysia Berhad
6	Dr. Shangeetha Ganesan	Pusat Pengajian Sains Kimia	CCM Duopharma Biotech Berhad



2.2 Infrastruktur dan Infostruktur (Infrastructure & Infostructure)


Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi (PPKT) berperanan sebagai Pusat Tanggungjawab Perkhidmatan ICT untuk menyokong keperluan penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, pentadbiran dan perkhidmatan.

Perkhidmatan PPKT meliputi empat (4) bidang utama iaitu, tadbir urus ICT, sokongan teknikal, prasarana fizikal ICT dan sistem aplikasi. Peranan utama PPKT adalah menyediakan satu persekitaran Teknologi Maklumat (IT) yang berkesan dan lestari. Sepanjang tahun 2018, PPKT mengendali perkakasan ICT yang memastikan kesinambungan perkhidmatan, aktiviti dan projek-projek pada peringkat universiti dapat dilaksanakan dengan sempurna. Berikut ialah bilangan dan kapasiti perkakasan sokongan teknikal ICT.

Bil.	Perkara	Bilangan/Kapasiti			
		Kampus Induk	Kesihatan	Kejuruteraan	IPPT
1	Pelayan Maya	223	105	64	79
2	Storan Fizikal	150TB	50TB	20 TB	20.7TB
3	Kapasiti Jalur Lebar	11Gbps	2Gbps	1Gbps	100Mbps
4	Kapasiti Jalur Lebar Antara Kampus	100Mbps	100Mbps	100Mbps	50Mbps
5	WIFI Access Point (AP)	1526	885	263	95
6	Nod Talian Rangkaian	17184	10200	5698	1445
7	Nod Telefon	4750	3000	1153	585
8	Set Telesidang	87	21	11	5

PPKT menggunakan teknologi Microsoft SQL Always On untuk memastikan keselamatan data USM. Teknologi ini membenarkan data direplikasi antara pelayan di dalam dan di antara kampus.

MSSQL High Availability Implementation



2.2.1 Aplikasi Baharu USM


USM telah membangunkan dan menyelenggara sistem aplikasi universiti dan menyokong 80 peratus daripada keperluan sistem aplikasi universiti. Inisiatif tahun 2018 yang berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut:

a. MYPERSONA

MYPERSONA telah dibangunkan pada Oktober 2018 bagi eksesais pengambilan staf untuk menilai personaliti calon.

b. MyTalent@USM V2

Sistem ini membantu proses penilaian kompetensi kepemimpinan staf bagi tujuan pembangunan diri dan organisasi. Penilaian merangkumi aspek soal selidik (*survey*) bagi tujuan penilaian sendiri dan penilaian 360 darjah. Penilaian diguna pakai sebagai rujukan dalam proses kemajuan kerjaya staf dan pemilihan Ketua Jabatan, pemilihan secara objektif untuk kemajuan kerjaya staf dan penyimpanan rekod bakat staf dalam satu repositori. Contoh Graf Penilaian adalah seperti gambarajah berikut:



Individu **PTJ**


Senarai PTJ

INSTITUT PENYELIDIKAN PENDIDIKAN TINGGI NEGARA

klik untuk besarkan

PURATA PTJ PURATA UNIVERSITI H I A

J5 chart by amCharts



c. Sistem Gaji Baharu (SGB)

Sistem Gaji Baharu (SGB) yang telah diimplementasikan pada Julai 2018 ialah sebagai hasil integrasi data dan proses untuk menguruskan pembayaran gaji staf USM di semua kampus secara lebih sistematik. Melalui SGB, proses kerja diautomasikan untuk mengurangkan masa pemprosesan data gaji yang merangkumi pemprosesan serentak di semua kampus. SGB memudahkan pihak USM dalam mengendalikan dan melakukan pembayaran gaji bulanan secara

sistematik. SGB juga menyediakan pelaporan dalam bentuk data analitik yang membolehkan pihak yang bertanggungjawab merancang dan mengunjurkan ke hadapan keperluan peruntukan gaji USM. SGB membolehkan tempoh pemprosesan gaji dioptimumkan dari 14 hari kepada tiga (3) hari, serta data pembayaran berintegriti dengan rujukan kepada hanya pangkalan data staf dari Bahagian Sumber Manusia.

d. Sistem E-Opt (Permohonan Bersara Pilihan)


Sistem ini dibangunkan bagi membolehkan staf membuat permohonan bersara pilihan secara dalam talian tanpa perlu mengisi borang secara manual. Ia dapat memastikan proses pengurusan staf yang memohon untuk bersara pilihan dapat dipantau secara sistematik.

e. Sistem Klinik ePanel

Sistem Klinik ePanel ialah sistem pengurusan data yang memudahkan prosedur untuk warga USM mendapatkan rawatan di klinik panel USM dan membolehkan pihak klinik membuat tuntutan secara dalam talian. Objektif utama sistem ini ialah:

- Menghadkan tuntutan bagi pelajar sebanyak enam (6) lawatan sahaja setiap semester.
- Memastikan staf hanya mendapat rawatan di klinik yang didaftarkan
- Memudahkan pihak klinik panel untuk membuat tuntutan
- Memantau tuntutan klinik panel

Sistem ini dapat mewujudkan kawalan terhadap tatacara dan garis panduan yang ditetapkan. ePanel Versi 2 ini berjaya membantu USM mengurangkan pembiayaan terhadap klinik panel kepada ¼ daripada pembayaran sebelum ini.



f. HCMS Akademik V3

Versi 3 ini digunakan untuk menyelaraskan data pencapaian staf akademik bagi tujuan kemajuan kerjaya. Pengurusan proses kenaikan pangkat staf secara dalam talian dapat dilaksanakan dengan lebih objektif merangkumi kawalan terhadap proses kenaikan pangkat.





g. Sistem Pengurusan dan Pemantauan Aset Universiti (AMS)

Sistem ini dibangunkan untuk mengautomatiskan proses pengurusan dan pemantauan aset alih kerajaan di USM. Ia telah berkuatkuasa pada Januari 2018 dan melibatkan pengumpulan rekod Harta Modal (Aset Alih Dipermodalkan) dan Inventori (Aset Alih Tidak Dipermodalkan) Universiti. Sistem dibangunkan berdasarkan piawaian yang dinyatakan dalam Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA). Pemusatan data aset dan inventori USM di semua kampus untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan rekod dan proses pemantauan dan audit.

Aset Mudah Alih & Tak Alih USM



Statistik Bangunan Mengikut Usia



h. Industry Community Network Information System (ICNIS): Modul MoU/MoA

Sistem ini dibangunkan bagi staf membuat permohonan memorandum perjanjian dan membolehkan pentadbir merekodkan dan menguruskan memorandum perjanjian USM. ICNIS dibangunkan bagi:


- Memudahkan dan mempercepat penjaanaan laporan
- Melestarikan (*paperless*) dan mempercepat proses permohonan
- Memudahkan carian maklumat dan statistik

Sistem ini memudahkan pemantauan rekod dari permulaan penyediaan MoU/MoA hingga aktiviti dijalankan. Contoh Dashboard ICNIS adalah seperti gambarajah di bawah:



i. OCADS (OBE Computational and Database System)

Sistem analisis (OCADS) dibangunkan sebagai sistem pengukuran pencapaian setiap kursus dan pelajar. Pengukuran ini penting dalam Outcome Based Education (OBE) untuk memenuhi keperluan akreditasi oleh Lembaga Jurutera Malaysia.



j. Itemise Billing EMR (Electronic Medical Record) HUSM

EMR ialah sistem utama yang menempatkan pelbagai modul bagi kegunaan pengamal perubatan. Sistem ini menambah baik sistem sedia ada dengan memusatkan beberapa sistem utama HUSM. Sebelum ini, sistem-sistem ini tidak diintegrasikan dan memerlukan proses login yang berbeza. Sistem EMR ini mampu meningkatkan kutipan hasil tahunan HUSM.

Analisis Kutipan Hasil

Januari - Mei



k. USM Tobacco Quitline (MQuit)

USM Tobacco Quitline adalah selari dengan inisiatif USMFIT yang menawarkan perkhidmatan telekaunseling untuk membantu perokok berhenti merokok. Melalui sistem ini, kaunselor menjejaki, menasihati dan memantau status perokok secara sistematik dan berjadual. Keberkesanan sistem ini membolehkan ia diberikan pembiayaan untuk diguna pakai oleh industri dan mendapat Anugerah Perak dalam pertandingan International Innovation, Invention and Technology Exhibition (ITEX 2018) di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) pada 10 hingga 12 Mei 2018.

Kepakaran USM ini telah menarik minat pihak Health Education & Communication Centre (HECC), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menandatangani MoA untuk meneruskan perkhidmatan MQuit di seluruh Negara. Pencapaian ini menyerlahkan potensi USM sebagai hub berhenti merokok pada peringkat dalam negara dan pertubuhan WHO.

l. SafeRT V2.0

SafeRT V2.0 ialah sebuah perisian yang dibangunkan penyelidik fizik perubatan di Institut Perubatan & Pergigian Termaju (IPPT) untuk mengesahkan ketepatan pemberian radioterapi termaju bagi pesakit kanser dan memantau prestasi atau jaminan mutu mesin radioterapi. Perisian ini digunakan di Unit Radioterapi dan Onkologi, IPPT bagi jaminan mutu mesin dan memastikan kualiti rawatan radioterapi terjamin dengan efisien.

Perisian ini sedang digunakan dalam audit ketepatan pemberian radioterapi kebangsaan yang ditaja oleh Malaysian Oncological Society (MOS) berjumlah RM45,080. Program Audit Kebangsaan ini ialah program perintis yang disokong KKM dan dijalankan dengan kerjasama Pusat Perubatan Universiti Malaya. Sebanyak 13 Pusat Radioterapi dan Onkologi di hospital seluruh Malaysia sedang menyertai program perintis ini. Program ini akan diperluas ke seluruh negara setelah tamat program perintis.

Reports

Client

State: All | Year: None
 Healthcare provider: None | Quit Smoking: None

GENERATE

Result

#	State	Client
1	Johor	53
2	Kedah	5
3	Kelantan	138
4	Malaka	95

Healthcare Provider

State: All | District: None
 Start: 2016-07-18 | Institution: None
 End: 2019-01-29

GENERATE

Result

#	MQuit No.	Facility	Applicant	Post Quitdate	Registered client	Referred to Quitline	1 month quit	3 month quit	6 month quit
1	QSS-0039	Klinik Kesihatan Salak	Dr. Husni Hussain	0	0	0	0	0	0
2	0191	Sunway Medical Centre	Dr Anza Binti Elias	0	0	0	0	0	0
3	0110	Alpro Alliance Sdn Bhd	Lim En Ni	0	0	0	0	0	0
4	0130	Alpro Alliance Sdn Bhd	Hiew Fei Tsong	3	3	0	0	0	0
5	0111	Alpro Pharmacy	Lee Yin Chen	1	1	0	0	0	0
6	0116	Alpro Pharmacy	Toh Shiek Chi (Stacy)	17	17	0	1	0	0
7	0112	Alpro Pharmacy	Lee Thi Yenn	31	32	4	1	1	1

Perisian ini juga telah menerima dana daripada KPM, Skim Geran Penyelidikan Prototaip bermula 1 Januari 2019 selama dua (2) tahun bagi pembangunan tambahan dan pengkomersilan produk.



Paparan perisian SafeRT 2.0 dibangunkan penyelidik USM

m. Aplikasi Kerjaya: ACE USM

USM mewujudkan aplikasi ACE@USM sebagai platform bagi pelajar dan alumni USM mendapatkan maklumat terkini berkaitan hal-ehwal universiti, peluang pekerjaan dan kebolehpasaran graduan. Aplikasi ini dibangunkan oleh Pusat Perhubungan Alumni, Kerjaya & Kebolehpasaran Graduan USM serta boleh dimuat turun melalui Play Store dan Sistem IOS. Aplikasi ini ialah inisiatif untuk meningkatkan perhubungan antara Alumni dengan USM.



n. SPEED (Seamless Service Provider for Efficient and Effective Delivery)

Kaunter SPEED ialah inisiatif yang digerakkan oleh pasukan petugas penyampaian perkhidmatan melalui kerjasama antara Pusat Transformasi Insan (PTI), Pusat Perumahan dan Penginapan Universiti (P3U) dan Pusat Pengetahuan, Komunikasi & Teknologi (PPKT) bertujuan mewujudkan sebuah pusat sehenti bagi semua perkhidmatan terpilih yang ditawarkan oleh USM kepada pelanggan. SPEED merujuk Seamless Service Provider for Efficient and Effective Delivery (Penyedia Perkhidmatan yang lancar untuk penyampaian yang efisien dan berkesan).

SPEED menawarkan perkhidmatan seperti berikut:

- Pertanyaan
- Tempahan penginapan
- Permintaan untuk pembaikan kerosakan dan penyelenggaraan.

Kaunter SPEED adalah inisiatif USM untuk memberikan pengalaman positif terhadap pelanggan dalam mendapatkan perkhidmatan terbaik daripada universiti. Kaunter SPEED ialah inisiatif penambahbaikan kepada kaunter perkhidmatan yang sedia ada di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) kerana kaunter SPEED mempunyai empat (4) elemen pengukuran prestasi iaitu:

- Masa - Perkhidmatan disampaikan kepada pelanggan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
- *Interoperability* - Proses penyampaian perkhidmatan memerlukan semua pemberi perkhidmatan mematuhi kitaran proses yang telah ditetapkan.
- *Customer rating* - Maklum balas tahap kepuasan pelanggan akan disediakan kepada pelanggan dalam pelbagai platform seperti aplikasi WhatsApp, Facebook, SMS.
- Kualiti - Kualiti semua proses perkhidmatan yang ditawarkan akan dinilai.

o. Key-Performance Indicator Management System (KPI-MS)

KPI-MS ialah satu inovasi sistem pengurusan dan analisis data secara dalam talian (*online*) yang dibangunkan untuk menyimpan data Pusat Tanggungjawab (PTJ) berdasarkan petunjuk prestasi Universiti Penyelidikan (MyRA). MyRA ialah satu sistem penilaian pencapaian penyelidikan yang merangkumi kriteria mengikut elemen kuantiti dan kualiti penyelidik, penyelidikan, pelajar siswazah, inovasi, perkhidmatan penyelidikan dan jaringan kerjasama. Penilaian MyRA adalah penting untuk menentukan pencapaian sebagai Universiti Penyelidikan.

Berdasarkan pengalaman, kepakaran yang dimiliki dan keberkesanan fungsi sistem, KPI-MS USM telah menjadi pilihan untuk diaplikasikan oleh Universiti Malaysia Pahang (UMP). Persetujuan UMP mengguna pakai KPI-MS telah menjana pendapatan sebanyak RM370,000 kepada USM melalui pengkomersilan sistem tersebut. Kejayaan ini jelas menunjukkan kekuatan USM sebagai Universiti Pilihan dan dirujuk oleh universiti lain. Antara impak dan kekuatan sistem KPI-MS adalah seperti berikut:

- **Pengumpulan dan Penyimpanan Data Secara Digital**

KPI-MS berjaya mengoptimumkan teknologi dan memudahkan universiti menyimpan data secara digital dan teratur. Hal ini seiring dengan agenda kelestarian universiti kerana data tidak perlu lagi disimpan dalam bentuk cetakan sekaligus menjimatkan penggunaan ruang universiti secara fizikal.

- **Analitik Data Ke Arah Pembangunan Bakat**

KPI-MS yang dibangunkan membolehkan pihak universiti menganalisis kekuatan bakat staf akademik sekaligus membantu ke arah perancangan strategik untuk pengukuhan sumber manusia.

- **Penjimatan Kos Kewangan**

Evolusi inovasi pada elemen sistem tambahan telah menjadikan KPI-MS sebagai sistem yang komprehensif dan amat berguna bagi pemantauan prestasi universiti. Inovasi ini telah berjaya menjimatkan kewangan universiti melalui Sistem Penerbitan (KPI-MS) sedangkan universiti perlu membelanjakan sekitar RM1.2 juta setahun bagi perkhidmatan yang sama melalui agensi penerbitan global.

- **Penjimatan Sumber**

KPI-MS yang dibangunkan menggunakan sistem perkomputeran secara dalam talian ini telah berjaya menjimatkan masa pengumpulan dan semakan data daripada pelbagai sumber. Keupayaan sistem KPI-MS juga mampu mengurangkan risiko kesilapan yang mungkin dilakukan tanpa sengaja oleh manusia.

- **Peningkatan Sistem Penyampaian**

KPI-MS berjaya meningkatkan sistem penyampaian universiti dalam pemantauan prestasi PTJ berdasarkan sumber data

dengan dokumen sokongan yang tepat. Keupayaan sistem ini dicapai secara dalam talian dari mana-mana sahaja membolehkan KPI-MS menjadi platform utama Pengurusan Tertinggi Universiti dan Ketua PTJ untuk memantau prestasi masing-masing.

- **KPI-MS: Sistem Penerbitan**

Sistem Penerbitan yang dibangunkan di bawah KPI-MS ini berupaya menyimpan data penerbitan bersama dokumen sokongan yang diintegrasikan secara terus daripada pangkalan data penerbitan global, menjana laporan dan analisis penerbitan, mengenal pasti bidang kekuatan dan rangkaian kerjasama berdasarkan penerbitan. Sistem penerbitan ini juga mampu menghasilkan profil penerbitan warga USM secara *real-time*. Antara kemampuan utama sistem penerbitan yang dibangunkan adalah dapat menjana impak penerbitan merangkumi jumlah sitasi dan H-Indeks daripada jurnal tempatan dan antarabangsa secara terperinci mengikut staf akademik, PTJ dan Institusi.

Open Access Repository@USM (<http://eprints.usm.my>) yang merupakan portal internet arkib dan indeks bahan ilmiah USM mencatatkan sejumlah 558,992 pengaksesan bahan. Repositori institusi ini juga menyumbang kepada pengukuhan kedudukan keseluruhan pelayan webometrics universiti (www.usm.my) pada kedudukan ke-606 dunia dan ketiga (3) di Malaysia (sumber:<http://www.webometrics.info/en/Asia/Malaysia>).

2.2.2 Ruang Pembelajaran (*Learning Space*)

USM menitikberatkan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif kepada para pelajar. Pada tahun 2018, USM telah melaksanakan Projek Ruang Pembelajaran di seluruh kampus untuk memberikan pengalaman pembelajaran menarik serta suasana pembelajaran yang lebih baik kepada

pelajar melalui kemudahan internet berkelajuan tinggi. Dalam tahun 2018, sebanyak 18 ruang pembelajaran telah diwujudkan. Sebanyak 94 peratus responden dalam satu tinjauan memberikan respon positif terhadap inisiatif ini. USM terus menggalakkan semua Pusat Pengajian mewujudkan ruang pembelajaran baharu pada tahun 2019. Berikut ialah contoh ruang pembelajaran di USM.



Gambar di atas menunjukkan pelajar sedang berbilang di ruang pembelajaran yang disediakan di Pusat Pengajian Sains Kimia



Salah satu ruang pembelajaran yang terdapat di Pusat Pengajian Sains Fizik



Ruang pembelajaran yang turut disediakan di Perpustakaan Hamzah Sendut, Kampus Induk, Pulau Pinang



Salah satu ruang pembelajaran yang terdapat di Perpustakaan Hamzah Sendut, Kampus Induk, Pulau Pinang

2.2.3 Bilik Laktasi

Hasil penglibatan Pusat Penyelidikan Wanita dan Gender (KANITA) dalam penyelidikan dan advokasi tentang kepentingan penyusuan ibu dan perlindungan materniti di tempat kerja, pada tahun 2018 USM telah mengambil inisiatif memulakan kemudahan Bilik Laktasi. Bilik Laktasi ialah ruang yang disediakan supaya pekerja wanita yang kembali bekerja selepas cuti bersalin dan memilih untuk menyusukan

anak dengan susu ibu dapat menjalankan proses pemerah atau mengepam susu ibu untuk simpanan semasa waktu bekerja. Kemudahan ini bertujuan menyediakan ruang yang selesa dan menghormati keperluan seorang ibu. Kemudahan ini juga adalah sebagai tanda bahawa USM menyokong para ibu untuk terus aktif dan kekal berkhidmat di USM selepas proses kehamilan dan melahirkan anak.



Perasmian Bilik Laktasi di Kanita oleh Naib Canselor USM pada 5 Januari 2018



Pengarah KANITA, Profesor Dr. Noraida Endut menunjukkan tatacara yang betul untuk menyimpan susu ibu



2.3 Kewangan (*Finance*)

2.3.1 Prestasi & Laporan Kewangan

USM telah menguruskan operasi tahun 2018 seperti yang dirancang walaupun berdepan dengan cabaran ekonomi semasa. Kesan ekonomi serantau dan global ke atas kedudukan kewangan kerajaan menuntut USM memantapkan usaha penjana pendapatan serta meningkatkan kecekapan dalam menguruskan kewangannya. Polisi pembiayaan dari Kerajaan Persekutuan turut mempengaruhi strategi belanjawan dan keamanan kewangan USM.

2.3.2 Strategi Belanjawan

Strategi Belanjawan 2018 dirangka dengan berfokus pada kelestarian kewangan USM serta pengurangan tahap kebergantungan terhadap kerajaan, melalui peningkatan penjana sumber dalaman, pengoptimuman sumber dan penjimatan. Belanjawan Mengurus telah dirangka untuk menampung keperluan operasi bagi memastikan kelancaran pelaksanaan aktiviti empat (4) komponen utama USM, iaitu Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan, Perkhidmatan & Pentadbiran. Belanjawan ini telah menyokong kecemerlangan USM dengan memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan berada pada tahap yang terbaik.

2.3.3 Strategi Keamanan Kewangan USM

Kelestarian kewangan adalah merupakan tunjang utama dalam memastikan objektif USM tercapai. Strategi keamanan kewangan bagi tahun 2018 adalah untuk meningkatkan pendapatan sumber dalaman dan pengoptimuman sumber/rasionalisasi kos.

Meningkatkan Pendapatan Sumber Dalaman

Antara inisiatif yang telah dijalankan adalah:

- Penetapan, pemantauan dan pencapaian KPI Penjana Pendapatan Pusat Tanggungjawab Akademik dan Bukan Akademik
- Menggunakan Manual Perniagaan bagi semua aktiviti perniagaan
- Meningkatkan pengambilan pelajar antarabangsa
- Pengkomersilan idea, hasil penyelidikan dan produk
- Mengkaji semula yuran, kadar dan kos per pelajar
- Menjalinkan usahasama strategik antara USM dengan institusi luar negara
- Menaiktaraf Wad Eksekutif *Private Wing* Hospital USM kepada 42 katil
- Meningkatkan sumber dermaan/wakaf/zakat USM (diuruskan oleh Pejabat Zakat, Wakaf & Infaq USM) serta sumbangan berbentuk hadiah, biasiswa, derma dan lain-lain (diuruskan oleh Yayasan USM)

Pengoptimuman Sumber/Rasionalisasi Kos

Inisiatif-inisiatif penjimatan dan mengoptimumkan sumber meliputi penjimatan dan rasionalisasi kos seperti yang berikut:

- Kajian semula dan penambahbaikan berterusan terhadap kecekapan dan keberkesanan operasi sedia ada
- Penambahbaikan kaedah perolehan untuk mencapai nilai terbaik dengan harga
- Pengoptimuman ruang dan sumber

2.3.4 Kampus Tanpa Tunai

Projek USMartPay telah dilancarkan pada tahun 2018 dengan tujuan untuk mewujudkan USM Kampus Tanpa Tunai. USMartPay ialah gerbang pembayaran USM yang direka dengan kaedah pembayaran yang selamat dan mudah untuk membolehkan perkhidmatan diberikan kepada pelanggan dengan lebih efektif dan efisien. USMartPay memperluaskan penggunaan mod pembayaran secara elektronik sedia ada melalui Kad Debit, Kad Kredit, *ePayment* (pembayaran dalam talian; FPX) kepada pembayaran melalui mod Kod QR, Kad Prabayar dan *e-Wallet*.

USMBiz juga telah dibangunkan dalam tahun 2018 sebagai portal perniagaan setempat USM. Pelanggan boleh membuat tempahan perkhidmatan, ruang, kemudahan sukan melalui portal ini dan membuat bayaran melalui USMartPay.

2.3.5 Pencapaian Penyata Kewangan 2018

Sijil Ketua Audit Negara

USM telah berjaya mengekalkan prestasi kecemerlangan Penyata Kewangan dengan menerima **Sijil Tanpa Teguran** daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia berakhir pada 31 Disember 2018.

PRESTASI KEWANGAN 2018

Universiti menguruskan kewangannya berdasarkan empat Kumpulan Wang iaitu Kumpulan Wang Mengurus, Pembangunan, Amanah dan Enterprise. Penyata Kewangan yang disediakan merupakan penyata yang disatukan antara Universiti dengan anak syarikat milik penuh Universiti iaitu Usains Holdings Sdn Bhd.

AKAUN KUMPULAN

Pendapatan

Pendapatan Kumpulan pada tahun 2018 berjumlah RM1,395.36 juta berbanding RM1,297.83 juta dalam tahun 2017, iaitu meningkat sebanyak RM97.53 juta (7.5%). Daripada jumlah pendapatan tersebut, sebanyak RM1,031.83 juta (74.0%) ialah geran kerajaan, RM147.03 juta (10.5%) ialah yuran pelajar, RM22.27 juta (1.6%) ialah perkhidmatan hospital dan RM194.23 juta (13.9%) ialah pendapatan lain.


Perbelanjaan

Perbelanjaan Kumpulan pada tahun 2018 berjumlah RM1,449.54 juta berbanding RM1,434.22 juta pada tahun 2017, iaitu meningkat sebanyak RM15.32 juta (1.1%). Daripada jumlah ini, sebanyak RM805.95 juta (55.6%) adalah untuk perbelanjaan emolumen, RM428.09 juta (29.5%) untuk perkhidmatan dan bekalan, RM9.26 juta (0.7%) untuk pembelian harta modal dan RM206.24 juta (14.2%) untuk peruntukan susutnilai aset dan lain-lain.

Secara keseluruhannya, Kumpulan telah mencatatkan kurangan pendapatan atas perbelanjaan sebanyak RM54.94 juta dalam tahun 2018 menurun sebanyak 60% berbanding tahun 2017.

Aset & Liabiliti

Jumlah aset pada tahun 2018 ialah sebanyak RM1,565.51 juta berbanding RM1,703.38 juta pada tahun 2017, menurun sebanyak RM137.87 (8.1%) manakala, jumlah liabiliti semasa berjumlah RM127.11 juta berbanding RM140.01 juta pada tahun 2017, menurun sebanyak RM12.90 juta (9.2%).



PRESTASI KEWANGAN KUMPULAN WANG

Kumpulan Wang Mengurus, Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Amanah Penyelidikan adalah kumpulan wang yang menerima geran bantuan Kerajaan manakala Kumpulan Wang Akaun Amanah menerima sumber daripada pelbagai agensi dalam dan luar negara. Akaun Amanah adalah akaun yang ditubuhkan berdasarkan Surat Iktan Amanah sepertimana yang ditetapkan oleh pemberi amanah. Kumpulan Wang Amanah Enterprise Universiti adalah akaun amanah yang menerima sumber daripada aktiviti-aktiviti penjanaan pendapatan Universiti sendiri.

Kumpulan Wang Mengurus

Pendapatan mengurus USM pada tahun 2018 adalah sebanyak RM1,042.39 juta berbanding sebanyak RM964.15 juta dalam tahun 2017, iaitu peningkatan sebanyak RM78.24 juta (8.1%). Daripada jumlah pendapatan ini, sebanyak RM900.23 juta (86.4%) adalah daripada pemberian kerajaan manakala RM85.95 juta (8.2%) adalah daripada yuran pelajar dan RM56.20 juta (5.4%) adalah daripada pelbagai pendapatan Universiti.

Manakala perbelanjaan mengurus pada tahun 2018 berjumlah RM1,100.52 juta berbanding sebanyak RM1,093.85 juta dalam tahun 2017, meningkat sebanyak RM6.67 juta (0.6%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, sebanyak RM767.33 juta (69.7%) adalah untuk perbelanjaan emolumen, RM271.64 juta (24.7%) adalah untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan, RM1.48 juta (0.1%) untuk perbelanjaan harta modal dan RM60.07 juta (5.5%) untuk pelbagai perbelanjaan.

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang Mengurus dalam tahun 2018 menunjukkan kurangan pendapatan terkumpul sebanyak RM59.95 juta berbanding RM65.51 juta dalam tahun 2017, menurun sebanyak RM5.56 juta (8.5%).

Kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang Mengurus adalah seperti jadual di bawah:

Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Mengurus Tahun 2017 & 2018

	Tahun 2018 RM juta	Tahun 2017 RM juta
Pendapatan	1,042.39	964.15
Tolak: Perbelanjaan	(1,100.52)	(1,093.85)
Kurangan untuk tahun	(58.14)	(129.70)
Kurangan terkumpul awal tahun	(65.51)	(3.81)
Pelarasan/Pindahan	63.69	68.00
Kurangan terkumpul akhir tahun	(59.95)	(65.51)

Kumpulan Wang Pembangunan

Pendapatan pembangunan pada tahun 2018 ialah sebanyak RM6.87 juta berbanding sebanyak RM7.50 juta dalam tahun 2017, menurun sebanyak RM0.63 juta (8.4%). Manakala perbelanjaan pembangunan pada tahun 2018 ialah berjumlah RM16.66 juta berbanding sebanyak RM37.43 juta dalam tahun 2017, menurun sebanyak RM20.77 juta (55.5%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, perbelanjaan untuk pembelian harta modal bagi tujuan pembangunan berjumlah RM0.67 juta (4.0%), RM2.61 juta (15.7%) untuk perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan manakala RM13.38 juta (80.3%) adalah untuk perbelanjaan lain.

Secara keseluruhan, terdapat kurangan pendapatan atas perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM9.79 juta dalam tahun 2018 berbanding kurangan pendapatan atas perbelanjaan sebanyak RM29.93 juta dalam tahun 2017, menurun sebanyak RM20.14 juta (67.3%). Kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti jadual di bawah:

Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Pembangunan Tahun 2017 & 2018

	Tahun 2018 RM juta	Tahun 2017 RM juta
Pendapatan	6.87	7.50
Tolak: Perbelanjaan	(16.66)	(37.43)
Kurangan untuk tahun	(9.79)	(29.93)
Lebihan terkumpul awal tahun	51.53	79.60
Pelarasan/Pindahan	0.00	1.86
Lebihan terkumpul akhir tahun	41.74	51.53

Kumpulan Wang Amanah Penyelidikan

Kumpulan Wang ini terdiri daripada kumpulan wang yang menerima geran bagi tujuan program atau aktiviti penyelidikan dan perundingan. Geran penyelidikan diterima daripada sumber kerajaan di samping organisasi swasta dari dalam dan luar negara. Geran tersebut diakaunkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Universiti Penyelidikan.

Selaras dengan pemakaian Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS), geran penyelidikan diakaunkan berasaskan prinsip Pendapatan Tertunda (*Deferred Income*). Prinsip ini mengkehendaki geran yang diterima diakaunkan sebagai Geran Penyelidikan Tertunda di bawah Liabiliti Bukan Semasa. Pengiktirafan geran sebagai pendapatan adalah berdasarkan peratusan penyiapan projek penyelidikan.

Baki awal geran belum belanja tahun 2018 berjumlah RM157.45 juta. Sepanjang tahun 2018, USM telah menerima sejumlah RM57.88 juta geran penyelidikan dari pelbagai sumber. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM14.61 juta (20.2%) berbanding RM72.49 juta dalam tahun 2017. Jumlah perbelanjaan dalam tahun 2018 ialah sebanyak RM62.34 juta berbanding RM64.85 juta dalam tahun 2017, menurun sebanyak RM2.51 juta (3.9%). Baki akhir geran belum belanja tahun 2018 ialah sebanyak RM153.92 juta. Kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang Pembangunan adalah seperti jadual di bawah:

Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Amanah Penyelidikan Tahun 2017 & 2018

	Tahun 2018 RM juta	Tahun 2017 RM juta
Baki awal geran belum belanja	157.45	150.80
Tambah : Penerimaan geran	57.88	72.49
Tolak: Perbelanjaan	(62.34)	(64.85)
Pelarasan/Pindahan	0.93	(0.99)
Baki akhir geran belum belanja	153.92	157.45

Kumpulan Wang Akaun Amanah

Pendapatan dari pelbagai Akaun Amanah pada tahun 2018 ialah sebanyak RM104.78 juta berbanding RM84.08 juta dalam tahun 2017, meningkat sebanyak RM20.70 juta (24.6%). Manakala perbelanjaan bagi pelbagai Akaun Amanah pada tahun 2018 ialah berjumlah RM97.12 juta berbanding RM110.46 juta dalam tahun 2017, menurun sebanyak RM13.34 juta (12.1%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, perbelanjaan untuk emolument berjumlah RM16.48 juta (17.0%), perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM35.57 juta (36.6%), RM11.73 juta (12.1%) untuk perbelanjaan pemberian dan kenaaan bayaran tetap, RM3.11 juta (3.2%) perbelanjaan untuk pembelian harta modal, manakala RM30.23 juta (31.1%) adalah untuk perbelanjaan lain termasuk susutnilai.

Secara keseluruhan, terdapat lebih pendapatan atas perbelanjaan Kumpulan Wang Akaun Amanah sebanyak RM7.66 juta dalam tahun 2018 berbanding kurangan pendapatan atas perbelanjaan RM26.38 juta dalam tahun 2017, meningkat sebanyak RM34.04 juta (129.0%). Kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang Akaun Amanah adalah seperti jadual di sebelah:

**Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Akaun Amanah
Tahun 2017 & 2018**

	Tahun 2018 RM juta	Tahun 2017 RM juta
Pendapatan	104.78	84.08
Tolak: Perbelanjaan	(97.12)	(110.46)
Lebihan/(Kurangan) untuk tahun	7.66	(26.38)
Lebihan terkumpul awal tahun	422.33	480.59
Pelarasan/Pindahan	(11.52)	(31.88)
Lebihan terkumpul akhir tahun	418.47	422.33

Kumpulan Wang Amanah Enterprise Universiti

Pendapatan Amanah Enterprise Universiti pada tahun 2018 ialah sebanyak RM97.43 juta berbanding RM105.53 juta dalam tahun 2017, menurun sebanyak RM8.10 juta (7.7%). Manakala perbelanjaan Amanah Enterprise Universiti pada tahun 2018 ialah berjumlah RM99.24 juta berbanding RM94.36 juta dalam tahun 2017, meningkat sebanyak RM4.88 juta (5.2%). Daripada jumlah perbelanjaan ini, perbelanjaan untuk perkhidmatan dan bekalan berjumlah RM72.69 juta (73.3%), RM6.24 juta (6.3%) untuk perbelanjaan emolumen manakala RM20.31 juta (20.4%) adalah untuk perbelanjaan lain.

Secara keseluruhan, terdapat kurangan pendapatan atas perbelanjaan Kumpulan Wang Amanah Enterprise Universiti sebanyak RM1.81 juta dalam tahun 2018 berbanding lebihan pendapatan atas perbelanjaan sebanyak RM11.18 juta dalam tahun 2017, menurun sebanyak RM12.99 juta (116.2%). Kedudukan kewangan bagi Kumpulan Wang Amanah Enterprise Universiti adalah seperti jadual di bawah:

**Kedudukan Kewangan Kumpulan Wang Amanah Enterprise Universiti
Tahun 2017 & 2018**


	Tahun 2018 RM juta	Tahun 2017 RM juta
Pendapatan	97.43	105.53
Tolak: Perbelanjaan	(99.24)	(94.36)
(Kurangan)/Lebihan untuk tahun	(1.81)	11.17
Lebihan terkumpul awal tahun	219.43	245.70
Pelarasan/Pindahan	(53.19)	(37.44)
Lebihan terkumpul akhir tahun	164.42	219.43

Tahun 2018 telah menyaksikan pencapaian USM menguruskan operasinya seperti yang dirancang walaupun berdepan dengan kedudukan kewangan yang mencabar.

Walaupun prestasi kewangan Kumpulan dan USM menunjukkan defisit sebanyak RM54.94 juta dalam tahun 2018, USM masih berupaya mengekalkan prestasi dan kecemerlangan tahap kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan pemegang taruhnya.

USM juga telah berjaya mengekalkan prestasi kecemerlangan Penyata Kewangan dengan menerima **Sijil Tanpa Teguran** daripada Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan USM bagi tahun berakhir 31 Disember 2018.

STATISTIK KEWANGAN



2.3.6 Laporan Ketua Audit Negara



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 31.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard*, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Sains Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

